

**PERBANDINGAN TAHAP MINAT, PERSEPSI DAN TAHAP  
PENCAPAIAN AKADEMIK DI ANTARA MURID MELAYU  
DAN CINA TINGKATAN EMPAT TERHADAP PENDIDIKAN  
SENI VISUAL DI ZON BANGSAR KUALA LUMPUR**

**WOON YOKE LAN**

**PUSAT KEBUDAYAAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**PERBANDINGAN TAHAP MINAT, PERSEPSI DAN  
TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK DI ANTARA MURID  
MELAYU DAN CINA TINGKATAN EMPAT TERHADAP  
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI ZON BANGSAR KUALA  
LUMPUR**

**WOON YOKE LAN**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA KESENIAN (SENI RUPA)**

**PUSAT KEBUDAYAAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: WOON YOKE LAN

(No. K.P/Pasport: 651104-08-6304)

No. Pendaftaran/Matrik: RGB110002

Nama Ijazah: SARJANA KESENIAN (SENI RUPA)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PERBANDINGAN TAHAP MINAT, PERSEPSI DAN TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK DI ANTARA MURID MELAYU DAN CINA TINGKATAN EMPAT TERHADAP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI ZON BANGSAR KUALA LUMPUR.

Bidang Penyelidikan: PENDIDIKAN SENI

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 7 SEPTEMBER 2015

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 7 SEPTEMBER 2015

Nama:  
Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan membanding tahap minat, persepsi dan pencapaian akademik di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) di zon Bangsar Kuala Lumpur. Tinjauan literatur menunjukkan pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk meneliti perbezaan pencapaian akademik di antara bangsa, namun tiada penyelidikan yang mengkaji mengenai subjek Pendidikan Seni Visual. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan (*survey*). Soal selidik dan dokumen analisis sebagai instrumen kajian. Analisis tentang sampel kajian adalah berdasarkan data yang dikumpulkan melalui soal selidik. Soal selidik mengandungi 23 item. Semua pilihan di bawah item-item menggunakan pengukuran berskala Likert. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 14.0. Kajian ini dijalankan di empat sekolah menengah kebangsaan zon Bangsar Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada 303 orang murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV. Pada keseluruhannya, responden minat terhadap subjek PSV. Pencapaian responden lelaki lebih cemerlang dalam penguasaan teori seni manakala responden perempuan lebih cemerlang dalam penguasaan lukisan. Jika dibanding dengan bangsa Cina, bangsa Melayu lebih minat terhadap subjek PSV dan seterusnya mencapai tahap yang lebih cemerlang dalam penilaian subjek PSV.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to examine the level of interest, perception and differences between the Malay and Chinese ethnic group in Form Four Visual Arts academic achievement. Past literature shows various researches done on comparing academic achievement and its relation to ethnic differences, however, there is an absence of study that examine on Malaysian visual arts education. The approach used is case study on schools within Bangsar, Kuala Lumpur, by using survey design. The questionnaires and document analysis is used as measuring instruments. The data collected from research samples are survey questionnaires. It contains 23 items based on Likert scales. The data is analyzed using *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* 14.0. The research is carried out in four secondary schools in the zone of Bangsar, Kuala Lumpur. 303 respondents who are form four students were selected as samples. As a result, the respondents show great interest in Visual Arts Education. The male respondents show excellent performance in the theory of arts while the female respondents prone to mastering the practical side of drawing of arts. The Malay students show more interest in learning visual arts as compared to Chinese students. The Malay students excel better in the assessment of Visual Arts Education.

## PENGHARGAAN

Amat bersyukur kerana penulisan disertasi ini akhirnya sampai ke penghujung. Adalah wajar mengambil peluang ini bagi merakamkan penghargaan kepada beberapa individu dan pihak tertentu yang telah memberi sumbangan sehingga terhasilnya disertasi ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Sabzali Musa Khan dan Dr. Loo Fung Ying selaku penyelia yang tidak pernah keberatan meluangkan masa dan tenaga untuk memberi galakan, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang konstruktif dari peringkat penyediaan disertasi hinggalah ke peringkat penghasilan laporan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah menengah harian.

Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada En. Salbani bin Shamsuri yang telah memberi tunas idea terhadap kajian, En. Jaffri Hanafi yang banyak membantu memperkemas disertasi saya dan rakan-rakan yang telah memberi sokongan moral dan tenaga semasa saya menghadapi cabaran intelektual yang begitu sukar sekali. Tidak lupa juga penghargaan ditujukan kepada semua individu atau pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Akhirnya saya merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada semua ahli keluarga saya atas kasih sayang, sokongan dan bantuan yang sentiasa diberikan sepanjang saya belajar dan menghasilkan disertasi ini. Dengan doa, restu dan dorongan daripada mereka semua, akhirnya saya berjaya menyiapkan disertasi ini.

## JADUAL KANDUNGAN

Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Jadual Kandungan .....	vi
Senarai Gambar Rajah.....	xi
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Lampiran .....	xvi
<b>BAB 1: PENGENALAN .....</b>	<b>.1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.2.1 Sejarah Pendidikan Seni Visual.....	1
1.2.2 Seni Dalam Kurikulum Sekolah Malaysia .....	4
1.3 Pernyataan Masalah .....	12
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Persoalan Kajian.....	14
1.6 Signifikan Kajian.....	15
1.7 Skop kajian.....	16
1.8 Kerangka Teori.....	17
(1) Taksonomi Domain Kognitif Benjamin S.Bloom (1956).....	19
(2) Domain Afektif (Krathwohl).....	21
(3) Domain Psikomotor (Simpson).....	22
1.9 Batasan Kajian.....	23
1.10 Definisi Istilah Yang Digunakan.....	24
1.11 Kesimpulan .....	30
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR.....</b>	<b>31</b>

2.1	Pengenalan.....	31
2.2	Teori Taksonomi Pendidikan.....	31
2.2.1	Domain Kognitif Bloom (1956).....	31
2.2.2	Domain Afektif.....	37
2.2.3	Domain Psikomotor .....	41
2.3	Teori Pembelajaran.....	45
2.4	Subjek Pendidikan Seni Visual .....	52
2.5	Kajian Lepas yang Berkaitan dengan Minat dan Pendidikan Seni Visual .....	54
2.6	Jenis-jenis Sekolah Menengah di Malaysia .....	57
2.7	Hubungan Antara Jantina, Bangsa dan Pencapaian Akademik .....	59
2.8	Kesimpulan .....	61
	<b>BAB 3: REKA BENTUK KAJIAN DAN TATACARA KAJIAN .....</b>	<b>62</b>
3.1	Pengenalan.....	62
3.2	Kaedah Kajian.....	62
3.3	Pemilihan Sampel Kajian.....	64
3.4	Lokasi Kajian.....	67
3.5	Instrumen Kajian.....	67
3.6	Tatacara Kajian.....	70
3.7	Perancangan dan Pelaksanaan Kajian.....	70
3.8	Analisis Data.....	72
3.9	Kesimpulan.....	76
	<b>BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN DATA KAJIAN.....</b>	<b>77</b>
4.1	Pengenalan.....	77
4.2	Profil Responden.....	77



4.2.1	Kelas.....	78
4.2.2	Jantina.....	78
4.2.3	Bangsa.....	79
4.3	Laporan Hasil Dapatan Kajian.....	80
4.3.1	Laporan Hasil Kajian Tahap Minat Responden Terhadap Subjek PSV.....	80
4.3.2	Laporan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Subjek PSV.....	84
4.3.2.1	Persepsi Responden Terhadap Subjek Pendidikan Seni Visual....	85
4.3.2.2	Persepsi Responden Terhadap Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah.....	89
4.3.2.3	Persepsi Responden Terhadap Buku Teks PSV.....	93
4.3.3	Pencapaian Akademik Responden dalam Subjek PSV.....	97
4.3.3.1	Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 1 Subjek PSV...97	
4.3.3.2	Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 2 Subjek PSV...99	
4.3.3.3	Pencapaian Akademik Responden Dalam Keseluruhan PSV ....	102
4.4	Analisis dan Perbandingan Dapatan Data Kajian.....	105
4.4.1	Profil Responden.....	106
4.4.1.1	Kelas.....	106
4.4.1.2	Jantina .....	106
4.4.1.3	Bangsa .....	112
4.4.2	Tahap Minat Responden Terhadap Subjek PSV .....	122
4.4.2.1	Perbandingan Tahap Minat Berdasarkan Bangsa Terhadap PSV.	126
4.4.2.2	Perbandingan Tahap Minat Responden Melayu dan Cina Terhadap PSV .....	127
4.4.3	Perbandingan Persepsi Responden Melayu dan Cina Terhadap PSV.....	129
4.4.3.1	PSV Adalah Sama Penting Dengan Subjek Lain .....	129
4.4.3.2	PSV Penting Dalam Prospek Kerjaya Masa Depan.....	131

4.4.3.3	Mempelajari PSV Adalah Atas Paksaan Pakej.....	133
4.4.4	Perbandingan Persepsi Responden Terhadap Buku Teks PSV.....	136
4.4.4.1	Buku Teks Boleh Membantu Murid Dalam Membuat Persediaan Belajar.....	136
4.4.4.2	Buku Teks Merupakan Pemangkin Minat.....	139
4.5	Kesimpulan.....	142
<b>BAB 5: DAPATAN KAJIAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN.....</b>		<b>144</b>
5.1	Pengenalan.....	144
5.2	Dapatan Kajian .....	144
5.2.1	Perbandingan Tahap Minat Responden Terhadap Subjek PSV.....	144
5.2.2	Perbandingan Persepsi Responden Terhadap PSV.....	145
5.2.3	Perbandingan Pencapaian Akademik Responden Dalam Subjek PSV.....	146
5.2.3.1	Jantina.....	146
5.2.3.2	Bangsa.....	147
5.3	Implikasi Kajian .....	148
5.3.1	Kementerian Pelajaran Malaysia.....	148
5.3.2	Sekolah .....	149
5.3.3	Para Pendidik .....	149
5.3.4	Murid.....	150
5.4	Kesimpulan .....	151
5.4.1	Tahap Minat Murid Tingkatan Empat Terhadap Subjek PSV .....	151
5.4.2	Persepsi Murid Tingkatan Empat Terhadap PSV.....	152
5.4.3	Persepsi Murid Tingkatan Empat Terhadap Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah .....	152
5.4.4	Persepsi Terhadap Buku Teks PSV.....	152
5.4.5	Perbandingan Pencapaian Akademik Antara Bangsa Melayu dan Cina...	153

5.5	Cadangan Kajian .....	153
5.6	Rumusan.....	154
	<b>RUJUKAN.....</b>	<b>156</b>
	<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>162</b>

## SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1: Lukisan di dinding Gua Tamban .....	3
Rajah 1.2: Lukisan di dinding Gua Tambun, Ipoh .....	3
Rajah 1.3: Murid tingkatan empat menjalankan peperiksaan akhir tahun .....	12
Rajah 1.4: Tiga Domain Taksonomi Objektif Pendidikan Bloom.....	19
Rajah 1.5: Enam tahap domain Kognitif Benjamin S. Bloom, 1956.....	21
Rajah 1.6: Lima aras dan kategori domain afektif.....	22
Rajah 1.7: Domain-domain Taksonomi Objektif Pendidikan dan penyelidikan .....	28
Rajah 2.1: Revisi Taksonomi Bloom .....	36
Rajah 2.2: Teori Kognitif Piaget.....	52
Rajah 3.1: Tujuh peringkat dalam proses perancangan dan pelaksanaan kajian .....	71
Rajah 4.1: Peratusan jantina responden .....	79
Rajah 4.2: Peratusan bangsa responden. ....	79
Rajah 4.3: Graf pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV.....	98
Rajah 4.4: Pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV .....	102
Rajah 4.5: Pencapaian akademik responden dalam subjek PSV .....	105
Rajah 4.6: Perbandingan jantina dalam peratusan pencapaian akademik subjek PSV Kertas 1 .....	108
Rajah 4.7: Perbandingan jantina dalam peratusan pencapaian akademik subjek PSV Kertas 2 .....	111
Rajah 4.8: Perbandingan pencapaian akademik berdasarkan bangsa dalam Kertas 1 subjek PSV .....	115
Rajah 4.9: Perbandinagn pencapaian akademik berdasarkan bangsa Melayu dan Cina dalam Kertas 1 subjek PSV.....	117

Rajah 4.10: Perbandingan pencapaian akademik menurut bangsa dalam Kertas 2 PSV .....	119
Rajah 4.11: Perbandingan pencapaian akademik menurut bangsa Melayu dan Cina dalam Kertas 2 PSV.....	122
Rajah 4.12: Keseluruhan tahap minat responden dalam subjek PSV.....	125
Rajah 4.13: Perbandingan tahap minat berdasarkan bangsa terhadap subjek PSV .....	127
Rajah 4.14: Perbandingan tahap minat responden Melayu dan Cina terhadap PSV....	128
Rajah 4.15: Statistik PSV sama penting dengan subjek lain menurut bangsa Melayu dan Cina.....	131
Rajah 4.16: Statistik PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan menurut bangsa Melayu dan Cina .....	133
Rajah 4.17: Statistik persepsi mempelajari subjek PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran sekolah menurut bangsa Melayu dan Cina.....	135
Rajah 4.18: Statistik bangsa Melayu dan Cina dalam buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar.....	139
Rajah 4.19: Statistik bangsa Melayu dan Cina dalam buku teks merupakan pemangkin minat.....	142
Rajah 5.1: Dapatan kajian berdasarkan objektif kajian.....	148
Rajah 5.2: Implikasi kajian berdasarkan objektif kajian .....	150
Rajah 5.3: Kesimpulan objektif kajian .....	154

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Tiga Domain Taksonomi Objektif Pendidikan Bloom .....	18
Jadual 1.2: Sistem Penggredan Peperiksaan dan Ujian .....	27
Jadual 1.3: Tujuh Aras Domain Psikomotor E.J. Simpson .....	29
Jadual 2.1: Konsep Asas Teori Kognitif Piaget .....	49
Jadual 3.1: Kandungan Skala Pengukuran Instrumen .....	70
Jadual 3.2: Indeks Reliabiliti Untuk Tahap Minat dan Persepsi yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid Tingkatan Empat .....	75
Jadual 4.1: Statistik Deskriptif Demografi Responden .....	78
Jadual 4.2: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Tahap Minat...81	
Jadual 4.3: Statistik Berdasarkan Tahap Minat Responden.....82	
Jadual 4.4: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Murid .....	85
Jadual 4.5: Statistik Berdasarkan Persepsi Murid.....88	
Jadual 4.6: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Pakej Mata Pelajaran.....90	
Jadual 4.7: Statistik Berdasarkan Kesan Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah.....92	
Jadual 4.8: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Buku Teks.....93	
Jadual 4.9: Statistik Berdasarkan Persepsi Terhadap Buku Teks.....95	
Jadual 4.10: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Dalam Kertas 1 Subjek Pendidikan Seni Visual.....98	
Jadual 4.11: Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 1 Subjek Pendidikan Seni Visual.....99	
Jadual 4.12: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Dalam Kertas 2 Subjek Pendidikan Seni Visual.....100	

Jadual 4.13: Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 2 Subjek PSV.....	101
Jadual 4.14: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Subjek Pendidikan Seni Visual.....	103
Jadual 4.15: Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Subjek Pendidikan Seni Visual.....	104
Jadual 4.16: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Menurut Jantina Dalam Pencapaian Akademik Kertas 1 Subjek Pendidikan Seni Visual.....	107
Jadual 4.17: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Menurut Jantina Dalam Pencapaian Akademik Kertas 2 Subjek Pendidikan Seni Visual.....	110
Jadual 4.18: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Kertas 1 Subjek PSV Menurut Bangsa .....	113
Jadual 4.19: Perbandingan Pencapaian Akademik Berdasarkan Bangsa Melayu dan Cina dalam Kertas 1 PSV.....	116
Jadual 4.20: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Menurut Bangsa Dalam Pencapaian Akademik Kertas 2 Subjek PSV.....	118
Jadual 4.21: Perbandingan Pencapaian Akademik Berdasarkan Bangsa dalam Kertas 2 PSV.....	120
Jadual 4.22: Perbandingan Tahap Minat Berdasarkan Bangsa Terhadap Subjek PSV	126
Jadual 4.23: Perbandingan Tahap Minat Responden Melayu dan Cina Terhadap PSV	127
Jadual 4.24: Statistik Menurut Bangsa Dalam Persepsi Subjek PSV Sama Penting Dengan Subjek Lain.....	129
Jadual 4.25: Statistik Menurut Bangsa Terhadap Subjek PSV Penting Dalam Prospek Kerjaya Masa Depan.....	132
Jadual 4.26: Statistik Menurut Bangsa Dalam Persepsi Mempelajari Pendidikan Seni Visual Adalah Atas Paksaan.....	134

Jadual 4.27: Statistik Persepsi Responden Menurut Bangsa Terhadap Buku Teks Boleh Membantu Murid Dalam Membuat Persediaan Belajar PSV.....	136
Jadual 4.28: Statistik Persepsi Responden Melayu dan Cina Terhadap Buku Teks PSV.....	138
Jadual 4.29: Statistik Persepsi Responden Terhadap Buku Teks Merupakan Pemangkin Minat .....	140
Jadual 4.30: Statistik Persepsi Responden Melayu dan Cina Terhadap Buku Teks merupakan Pemangkin Minat .....	141



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Sampling .....	162
Lampiran B: Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah .....	163
Lampiran C: Soal Selidik .....	164
Lampiran D: Hasil Lukisan Peperiksaan Murid Tingkatan 4.....	167

# **BAB 1      PENGENALAN**

## **1.1      Pengenalan**

Kajian ini mengkaji murid Melayu dan Cina tingkatan empat dalam pencapaian akademik subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) di zon Bangsar Kuala Lumpur. Kesan tahap minat, persepsi terhadap PSV, penentuan agihan pakej mata pelajaran dan kekurangan buku teks terhadap murid turut dikaji. Sekumpulan murid tingkatan empat dari sekolah menengah harian biasa telah dipilih sebagai sampel kajian kes. Dalam bab ini, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, sumbangan kajian, kerangka teoritikal, batasan kajian dan rangka isi kandungan bab adalah dibincang secara teliti.

## **1.2      Latar Belakang Kajian**

Seni merupakan pencatat sejarah perkembangan detik-detik kehidupan manusia pada zaman era tertentu. Seni berkaitan rapat dengan kehidupan manusia. Zaman Paleolitik bermula kira-kira 200 000 hingga 300 000 tahun dahulu, manusia telah mula menghasilkan lukisan dan catan pada dinding gua yang menjadi tempat tinggal mereka. Addiss dan Erickson (1993) menunjukkan pelbagai kegunaan lukisan sejak zaman Paleolitik (rujuk Rajah 1.1 dan Rajah 1.2). Ini merupakan asal usul di mana kepentingan subjek seni diadakan dalam sekolah-sekolah sedunia.

### **1.2.1      Sejarah Pendidikan Seni Visual**

Hasilan karya manusia Paleolitik adalah berkaitan rapat dengan aktiviti kehidupan mereka. Kegiatan memburu binatang liar serta memungut hasil hutan seperti buah-buahan dan pucuk-pucuk daun merupakan kandungan utama catan. Mereka berkarya atas daya imaginasi dan persepsi masing-masing. Manusia Paleolitik menggunakan apa sahaja bahan yang ada di persekitaran mereka untuk berkarya.

Mereka juga menghiasi dinding gua dengan pelbagai jenis lukisan dan catan yang lazimnya bermotifkan binatang buruan dan aktiviti pemburuan mereka.

Menurut Farul Azri (2006), sejarah awal tamadun manusia di Tanah Melayu telah bermula tidak kurang 200,000 tahun dahulu. Bukti-bukti kewujudan manusia dapat di jumpai sekitar Kota Tampan di Lenggong, Perak. Antara penemuan terbesar yang pernah direkodkan dalam kajian sejarah Malaysia ialah penemuan rangka manusia yang berumur sekitar 11,000 tahun di Lenggong yang diberi nama 'Perak Man' atau 'Orang Tampan'.

Di Malaysia, hasil lukisan dan catan lukisan-lukisan Zaman Batu boleh ditemui di beberapa buah gua batu kapur di Lenggong, Perak. Lokasi tersebut adalah terletak di Bukit Jawa, Kota Tampan dan Bukit Bunuh di Lenggong, Perak. Apabila tamadun manusia semakin maju, hasil karya seni visual juga turut berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Perkara ini boleh dibuktikan melalui hasil-hasil karya seni lukis Zaman Tamadun Mesopotamia, Tamadun Mesir Purba, Tamadun Awal Cina, Tamadun Indus, Tamadun Yunani, Tamadun Rom dan pelbagai lagi.

Selain kewujudan manusia pra-sejarah Tanah Melayu di Lenggong Perak, antara penemuan terbesar Malaysia juga terdapat di sekitar Gua Niah, Sarawak. Ini menunjukkan bahawa penempatan manusia sudah wujud lebih kurang 40,000 tahun lalu.



**Rajah 1.1** Lukisan di dinding Gua Tambun (Mforum, 2013.)

Salah satu bukti kewujudan manusia pra-sejarah yang terkenal ialah lukisan di dinding Gua Tambun yang bertarikh lebih kurang 3,000 tahun SM. Bentuk dan imej lukisan gua ini menggambarkan alam persekitaran. Lakaran figura meliputi binatang buruan seperti rusa, pelanduk, tenuk dan labi-labi. (Achmad Sopandi Hasan, 2003)



**Rajah 1.2** Lukisan di dinding Gua Tambun, Ipoh Perak. (Sejarah Melayu, 2013.)

Seni lukis moden mula berkembang di Malaysia sejak awal kurun ke-20 apabila beberapa orang pelukis tempatan menceburi bidang seni lukis secara aktif pada tahun 1930-an. Antara pelopor-pelopor seni lukis moden awal di negara Malaysia ialah Yong Mun Sen dan Abdullah Ariff. Pada peringkat awal perkembangan seni lukis moden di Malaysia adalah didorong oleh pelukis-pelukis yang berpendidikan Inggeris dan Cina. (Mohamad Najib Ahmad Dawa, Zanita Anuar, Hashimah Nyok, & Zainol Abidin Ahmad Shariff, 2008)

Dalam kehidupan harian, orang ramai sentiasa bertembung dengan hasilan bidang seni seperti pakaian, alat pengangkutan, makanan dan sebagainya. Justeru seni amat penting dalam kehidupan dan merupakan sebahagian dari kehidupan. Herbert Edward Read (1931) menyatakan bahawa “*every work of art has some principle of form or coherent structure...*” (ms. 20). Hasil dan produk seni merupakan gabungan idea, emosi, perasaan dan ilmu-ilmu lain.

### **1.2.2 Seni dalam Kurikulum Sekolah Malaysia**

Sistem pendidikan Malaysia meliputi tiga peringkat. Peringkat pendidikan rendah mengambil masa selama enam tahun. Peringkat kedua ialah peringkat menengah rendah (peralihan, tingkatan satu hingga tiga) selama tiga atau empat tahun. Peringkat ketiga ialah peringkat menengah atas (tingkatan empat dan lima) selama dua tahun. Dari sekolah rendah ke sekolah menengah, masa persekolahan seseorang murid adalah 11 atau 12 tahun. Ini merupakan usaha ke arah perkembangan pendidikan seumur hidup (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979).

Kemasukan murid-murid ke pengkhususan peringkat menengah atas adalah berdasarkan kepada taraf pencapaian mereka di dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Di sekolah menengah harian, murid disalurkan sama ada ke jurusan akademik, teknik atau vokasional. Dalam jurusan akademik, murid mengikuti aliran sains atau

aliran sastera. Faktor bakat, minat, kecenderungan dan sikap murid tidak dipertimbangkan semasa agihan aliran memandangkan faktor-faktor tersebut masih boleh berubah dari semasa ke semasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sepenuhnya di tingkatan satu pada tahun 1989. Dalam KBSM, mata pelajaran Pendidikan Seni telah diberi beberapa penekanan. Penekanan yang diberikan adalah pemerolehan ilmu pengetahuan, peningkatan daya pemikiran, penguasaan kemahiran belajar, penglibatan murid secara aktif dalam semua kegiatan, dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah, 2003).

Mata pelajaran dalam sekolah menengah terbahagi kepada mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif. Mata pelajaran teras aliran sastera merangkumi enam mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Sejarah dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Sementara mata pelajaran elektif pula termasuk Pendidikan Seni Visual, Bahasa Cina, Perdagangan, Prinsip Perakaunan, Ekonomi dan lain-lain lagi. Setiap sekolah mempunyai pakej mata pelajaran masing-masing.

Bidang seni telah dijadikan sebahagian daripada kurikulum di sekolah. Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran yang terdapat dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) diperkenalkan pada tahun 1918 ketika zaman pemerintahan British. Pada masa itu, mata pelajaran PSV dikenali sebagai Lukisan dan Kerja Tangan. Semenjak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, mata pelajaran Pendidikan Seni ialah mata pelajaran teras di peringkat sekolah menengah rendah dan mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah atas (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988).

Sebelum KBSM diperkenalkan pada tahun 1988, kurikulum pendidikan seni hanya menitikberatkan aspek kemahiran psikomotor sahaja. Pelajaran berbentuk teori tidak diutamakan. Memandangkan negara Malaysia menuju ke arah pembangunan industri yang pesat untuk merealisasikan Wawasan 2020, negara memerlukan ramai pereka grafik dan pereka bentuk industri yang bukan sahaja mahir dan kreatif malah celik seni khususnya seni visual. Justeru, pada tahun 2000, sukatan pelajaran Pendidikan Seni KBSM disemak semula. Pendidikan Seni Visual (PSV) telah diperkenalkan pada tahun 2001.

Pendidikan Seni Visual dalam KBSM menjurus kepada seni tampak. Kandungan kurikulum PSV disusun berdasarkan dua bidang iaitu bidang penghasilan seni visual; sejarah dan apresiasi seni visual. Bidang penghasilan seni visual merangkumi lima unit pembelajaran iaitu asas seni reka, seni halus, reka bentuk, komunikasi visual dan kraf tradisional. Bidang penghasilan seni memberi peluang kepada murid mengaplikasikan kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan asas seni reka dalam kegunaan pelbagai teknik. Bidang sejarah dan apresiasi seni visual meliputi perkembangan seni visual di Malaysia, seni bina, kenderaan, pakaian dan perhiasan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).

Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003) mentakrifkan istilah pendidikan seni sebagai “program pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu” (ms. 5). Mata pelajaran PSV menggabungkan aspek teori dan amali. Masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran PSV di sekolah menengah atas adalah empat waktu dalam seminggu iaitu 140 minit. Dua waktu adalah dicadangkan untuk teori dan dua waktu adalah untuk amali.

Proses pengajaran dan pembelajaran PSV dilakukan secara teori dan amali yang menjurus ke arah pembentukan insan yang bersepadu dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Menurut Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (2003),

matlamat PSV sekolah menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang berbudaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif dan inventif. Kandungan kurikulum yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara.

Teori PSV sekolah menengah menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek kefahaman seni warisan, penghayatan dan kritikan. Murid diberi penerangan tentang unsur seni, prinsip rekaan, struktur rekaan, bahasa seni, bidang dan bentuk seni. Dalam proses penghasilan, murid didedahkan tentang penggunaan alat, bahan, teknik, proses, gubahan, kemasan dan persembahan. Dalam bidang sejarah dan apresiasi, murid didedahkan tentang pemahaman karya seni, seni dalam kehidupan, seni dalam kebangsaan, seni dalam komunikasi dan perdagangan, seni dalam alam sekitar serta prospek kerjaya dalam seni (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Berdasarkan penerangan Pusat Perkembangan Kurikulum (2003), amali dibahagikan kepada dua bahagian iaitu proses pembelajaran yang direkodkan dalam bentuk folio dan hasil kerja. Kandungan folio meliputi kajian, lakaran, rangka sebenar dan persembahan. Aspek proses dan teknik yang berkaitan dengan kajian, persediaan dan perancangan setiap hasil kerja dititikberatkan dalam folio. Hasil kerja ialah aktiviti yang dijalankan yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Kemahiran menggunakan pelbagai jenis alat dan bahan hasil seni adalah ditekankan.

Pada tahap menengah atas, PSV digolongkan dalam bidang kemanusiaan. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif. Murid tingkatan empat mempunyai



pilihan atau kebebasan untuk mengikuti mata pelajaran PSV. Menurut Laporan Kabinet (1979), murid diberi peluang mengambil mata pelajaran elektif di samping mendapatkan pendidikan umum. Tujuannya adalah memberi peluang kepada murid agar mereka dapat memilih bidang pelajaran mengikut kecenderungan, bakat dan minat masing-masing.

Pendidikan Seni merupakan satu disiplin yang merentas kurikulum dan boleh dikatakan sebagai asas kepada mata pelajaran lain. Murid yang didedahkan dengan Pendidikan Seni berasa lebih mudah dan lebih yakin apabila berdepan dengan tugas dalam mata pelajaran lain terutamanya yang melibatkan kemahiran lukis melukis. Kefahaman menerusi visual adalah lebih mudah jika berbanding dengan penghafalan fakta yang panjang. Peta minda grafik adalah mudah dan lebih berkesan untuk menyatakan sesuatu konsep atau penerangan yang sukar. Prinsip dalam Pendidikan Seni berupaya mengurangkan tahap kesukaran ini.

Herbert Edward Read (1931), dalam Mazlan Mohamad (1996) mendefinisikan “seni adalah penghasilan rupa bentuk yang menimbulkan keceriaan, keseronokan dan kesenangan estetik” (ms. 2). Mazlan Mohamad (1996) berpendapat bahawa kesenangan dan keindahan estetik memerlukan ilmu dan pengetahuan. Apabila orang yang berilmu seni bertemu dengan objek alam semula jadi, akan melahirkan manifestasi pemikiran dan perasaan terhadap objek tersebut melalui ciptaan karya seni atau sekurang-kurangnya, ia akan dapat menghargai objek tersebut. Penyisihan akan berlaku jika seseorang bertemu dengan objek yang ia tidak mempunyai pengetahuan mengenainya.

Penilaian dalam PSV bukan sahaja melibatkan pengujian dan pengukuran. Penilaian tersebut adalah penilaian secara keseluruhan yang membolehkan murid menggabungkan kefahaman kognitif, afektif dan psikomotor mereka. Aspek kognitif meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat dan teknologi bahan, bentuk gubahan serta kemasan dan pemahaman dan penghargaan.

Penilaian aspek afektif dijalankan melalui rekod atas pemahaman, sikap dan perlakuan murid. Aspek psikomotor pula melibatkan penilaian proses dalam penghasilan bahan.

Perkembangan masyarakat mempengaruhi perkembangan seni. Masyarakat di bandar lebih terdedah dan mudah menerima perkembangan seni jika dibanding dengan masyarakat desa. Justeru, studio atau pusat pengajian seni berkembang lebih pesat di kawasan bandar. Perkembangan seni dalam diri individu juga memainkan peranan untuk mengembangkan seni itu sendiri. Seni boleh bertindak untuk memperkembangkan fizikal, emosi, jasmani, keintelektual seseorang kanak-kanak dan remaja. Ini dapat didedahkan melalui Pendidikan Seni Visual di dunia persekolahan mereka.

Dalam subjek PSV, minat adalah daya penggerak untuk pencapaian. Minat yang telah sehati dengan diri seseorang menjadi daya penggerak dalam dirinya untuk mempelajari sesuatu. Minat seseorang murid berbeza antara satu sama lain. Hal sedemikian berlaku kerana minat yang terbentuk adalah bergantung kepada pengalaman seseorang sejak kecil lagi. Faktor minat memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perlakuan seseorang murid. Justeru, kajian ini cuba melihat perkara ini melalui sudut pendidikan di sekolah. Menurut Zaini Hussein (2003), minat seseorang terhadap sesuatu perkara dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu minat biasa, minat mendalam dan minat bersungguh-sungguh.

Dalam konteks kajian ini, minat positif atau negatif seseorang murid terhadap subjek PSV banyak bergantung kepada diri murid itu sendiri. Vroom (1964), dalam Zaini Hussein (2003), telah menyatakan minat yang menjurus kepada aspek seperti berikut:

Minat sebagai memahami apa-apa yang dilakukan mempunyai skil, berupaya bekerja sendiri dan dalam kumpulan, berkebolehan merekacipta dan berkeyakinan menyelesaikan masalah (ms. 2).

Menurut Razman Karuddin (2004), ukuran pencapaian peperiksaan boleh digunakan untuk melihat tahap minat seseorang murid. Namun, minat yang sedia ada dalam diri seseorang murid tidak semestinya kekal selama-lamanya kerana minat boleh berubah. Bloom, Krathwohl dan Masia (1964) dalam Mohd. Zainuddin Hashim (1988) menerangkan minat adalah kesedaran terhadap kewujudan sesuatu fenomena, bersedia memberikan perhatian dan seterusnya menikmati fenomena secara keseluruhan. Gerak balas terhadap fenomena itu adalah secara paling positif. (ms. 9)

Sikap yang pasif, rendah diri dan kurang percaya diri boleh merupakan faktor yang menghalang pelajar dalam menampilkan prestasi belajarnya. Menurut Sarlito Wirawan (1997), sikap adalah kesediaan seseorang untuk bertindak secara khusus terhadap hal-hal tertentu. Sikap pelajar yang positif terhadap mata pelajaran di sekolah merupakan langkah awal yang baik dalam proses belajar mengajar di sekolah.

Feldman (1996), dalam Md. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003) mendefinisikan Pendidikan Seni sebagai satu “usaha yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran membuat dan memahami seni, di samping mengetahui tentang dunia dan diri kita sendiri melalui seni” (ms.5). Seni yang dinyatakan oleh Feldman (*ibid*) adalah seni visual yang merangkumi catan, arca, senia bina, kraf, reka bentuk industri, fotografi, filem, televisyen dan seni komputer. Feldman (*ibid*) melihat pendidikan seni daripada perspektif yang luas. Ini membuka mata orang ramai terutamanya kesenian hanya difokuskan kepada kepentingan sosial, ekonomi dan agama dalam dunia era moden ini.

Bilangan murid yang memilih PSV sebagai mata pelajaran elektif meningkat tahun demi tahun, namun kebanyakan daripada mereka tidak berasaskan pilihan sendiri tetapi berdasarkan kepada kemudahan dan keupayaan yang terdapat di sesebuah sekolah. Penentuan pakej mata pelajaran ini ditentukan oleh sekolah. Murid aliran sains diberi

peluang membuat pilihan sendiri sama ada mengikuti mata pelajaran PSV. Namun, oleh kerana kekurangan guru terlatih dalam pengkhususan PSV, maka murid yang memilih subjek PSV yang tidak terkandung dalam pakej mata pelajaran perlu mendapat persetujuan daripada guru PSV agar meluangkan masa lepas sekolah untuk memberi bantuan dari segi teori dan amali. Tambahan, murid-murid tidak digalakkan mengikuti lebih daripada 10 mata pelajaran. Sekiranya ini berlaku, murid perlu ikhtiar dan mempelajari subjek tersebut dengan sendiri. Namun, subjek PSV wajib diikuti oleh murid aliran sastera tanpa pertimbangan minat, potensi atau bakat.

Menurut Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979), penyaluran murid-murid ke jurusan sains atau sastera diputuskan di peringkat Kementerian Pelajaran berdasarkan pencapaian mereka dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sedangkan peperiksaan ini tidak mempertimbangkan soal bakat, minat, kecenderungan dan sikap. Jangkaan yang tepat adalah sukar dibuat kerana kecenderungan murid masih lagi berubah. Terdapat murid-murid yang dipilih untuk mengikuti sesuatu jurusan tertentu, tidak berminat kepada jurusan itu, dan kesudahannya mereka gagal dalam peperiksaan.

Beberapa unsur terlibat dalam proses mentafsir kandungan PSV di sekolah. Pertama adalah penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan murid yang berkaitan dengan kandungan mata pelajaran PSV. Unsur yang kedua adalah keupayaan guru menguruskan unsur-unsur dalam kurikulum pendidikan seni. Unsur ketiga adalah setakat mana guru jelas tentang keperluan murid-muridnya ketika belajar pendidikan seni. Keperluan tersebut meliputi segi psikologi, sosial, fizikal, emosi dan sebagainya. Unsur keempat adalah kemampuan guru menguruskan masa berbanding dengan jumlah kandungan yang hendak diajar berdasarkan kemudahan yang ada. Unsur kelima adalah kepercayaan guru kepada konsep perancangan. Ini bergantung kepada guru sama ada mengamalkan kepercayaan “selesaikan semua isi kandungan yang dirancang”, buat

sahaja perancangan pelajaran tahun lalu atau mengamalkan sikap ambil mudah dalam merancang rancangan pelajaran pendidikan seni. Unsur keenam adalah kreativiti guru mengatasi masalah “kekurangan”.

### 1.3 Pernyataan Masalah



**Rajah 1.3:** Murid tingkatan empat menjalankan peperiksaan akhir tahun subjek PSV (5.11.2012).

Sebagai seorang guru seni selama 10 tahun, pernyataan masalah mula dapat perhatian apabila rakan sekerja dan pengkaji dapat mengesan ramai murid kurang minat dalam subjek PSV di sekolah zon Bangsar. Kelakuan yang diperhatikan melalui kelas dan Rajah 1.3 yang diambil awal kajian lapangan menunjukkan kebanyakan murid tidak mempunyai empat unsur yang utama dalam minat iaitu perasaan suka, keinginan belajar, penumpuan perhatian dan penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran. Kelakuan murid telah menunjukkan sikap yang negatif terhadap subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Murid tidak menyediakan peralatan yang perlu untuk menjalankan peperiksaan PSV Kertas 2 iaitu penghasilan karya seni berdasarkan pilihan tajuk.

Rajah 1.3 turut memaparkan kebanyakan murid termenung sepanjang masa peperiksaan yang berlangsung selama tiga jam. Persediaan rapi tidak dititikberatkan

oleh murid walaupun kertas soalan telah diedarkan sekurang-kurangnya seminggu sebelum peperiksaan dijalankan. Tidak kurang juga murid menghilangkan kertas soalan dan tidak menyediakan alat lukisan seperti pensel, warna cat air, warna poster, pensel warna, palet, berus dan lain-lain lagi. Keadaan lebih serius semasa kelas PSV pada kelas biasa. Murid menunjukkan perasaan hambar, tidak ingin menghasilkan karya lukisan dan tidak menunjukkan keinginan melibatkan diri dalam aktiviti PSV.

Melalui pemerhatian dan temu bual yang informal dengan guru subjek PSV di sekolah menengah, didapati murid sentiasa tidak menyediakan peralatan yang perlu untuk mengikuti kelas PSV. Sebilangan besar murid tidak memberi tumpuan di dalam kelas. Kerja rumah murid jarang dihantar tepat pada masa yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, kebanyakan murid yang mengikuti kelas PSV tidak menunjukkan sikap yang positif terhadap subjek ini.

Isu lain yang dapat dikesan ialah murid yang sentiasa mendapat skor yang lebih tinggi dalam subjek ini ialah murid Melayu. Memandangkan fenomena ini merupakan spekulasi, maka penyelidikan ini mengkaji pernyataan masalah pertama iaitu sama ada terdapat perbezaan dari segi persepsi, minat dan pencapaian akademik antara dua bangsa dan kedua ialah apakah tahap minat dan persepsi terhadap subjek PSV. Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap minat murid dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid dalam subjek PSV.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Mengetahui tahap minat di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah harian di zon Bangsar Kuala Lumpur.

- (2) Menganalisis persepsi di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah harian Zon Bangsar Kuala Lumpur.
- (3) Menganalisis persepsi penentuan pakej mata pelajaran sekolah di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah harian Zon Bangsar Kuala Lumpur.
- (4) Menganalisis persepsi buku teks PSV di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah harian Zon Bangsar Kuala Lumpur.
- (5) Membanding pencapaian akademik di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat dalam subjek Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah harian zon Bangsar Kuala Lumpur.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang dinyatakan, kajian ini mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang diperincikan seperti berikut:

- (1) Apakah tahap minat di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar?
- (2) Apakah persepsi di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar?
- (3) Apakah persepsi di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap penentuan pakej mata pelajaran sekolah di Zon Bangsar?
- (4) Apakah persepsi di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat terhadap buku teks PSV di Zon Bangsar?
- (5) Apakah tahap pencapaian di antara murid Melayu dan Cina tingkatan empat dalam subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar?

## **1.6 Signifikasi Kajian**

Kajian ini mengkaji tahap minat, persepsi dan membanding pencapaian akademik antara murid Melayu dan Cina dalam subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Hasil kajian ini menunjukkan tahap minat dalam kalangan murid dan turut memaparkan persepsi dan tahap pencapaian akademik di antara bangsa Melayu dan Cina dalam subjek PSV. Signifikasi kajian adalah seperti berikut:

### **(1) Kementerian Pelajaran Malaysia**

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini boleh menyumbangkan data yang berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya untuk merangsang minat terutamanya dalam kalangan murid-murid yang lemah dari segi pencapaian akademik. Data kajian ini juga menjadi rujukan semasa membuat keputusan masa depan berkenaan dengan sukatan pelajaran atau aktiviti-aktiviti mata pelajaran PSV khususnya tingkatan empat.

### **(2) Sekolah**

Dapatan yang diperolehi adalah perlu dipertimbangkan semasa merancang pakej mata pelajaran sekolah. Adalah diharap pihak sekolah menggalakkan murid dari aliran sains turut diberi peluang untuk mengikuti mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Jika terdapat kekangan kekurangan guru pengkhususan seni visual, maka dicadangkan murid yang berminat sahaja mengikuti subjek Pendidikan Seni Visual.

### **(3) Guru-guru**

Input dapatan kajian juga berguna kepada guru-guru yang mengajar PSV. Guru boleh merujuk maklumat ini dalam perancangan dan kaedah pembelajaran dan pengajaran boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah. Ini membantu murid meningkatkan tahap minat dan pencapaian prestasi murid.



#### **(4) Murid-murid**

Kajian ini turut menanam kesedaran dalam kalangan murid terutamanya murid yang lemah yang tidak mempunyai kemahiran belajar yang baik. Adalah diharap para murid dapat memberi gambaran yang baru yang selama ini menganggap subjek PSV tidak memberi manfaat kepada masa depan mereka dan menganggap subjek ini membuang masa. Maklumat ini akan menjadi panduan kepada murid agar dapat mengubah sikap dan seterusnya lebih berminat untuk mempelajari PSV, menjadikan bidang Seni Visual sebagai prospek kerjaya.

Dengan penjelasan persepsi terhadap PSV, mudah-mudahan berjaya memupuk dan merangsang minat murid terhadap seni dan meyakinkan lapisan masyarakat bahawa seni bukan sekadar serpihan kecil dalam kehidupan tetapi meliputi hampir setiap aspek kehidupan manusia (Md. Nasir Hj. Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003).

Semoga dapatan daripada kajian ini dapat digunakan oleh semua pihak untuk memurnikan mata pelajaran PSV ke arah pelaksanaan yang lebih sempurna.

#### **1.7 Skop Kajian**

Kajian kes digunakan untuk mengumpul maklumat. Kajian kes digolongkan kepada kajian kes intrinsik. Kajian kes jenis penjelasan dilakukan untuk menyatakan tahap minat dan persepsi murid tingkatan empat antara bangsa Melayu dan Cina terhadap subjek Pendidikan Seni Visual. Kaedah kajian digunakan dalam kajian kes ini merupakan kajian tinjauan dan dokumentasi. Kajian memfokuskan sekumpulan individu dan menggunakan kaedah pengumpulan data dokumentasi dan soal selidik.

Tumpuan yang ingin diberikan dalam kajian ini adalah mengenal pasti, menganalisis dan membanding tahap minat, persepsi dan pencapaian akademik terhadap subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Persepsi terbatas kepada persepsi murid, penentuan pakej mata pelajaran dan buku teks PSV.

Kajian ini tertumpu di empat buah sekolah menengah harian di Zon Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Sampel kajian adalah murid tingkatan empat aliran sastera yang mengikuti subjek PSV. Kajian melibatkan 303 orang sampel kajian. Rasional memilih murid tingkatan empat adalah kerana tingkatan empat merupakan tahap permulaan bagi murid mencorakkan hala tuju masa depan mereka.

Terdapat 326 orang murid tingkatan empat yang mempelajari subjek PSV di empat buah sekolah tersebut. Manakala populasi Zon Bangsar ialah 1345 orang. Kajian melibatkan 303 responden. Menurut Lampiran Sampling, saiz sampel 303 adalah berada di tahap kebolehpercayaan 95%. Lokasi kajian melibatkan Zon Bangsar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

## **1.8 Kerangka Teori**

Kerangka teoritikal adalah berdasarkan Taksonomi Objektif Pendidikan (Benjamin S. Bloom, David R. Krathwohl dan Bertram B. Masia, 1964). Perkataan taksonomi pada asalnya terkandung di dalam perbendaharaan kata dalam bidang sains. Kamus Dewan Edisi Baru (2005) mentakrifkan taksonomi sebagai “kajian tentang prinsip, peraturan dan amalan dalam pengelasan organisma hidup berdasarkan persamaan dan perbezaan sifat organisma itu” (ms. 1270).

Sumber di atas menjelaskan perkataan taksonomi digunakan dalam bidang sains biologi yang menekankan ‘pengelasan’. Klasifikasi tersebut berdasarkan persamaan atau perbezaan kepada kategori, golongan atau kumpulan tertentu. Perkataan taksonomi telah disebarluaskan dalam konteks inter-disiplin ilmu seperti bidang pendidikan bahasa, sains dan ekonomi.

Dalam tahun 1956, Benjamin Bloom, daripada Universiti of Chicago memperkenalkan Taksonomi Objektif Pendidikan (*Taxonomy Of Educational Objectives*). Taksonomi Objektif Pendidikan menyediakan satu kerangka untuk

keseluruhan panorama objektif pendidikan. Taksonomi ini menyediakan satu skema kemahiran yang berhierarki. Keseluruhan Objektif Pendidikan ini terbahagi kepada tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor.


Dalam bidang pendidikan, taksonomi ialah satu model yang biasa digunakan untuk menganalisis bidang-bidang pendidikan. Ia berkaitan dengan objektif-objektif pendidikan yang melibatkan bidang-bidang seperti pengetahuan, sikap dan psikomotor. Gambaran asas tiga domain pendidikan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1:** Tiga Domain Taksonomi Objektif Pendidikan Bloom

Domain	Kerangka Dasar
Domain Kognitif	Domain ini melibatkan perkembangan pemikiran murid. Ia membincangkan penguasaan semula pengetahuan dan perkembangan kebolehan intelek dan kemahiran. Kerja perkembangan kurikulum dilaksanakan. Domain ini menghuraikan tingkah laku murid.
Domain Afektif	Domain ini menghuraikan perubahan-perubahan dari segi minat, sikap, nilai-nilai dan perkembangan apresiasi dan penyesuaian yang mencukupi.
Domain Psikomotor	Domain ini melibatkan bidang manipulasi dan perkembangan kemahiran fizikal murid.

Idea bagi simposium pengelasan ditimbulkan dalam satu mesyuarat tidak rasmi antara pemeriksa-pemeriksa dari kolej dan simposium 18 yang menghadiri Konvensyen Persatuan Psikologi Amerika di Boston pada tahun 1948 (Benjamin S. Bloom, 1956).

Pada tahun 1951, Simposium Perkembangan Satu Taksonomi Objektif-objektif Pendidikan diadakan di Chicago hasil daripada mesyuarat-mesyuarat Persatuan Psikologi Amerika. Bloom (1956) telah mempersembahkan Domain Kognitif dan Krathwohl pula membincangkan Domain Afektif dalam simposium tersebut. Tiga domain Taksonomi Objektif Pendidikan dapat digambarkan dalam Rajah 1.4



**Rajah 1.4:** Tiga domain Taksonomi Objektif Pendidikan (Dipetik dari [www.rocori.k12.mn.us/](http://www.rocori.k12.mn.us/) pada 22 April 2013)

Menurut artikel dari Haji Ibrahim (1999), Pendidikan Seni merupakan bidang ilmu yang menjelaskan konsep pendidikan yang menyeruluh. Ini memenuhi tuntutan domain kognitif, afektif dan psikomotor yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara .

**(1) Taksonomi Domain Kognitif Benjamin S. Bloom (1956)**

Bloom (1956) membentuk objektif-objektif pendidikan menerusi Taksonomi Bloom seperti yang diperjelaskan dalam karyanya yang bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives*. Teori ini memberi bantuan yang menyeluruh kepada guru, warga pendidik, pentadbir, pakar-pakar penyelidikan pelajaran, pegawai-pegawai kurikulum dan penyelidik-penyelidik pendidikan.

Teori ini mendorongkan perbincangan masalah kurikulum dan penilaian dengan lebih tepat. Tumpuan teori ini ialah perubahan-perubahan yang berlaku dalam diri

individu hasil daripada pengalaman pendidikan. Penggunaan taksonomi juga membantu seseorang memperoleh satu perspektif mengenai penekanan yang diberikan kepada tingkah laku tertentu oleh suatu set rancangan pendidikan.


Berdasarkan penterjemahan Abdullah Junus (1989), pengelasan Bloom ini berpusatkan murid dan berorientasikan tingkah laku mereka. Domain utama yang digunakan untuk mengklasifikasikan objektif pendidikan ialah domain kognitif dan domain afektif dan seterusnya dikembangkan kepada domain psikomotor. Setiap pengelasan domain dibahagikan kepada beberapa kategori yang mengandungi susunan sistematik secara berurutan. (Krathwohl, 1964; Sander, 1966).

Bloom telah menggunakan taksonomi untuk menggariskan hierarki pembelajaran bagi tingkah laku mengikut penyusunan tahap kesukaran yang berperingkat-peringkat. Domain kognitif mengasaskan perubahan tingkah laku merujuk kepada kriteria perkembangan kognitif secara berurutan mengikut aras kerumitan dan berkesinambungan. Kandungan domain kognitif merangkumi klasifikasi secara hierarki.

Penguasaan tingkah laku dalam setiap kategori adalah perlu sebelum menguasai tingkah laku dalam kategori-kategori berikutnya. Pada prinsipnya, untuk mencapai dan menguasai kemahiran pada peringkat yang lebih tinggi, kemahiran asas atau kemahiran sebelumnya perlu dibina dahulu. Taksonomi tingkah laku di atas menjadi rujukan penting dalam proses pendidikan, terutama yang berkaitan dengan usaha dan hasil pendidikan. Taksonomi Objektif Pendidikan domain kognitif oleh Bloom (1956) menentukan peringkat atau taraf pelakuan akhir yang hendak dicapai.

Bidang kognitif Bloom dibahagikan kepada enam tahap pengelasan. Setiap aras dicerminkan melalui ciri-ciri tingkah laku yang spesifik. Pembahagian tersebut terdiri dari

pengetahuan (*knowledge*), kefahaman (*comprehension*), aplikasi (*application*), analisis (*analysis*), sintesis (*synthesis*) dan penilaian (*evaluation*).




**Rajah 1.5:** Enam tahap domain kognitif (Benjamin S.Bloom 1956)

## (2) Domain afektif (Krathwohl)

Krathwohl, Bloom dan Masia (1964) adalah antara penyelidik yang menggunakan terminologi 'afektif' (*affective*) dalam memperkenalkan satu lagi domain penting dalam hidup manusia. Ia digunakan sebagai satu lagi objektif pengajaran di samping aras-aras yang terdapat dalam domain kognitif yang telah diperkenalkan oleh Bloom pada tahun 1956. Domain afektif ialah domain yang berkaitan dengan aspek-aspek emosional, seperti perasaan, minat, sikap, kepatuhan terhadap moral dan sebagainya.

Domain afektif mengemukakan objektif-objektif yang menghuraikan perubahan-perubahan dari segi minat, sikap, nilai-nilai, perkembangan apresiasi dan penyesuaian yang mencukupi. Domain afektif ini disusun oleh David R. Krathwohl, Benjamin S. Bloom dan Bertram M. Masia di bawah tajuk *The Classification of Educational Goals, Handbook II : Affective Domain* yang diterbitkan pada 1964.

Mengikuti David R. Krathwohl, aras-aras domain afektif disusun dalam lima peringkat, iaitu *penerimaan, membalas, menilai, organisasi dan perwatakan oleh suatu nilai*. Jadual 1.3 berikut menggambarkan kelima-lima aras dan kategori yang terkandung dalam setiap aras.



**Rajah 1.6:** Lima Aras dan Kategori Domain Afektif

### (3) Domain Psikomotor (Simpson)

Domain ini berkaitan dengan aspek-aspek kemahiran yang melibatkan fungsi sistem saraf dan otot (neuronmuscular system) dan fungsi psikologi.

Kumpulan penyelidikan Bloom tidak mengkaji secara mendalam mengenai domain psikomotor. Mereka mendakwa kekurangan pengalaman dalam pengajaran kemahiran ini. Simpson (1972) membentuk tujuh kategori psikomotor untuk menyokong domain Bloom. Simpson berpendapat tingkah laku fizikal yang dipelajari adalah melalui amalan berulang-ulang. Keupayaan murid untuk melaksanakan

kemahiran psikomotor adalah berdasarkan ketepatan, kelajuan, jarak dan teknik. (Clark, 1999)

Aras-aras domain psikomotor adalah peringkat-peringkat yang terdapat dalam bidang kemahiran dan kebolehan melakukan sesuatu pergerakan. E.J. Simpson (1972) telah membentuk suatu domain psikomotor yang terdiri daripada tujuh aras seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.4. Kerangka Teori Objektif Pendidikan Bloom dan Penyelidikan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.7.

### **1.9 Batasan Kajian**

Sekolah menengah di bandaraya Kulua Lumpur terbahagi kepada empat zon iaitu Zon Bangsar, Pudu, Zon Keramat dan Zon Sentul. Setiap zon mempunyai 25 hingga 30 buah sekolah menengah. Oleh kerana kekangan masa dan faktor ekonomi, kajian ini hanya dijalankan di empat buah sekolah yang terletak di Zon Bangsar. Populasi murid tingkatan empat yang mengikuti mata pelajaran PSV adalah seramai 1345 orang. Sampel kajian adalah terdiri daripada 303 murid tingkatan empat aliran sastera yang mengikuti subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) di empat buah sekolah tersebut.

Tumpuan kajian ialah mengkaji, menganalisis dan membanding tahap minat, persepsi dan tahap pencapaian murid tingkatan empat bangsa Melayu dan Cina terhadap subjek PSV. Ketepatan data yang diperolehi dalam kajian ini banyak bergantung kepada keikhlasan dan keselesaan murid ketika menjawab soal selidik yang diberi. Kesesuaian cara dan masa yang diberikan oleh guru-guru di sekolah ketika mengutip data juga boleh menyebabkan murid-murid berkemungkinan tidak menjawab soal selidik dengan tepat dan ikhlas.



Memandangkan sampel kajian melibatkan empat buah sekolah dan kuantitinya mencapai tahap kebolehpercayaan 95%, maka dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi kajian.

## **1.10 Definisi Istilah Yang Digunakan**

### **(1) Pendidikan Seni Visual**

Pendidikan Seni Visual (PSV) menjurus kepada seni tampak. PSV sekolah menengah lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran yang digolongkan dalam bidang kemanusiaan dan merupakan mata pelajaran elektif bagi peringkat menengah atas. Murid boleh memilih PSV sebagai mata pelajaran elektif dan mengikuti mata pelajaran tersebut sehingga menduduki peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003) mengidentifikasikan pendidikan seni sebagai program pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media (ms 4).

### **(2) Minat**

Minat yang berterusan adalah pendokong utama dalam menyemarakkan bidang seni. Menurut Zaini Hussein (2003), minat merupakan dorongan pada diri seseorang supaya berupaya menjalankan sesuatu aktiviti dan bergiat cergas dalam kehidupan. Harrison (1978) pula menjelaskan minat seseorang dipengaruhi oleh amalan masa-masa lalu ditambah dengan proses pembelajaran yang berterusan bagi menjadikan ciptaannya lebih menarik dan menggembirakan.

Vroom (1964), dalam Zaini Hussein (2003) menyatakan bahawa minat sebagai pemangkin untuk melakukan perkara yang mempunyai skil, berupaya bekerja sendiri, berkebolehan merekacipta & menyelesaikan masalah.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa minat mempunyai empat unsur yang utama iaitu perasaan suka, keinginan belajar, penumpuan perhatian dan penglibatan aktiviti pembelajaran.

### **(3) Peringkat menengah atas**

Peringkat menengah atas adalah merujuk kepada sekolah menengah kebangsaan harian tingkatan empat dan lima.

### **(4) Guru Pendidikan Seni Visual**

Guru Pendidikan Seni Visual adalah guru-guru yang berpengkhususan dalam Pendidikan Seni Visual dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di sekolah yang dijalankan kajian. Dengan adanya Huraian Sukatan Pelajaran PSV, guru memainkan peranan memperkembangkan potensi murid khususnya dalam kegiatan pemikiran, pernyataan idea, ekspresi diri dan penghasilan karya seni.

### **(5) Persepsi**

Persepsi terbatas kepada persepsi murid terhadap subjek PSV, persepsi terhadap pakej mata pelajaran sekolah, persepsi terhadap buku teks PSV.

### **(6) Pakej Mata Pelajaran**

Pakej mata pelajaran tingkatan empat di sekolah kajian terbahagi kepada pakej sains tulen dan sastera ikhtisas. Pakej mata pelajaran merangkumi mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif. Pakej sains tulen dan pakej sastera iktisas masing-masing

wajib mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam dan Matematik.

Mata pelajaran elektif untuk sains tulen mencakupi mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan dan Bahasa Cina. Sementara mata pelajaran elektif sastera ikhtisas pula mencakupi mata pelajaran Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas, Perdagangan, Bahasa Cina dan Pendidikan Seni Visual.

#### **(7) Buku Teks**

Menurut Bacon (1935) dalam Tarigan (1986), buku teks adalah buku yang dirancang untuk penggunaan di kelas, dengan cermat disusun dan disiapkan oleh para pakar atau ahli dalam bidang itu dan diperlengkapi dengan sarana-sarana pengajaran yang sesuai dan serasi. Buckingham (1958) dalam Tarigan (1986) menyatakan bahawa buku teks adalah sarana belajar yang biasa digunakan di sekolah-sekolah dan di perguruan tinggi untuk menunjang suatu program pengajaran.

#### **(8) Pencapaian Akademik**

Menurut Azizi Ahmad Mohd. Isha Awang (2008), pencapaian akademik murid bergantung kepada penilaian yang dijalankan pada peringkat akhir sesuatu tempoh pengajian yang ditetapkan. Keputusan pencapaian dapat memberikan maklumat tentang tahap penguasaan murid terhadap sesuatu kemahiran yang diajar. Pencapaian murid mengikut gred yang ditetapkan sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal. Guru akan dapat membezakan murid yang cemerlang, sederhana dan lemah berdasarkan keseluruhan prestasi pencapaian yang ditunjukkan dalam peperiksaan yang diduduki.

**Jadual 1.2:** Sistem Penggredan Peperiksaan dan Ujian


Gred	Markah	Nilai GBK	Nilai PNG	Tahap Pencapaian
A+	90 – 100	1	4.00	Cemerlang Tertinggi
A	80 – 89	1	3.75	Cemerlang Tinggi
A-	70 – 79	2	3.50	Cemerlang
B+	65 – 69	3	3.25	Kepujian Tertinggi
B	60 – 64	4	3.00	Kepujian Tinggi
C+	55 – 59	5	2.75	Kepujian Atas
C	50 – 54	6	2.50	Kepujian
D	45 – 49	7	2.25	Lulus Atas
E	40 – 44	8	2.00	Lulus
G	0 – 39	9	1.75	Gagal

**(9) Sekolah Menengah Harian Biasa**

Sekolah menengah harian biasa menumpukan kepada aspek menyediakan hak pendidikan yang sama rata kepada rakyat di seluruh pelusuk Malaysia.

**(10) Kajian Kes Intrinsik**

Menurut Chua (2011 Edisi2), kajian kes intrinsik dijalankan untuk memahami secara mendalam mengenai kes yang istimewa atau unik. Pengkaji mengumpul maklumat mengenai kes dan tidak menguji atau membentuk teori serta tidak membuat generalisasi tertentu. Kajian kes intrinsik dijalankan kerana pengkaji berminat dan mempunyai motivasi intrinsik untuk mengetahui perkara sebenar di sebalik kejadian kes yang berlaku.



**Rajah 1.7:** Domain-domain Taksonomi Objektif Pendidikan dan Penyelidikan

**Jadual 1.3:** Tujuh Aras Domain Psikomotor Simpson (Azizi Ahmad, 2010)

Aras-aras Domain Psikomotor	Kategori Mengikut Urutan
Persepsi	Ia adalah proses menjadikan seseorang itu mengetahui atau sedar tentang objek , kualiti dan hubungan-hubungan melalui alat-alat deria. Hal ini melibatkan tiga perkara iaitu ransangan deria, pemilihan tanda saran,dan terjemahan.
Set	Bersedia secara mental, emosi dan fizikal untuk melakukan sesuatu pergerakan.
Gerakan terbimbing	Ia adalah satu langkah permulaan dalam membentuk kemahiran. Tindak balas terbimbing adalah tindakan pelakuan seseorang individu yang nyata bawah bimbingan seorang tenaga pengajar. Terdapat dua kategori yang berhubung dengan perkara ini iaitu 'meniru' dan 'cuba dan ralat'.
Mekanisme	Tindak balas yang telah dipelajari menjadi kebiasaan. Seseorang dapat melakukan sesuatu pergerakan yang dipelajari secara berkesan dan yakin.
Pergerakan kompleks	Pada peringkat ini, seseorang dapat melakukan satu tindakan kompleks secara cekap dan licin kerana satu kadar kemahiran yang tinggi telah pun dicapai. Ada dua kategori lain yang berkaitan dengan perkara ini iaitu ketetapan ketidakpastian (tindakan itu dilakukan tanpa ragu-ragu untuk mendapatkan satu gambaran rangkaian tugas) dan pelakuan automatik (seseorang boleh melakukan satu koordinasi kemahiran motor dan mengerjakannya dengan mudah sekali).
Penyesuaian	Kemahiran dikuasai dengan baik dan individu boleh menyesuaikan corak pergerakan mengikut keperluan khas.
Kreativiti	Mencipta corak pergerakan baru berdasarkan pengalaman lama bagi menyesuaikan keadaan atau masalah tertentu. Hasil pembelajaran menekankan kreativiti berdasarkan kemahiran tinggi.

## **1.11 Kesimpulan**

Murid kurang sedar tentang kepentingan mata pelajaran PSV dan menganggap subjek ini membosankan. Menurut Chiari (1997), pengetahuan dan pendidikan seni visual boleh membantu seseorang dalam mengenali suasana persekitarannya. Hakikat ini dapat menjelaskan bahawa pendidikan seni visual menjadi begitu penting kepada kanak-kanak dan remaja. Ia menjadi semakin subur dan matang apabila remaja itu meningkat usia dewasa.

Mata pelajaran PSV yang selama ini dianggap mudah dan kurang penting dalam kehidupan sebenarnya dapat membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan negara ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap minat, menganalisis persepsi murid subjek PSV dan membanding pencapaian akademik antara bangsa Melayu dan Cina.

Sorotan literatur mengusulkan teori dan hujahan yang berkaitan dengan pencapaian akademik subjek PSV dalam konteks sekolah menengah harian biasa. Kajian berbentuk kuantitatif dan kajian kes dan analisis dokumen (markah pencapaian peperiksaan) digunakan untuk mengumpulkan maklumat.

## **BAB 2           SOROTON LITERATUR**

### **2.1    Pengenalan**

Menurut Chua (2011), sorotan literatur didefinisi sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan. Perbincangan sorotan literatur bab ini adalah berkisar kepada teori-teori dan hujahan-hujahan yang berkaitan dengan pencapaian akademik subjek Pendidikan Seni Visual dalam konteks sekolah menengah harian biasa. Bab ini turut membincangkan kajian-kajian lepas berkenaan dengan subjek pendidikan seni visual. Tidak ketinggalan juga bab ini penyelidik membincangkan kategori sekolah menengah yang terdapat di Malaysia.

### **2.2    Teori Taksonomi Pendidikan**

Dalam subjek Pendidikan Seni Visual, aspek yang dinilai termasuk kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, teori taksonomi pendidikan adalah berkaitan rapat dengan pencapaian akademik murid. Maklumat mengenai pencapaian diri murid perlu direkod. Antaranya merupakan wajaran pemberatan mengikut domain. Peratus wajaran pemberatan yang dicadangkan dalam aspek kognitif ialah 40, peratus wajaran aspek psikomotor adalah 50 dan peratus wajaran aspek afektif pula ialah 10. (Buku Sumber Guru Pendidikan Seni Visual Kementerian Pendidikan Malaysia 2001). Teori Taksonomi Pendidikan mencakupi tiga domain iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor.

#### **2.2.1   Domain Kognitif Bloom (1956)**

Taksonomi domain kognitif merupakan rangka rujukan penilaian pendidikan. Objektif pendidikan yang disarankan dalam taksonomi dijadikan landasan proses pembelajaran. Objektif tersebut digunakan sebagai keterangan keadaan dalam menilai kesan pengalaman pembelajaran. Domain Kognitif bagi Taksonomi Objektif Pendidikan



disusun dan mengandungi enam kelas utama iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Menurut Abdullah Junus (1989) penterjemah Taksonomi Benjamin S. Bloom (1953), pengetahuan didefinisikan seperti berikut:

Pengetahuan melibatkan mengingat kembali perkara-perkara khusus dan universal, mengingat semula kaedah-kaedah dan proses-proses, atau mengingat semula corak, struktur atau latar (ms. 236).

Sasaran tingkah laku aras pengetahuan meliputi kemahiran seperti memerhati, mengenal pasti dan mengingati maklumat utama, fakta, definisi, istilah, kaedah, rumus, prinsip serta data-data utama dalam peristiwa atau kejadian. Tahap pengetahuan ditelitikan kepada tiga tahap. Tahap pertama meliputi pengetahuan mengenai perkara-perkara khusus seperti mengetahui peristilahan dan fakta-fakta khusus. Tahap kedua merangkumi pengetahuan mengenai cara-cara dan kaedah-kaedah mengendalikan perkara-perkara khusus seperti kebiasaan, aliran dan urutan, pengelasan dan kategori, kriteria-kriteria dan metodologi. Tahap akhir mencakupi pengetahuan mengenai perkara-perkara universal dan pengabstrakan-pengabstrakan dalam sesuatu bidang seperti prinsip-prinsip dan generalisasi serta teori-teori dan struktur-struktur.

Menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah atau menerapkan pengetahuan dalam kehidupan seharian. Seseorang dikatakan menguasai kemampuan ini jika dapat memberi contoh, menggunakan, mengklasifikasikan, memanfaatkan, menyelesaikan dan mengenal pasti perkara-perkara yang sama.

Aspek pengetahuan dalam Pendidikan Seni Visual merangkumi pengetahuan dalam unsur seni, prinsip dan struktur rekaan. Contoh pengetahuan yang terdapat pada tahap ini boleh dilihat dari segi terminologi, konsep dan aplikasi pada pelbagai hasil seni. Pengetahuan tentang alat, teknologi bahan, teknik, bentuk gubahan serta kemasan juga digolongkan dalam aspek pengetahuan. Contoh pengetahuan tahap dua ini termasuk konsep dan definisi, sifat alat dan bahan, jenis teknik, kegunaan alat dan bahan,

peringkat dalam proses membuat dan aspek gubahan. Pemahaman dan penghargaan juga ditekankan dalam aspek pengetahuan. Contoh pengetahuan yang terdapat pada tahap akhir ini meliputi kaitan seni dengan kehidupan, seni dalam budaya kebangsaan, seni dalam budaya lain, seni dalam konteks komunikasi dan perdagangan dan seni dalam alam sekitar. (Buku Sumber Guru Pendidikan Seni Visual Kementerian Pendidikan Malaysia 2001)

Kategori kefahaman merupakan aras pengelasan yang paling rendah dalam penaakulan. Ia merujuk kepada kebolehan untuk memahami dan menaakul bentuk-bentuk komunikasi. Kategori ini boleh menggunakan idea atau bahan-bahan yang disampaikan itu tanpa mengaitkannya dengan bahan-bahan lain. Sasaran tingkah laku meliputi antaranya terjemahan di mana murid mengetahui tentang sesuatu situasi atau fenomena dan menjelaskannya dalam konteks yang baru.

Pemahaman atau boleh dijuga disebut dengan istilah mengerti merupakan kegiatan mental intelektual yang mengorganisasikan bahan-bahan yang telah diketahui. Penemuan-penemuan yang diperolehi dari mengetahui seperti definisi, maklumat, peristiwa, fakta disusun kembali dalam struktur kognitif yang ada. Penemuan-penemuan ini diakomodasikan dan kemudian berasimilasi dengan struktur kognitif yang ada, sehingga membentuk struktur kognitif baru.

Menurut Abdullah Junus (1989) lagi, terdapat tiga tahap dalam pemahaman iaitu terjemahan, pentafsiran dan ekstrapolasi. Tahap terjemahan menterjemahkan sesuatu maklumat daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Terjemahan adalah berdasarkan ketepatan dan ketelitian di mana maklumat di dalam sumber asal dapat dipelihara walaupun bentuk asalnya telah berubah. Tahap pentafsiran meringkaskan dan menjelaskan sesuatu fenomena mengikut huraian sendiri; melibatkan suatu penyusunan semula atau pandangan baru tentang bahan itu. Tahap ekstrapolasi membuat andaian

daripada data yang diketahui untuk menentukan implikasi, kesimpulan, akibat, kesan dan lain-lain lagi, sejajar dengan keadaan yang diterangkan di dalam komunikasi asalnya.

Menurut penterjemahan Noor Rohana Mansor (2007), aras aplikasi Bloom (1953) merujuk kepada aras kebolehan untuk menggunakan pengabstrakan-pengabstrakan dalam situasi yang khusus dan konkrit. Pengabstrakan-pengabstrakan berkemungkinan dalam bentuk idea-idea umum, aturan-aturan prosedur atau kaedah-kaedah yang menyeluruh. Aras ini meliputi prinsip-prinsip teknik, idea-idea dan teori-teori yang harus diingat dan digunakan. Sasaran tingkah laku meliputi mengaplikasi iaitu menerap dan menggunakan maklumat, kaedah, konsep, teori-teori, idea dan prinsip-prinsip dalam situasi yang baru untuk penyelesaian masalah.

Aras analisis meliputi kebolehan untuk membuat pencerakinan maklumat. Sesuatu maklumat dicerakinkan kepada bahagian-bahagian agar penyusunan dan pertalian idea-idea tersebut dihuraikan dengan jelas. Sasaran tingkah laku merangkumi kemahiran mencerakinkan, memecahkan serta membahagi-bahagikan maklumat, idea, konsep dan permasalahan. Menentukan bahagian-bahagian dari suatu masalah dan menunjukkan hubungan antara bahagian tersebut, melihat punca-punca dari suatu peristiwa atau memberi hujah-hujah yang menyokong suatu kenyataan.

Secara terperinci, Bloom (1953) mengemukakan tiga jenis kemampuan analisis, iaitu menganalisis unsur, menganalisis hubungan dan menganalisis prinsip-prinsip organisasi. Tahap menganalisis unsur meliputi kebolehan untuk membezakan fakta dengan hipotesis, mengenal pasti motif-motif dan membezakan mekanisme perilaku antara individu dan kelompok dan kebolehan untuk memisahkan kesimpulan dari kenyataan-kenyataan yang menyokongnya.

Tahap analisis perhubungan meliputi kemampuan untuk melihat secara menyeluruh hubungkait antara idea dengan idea, kebolehan untuk mengenal fakta atau andaian yang penting yang mendasari suatu pendapat atau hujah-hujah yang menyokongnya dan kebolehan untuk mengesan hal-hal yang tidak logik di dalam suatu hujah. Tahap analisis prinsip-prinsip organisasi meliputi kemampuan untuk mengetahui maksud dari pengarang suatu karya tulis, sudut pandang atau ciri pemikiran dan perasaan yang boleh diperolehi dalam karyanya.

Aras sintesis menggabungkan, meramu, atau merangkai pelbagai maklumat menjadi satu kesimpulan atau menjadi suatu perkara yang baru. Kemampuan berfikir induktif dan konvergen merupakan ciri kemampuan ini. Sebagai contoh, murid memilih nada dan irama dan kemudian menggabungkannya menjadi gubahan muzik yang baru atau mencipta logo organisasi.

Menurut penterjemahan Mohd. Zainuddin Hashim (1988), menilai mengambil keputusan benar-salah, baik-buruk, atau bermanfaat tak bermanfaat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu baik kualitatif mahupun kuantitatif. Terdapat dua kriteria justifikasi yang digunakan iaitu Kriteria Dalaman dan Kriteria Luaran. Kriteria Dalaman memerhatikan konsistensi atau ketepatan susunan secara logik unsur-unsur yang ada di dalam objek yang diamati. Kriteria Luaran dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria yang berpunca di luar objek yang diamati, misalnya kesesuaiannya dengan aspirasi umum atau kecocokannya dengan keperluan pengguna.

Konsep Taksonomi Bloom dikembangkan pada tahun 1956 oleh Benjamin S. Bloom, yang selanjutnya dikembangkan oleh muridnya Lorin Anderson pada tahun 1990. Hasil perbaikannya dicetak pada tahun 2001 dengan nama Revisi Taksonomi Bloom. Salah satu alasan Anderson merevisi Taksonomi Bloom adalah kerana tahap sintesis dan analisis sangat sukar dibezakan.



### 2.2.2 Domain Afektif

Krathwohl et al. (1964) adalah antara penyelidik yang memperkenalkan domain afektif. Domain afektif adalah dirumuskan daripada objektif-objektif yang berkaitan dengan minat, sikap, nilai penghargaan dan penyesuaian. Krathwohl mengkategorikan domain afektif bagi taksonomi pendidikan kepada lima bahagian iaitu penerimaan, gerak balas, penilaian, organisasi dan pembentukan sesuatu nilai.

Penerimaan (*receiving / attending*) merupakan aras yang paling rendah. Ia merujuk kepada kesanggupan murid memberi perhatian dan kesedaran kepada sesuatu fenomena atau rangsangan seperti aktiviti pengajaran, bahan pelajaran, lakonan dan sebagainya. Aras penerimaan terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:

a. Kesedaran

Aras ini merujuk kepada kesedaran faktor-faktor estetik yang mempengaruhi kecantikan sesuatu benda. Murid juga sedar terdapat pelbagai pendapat mengenai sesuatu perkara dan setiap orang mempunyai perasaan tersendiri.

b. Kesanggupan menerima (*willingness to receive*)

Aras ini merujuk kepada kesanggupan memberi perhatian, mendengar ucapan orang dan menunjukkan toleransi serta menghormati kebudayaan orang lain.

c. Perhatian Terkawal atau Terpilih (*controlled or selected attention*).

Aras ini merujuk kepada kesanggupan memberi perhatian kepada rangsangan yang dipilih dan meperhatikannya.

Aras bertindak balas (*responding*) merujuk kepada kesanggupan bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang diberi perhatian. Aras ini meliputi tiga kategori sebagai berikut:

a        Persetujuan membalas (*acquiescence of responding*)

Aras ini melibatkan kemahuan dan kesudian mematuhi peraturan-peraturan sedia ada, misalnya mengajukan soalan, meletakkan gambar dari tokoh yang disenangi pada dinding atau mentaati peraturan lalu lintas.

b        Kesudian membalas (*willingness to respond*)

Aras ini menunjukkan sifat sukarela melaksanakan tugas tanpa paksaan, misalnya membaca buku secara sukarela, mengamalkan tingkah laku yang baik dan sebagainya.

c        Kepuasan membalas (*satisfaction in response*)

Aras ini merujuk kepada perasaan kepuasan semasa bertindak balas. Misalnya, berasa suka bila menjalankan aktiviti pembelajaran, menikmati hasil seni semasa melukis, mengambil gambar dari objek yang menjadi pusat perhatiannya dan sebagainya. dan sebagainya.

Aras menilai (*valuing*) merujuk kepada kebolehan membuat penilaian dan memberi penghargaan terhadap sesuatu benda, fenomena atau tingkah laku berdasarkan kriteria-kriteria diri. Pada tahap ini sudah mula timbul proses internalisasi untuk memiliki dan menghayati nilai dari rangsangan yang dihadapi. Aras ini terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:

a        Penerimaan (*acceptance of value*)

Kategori ini merujuk kepada kebolehan menentukan nilai sesuatu benda, fenomena, tingkah laku dan sebagainya. Di peringkat ini, murid menunjukkan kepercayaannya dengan melakukan sesuatu yang baik, iaitu lanjutan dari usaha memuaskan diri untuk bertindak secara lebih intensif.

b        Keutamaan bagi sesuatu nilai (*preference for a value*)

Mengutamakan nilai yang dinyatakan dalam usaha yang dapat memuaskan perilaku menikmati, misalnya lukisan yang mempunyai lakaran yang memuaskan.

c Penglibatan

Penglibatan merujuk kepada kepercayaan teguh terhadap suatu nilai dengan alasan-alasan tertentu yang muncul dari rangkaian pengalaman. Komitmen ini dinyatakan dengan rasa senang, kagum, terpesona. Misalnya menunjukkan komitmen terhadap nilai keberanian yang dihargainya, menerima prinsip Rukun Negara sebagai pedoman hidup dan sebagainya.

Di aras Pengorganisasian (*organization*), murid menunjukkan kebolehan mengorganisasikan nilai-nilai yang berkaitan untuk disusun menjadi satu sistem nilai yang baru, menentukan perhubungan di antara nilai-nilai tersebut serta membezakan nilai-nilai yang penting dengan yang kurang penting. Aras organisasi mengandungi dua kategori yang disusun mengikut urutan seperti berikut:

a Pengkonsepan sesuatu nilai

Kategori ini merujuk kepada kebolehan membentuk konsep yang abstrak terhadap sesuatu nilai seperti keinginan menilai hasil karya orang lain, atau mencari andaian-andaian yang mendasari suatu moral atau kebiasaan.

b Organisasi sesuatu sistem nilai

Kategori ini merujuk kepada kebolehan menyatukan nilai-nilai yang berkaitan dan membentuk satu sistem nilai. Peranti nilai disusun berdasarkan peringkat preferensinya. Dalam sistem nilai ini yang bersangkutan meletakkan nilai yang paling disukai pada peringkat yang amat penting, menyusul kemudian nilai yang dirasakan agak penting, dan seterusnya mengikut urutan kepentingan atau kesenangan dari diri yang berkenaan.

Aras perwatakan ialah aras yang tertinggi dalam domain afektif. Murid dianggap berkemampuan untuk menyusun nilai-nilai ke dalam satu sistem yang kekal. Murid boleh mengawal tingkah laku hingga membentuk suatu perwatakan tersendiri. Dalam



keadaan ini, tingkah laku seseorang adalah tekak dan boleh diramalkan. Aras perwatakan terdiri daripada dua kategori yang disusun mengikut urutan seperti berikut:

a Generalisasi

Aras ini merujuk kepada kebolehan sentiasa mengekalkan nilai-nilainya dalam sistem yang dibentuk. Murid berkeupayaan untuk melihat sesuatu masalah dari suatu sudut pandang yang tertentu.

b Perwatakan

Perwatakan merujuk kepada sifat ketekalan terhadap kepercayaan yang kuat dan tidak berubah terhadap sistem pegangan nilai yang dibentuk sehingga menjadikannya sebagai falsafah hidup. Murid menunjukkan tingkah laku seperti disiplin diri dan boleh menghadapi situasi yang rumit serta menyelesaikannya dengan pendekatan yang objektif dan rasional.

Penilaian dalam aspek afektif adalah melalui pemerhatian sikap dan perlakuan murid yang direkod. Dalam Pendidikan Seni Visual, aspek afektif ini mencakupi perasaan, minat, sikap, emosi dan nilai. Dalam penghasilan karya, murid di sekolah tidak kira peringkat umur akan mempunyai perasaan terhadap sesuatu yang ingin dihasilkan. Minat sebagai penggerak penghasilan karya. Manakala emosi pula banyak mempengaruhi semasa proses kerja karya tersebut dan nilai yang dapat ditunjukkan adalah nilai menghargai warisan, sahsiah yang baik dan rasa kesyukuran. Ini jelas menunjukkan bahawa domain afektif ini menekankan kepada kepentingan emosi dan perasaan.

Justeru itu, seseorang murid yang mempunyai domain afektif yang tinggi dalam Pendidikan Seni Visual akan dapat dilihat menerusi berbagai tingkah laku. Antaranya adalah seperti memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap subjek Pendidikan Seni Visual, berdisiplin dalam penyediaan bahan seni yang diperlukan, mempunyai motivasi

yang tinggi terhadap bidang seni dan menghargai suasana seni dalam persekitarannya dan kaitan dengan kesejahteraan hidup.

Fokus utama murid-murid dalam aktiviti- aktiviti seni adalah meluahkan perasaan dalam karya dan memiliki motivasi yang sangat tinggi sehingga tumpuan diberikan seratus peratus terhadap karya yang ingin dihasilkan. Ini mempunyai perkaitan dengan matlamat Pendidikan Seni Visual iaitu menghargai keindahan seni dan objektif kurikulum Pendidikan Seni Visual menunjukkan penghargaan terhadap keindahan dan menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.

### **2.2.3 Domain Psikomotor**

Antara pelopor utama domain psikomotor ialah Simpson (1972) dan Harrow (1972). Simpson (1972) mengkategorikan domain psikomotor kepada tujuh peringkat iaitu pengamatan, set, tindak balas terbimbing, mekanisme, gerak balas nyata yang kompleks, penyesuaian dan keaslian.

Aras pengamatan terletak di peringkat yang terendah. Ia merujuk kepada proses kesedaran terhadap objek-objek, sifat-sifat atau perhubungan-perhubungan melalui penggunaan deria manusia. Aras ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu:

#### **a Stimulasi deria**

Aras ini melibatkan satu atau lebih daripada satu deria manusia seperti pendengaran, penglihatan, deria sentuh, rasa, menghidu dan kinestetik. Stimulasi deria membolehkan murid mengenal, mengaitkan objek-objek, sifat-sifat atau perhubungan-perhubungan melalui penggunaan deria mereka.

#### **b Pilihan tanda isyarat**

Aras ini melibatkan proses memilih tanda isyarat atau saranannya supaya dapat melakukan sesuatu pergerakan yang betul seperti memilih tanda isyarat daripada demonstrasi guru untuk menggunakan pensel menulis.

c Terjemahan

Aras ini melibatkan proses menentukan erti isyarat yang diterima untuk tindakan yang sewajar. Proses ini melibatkan aktiviti mental supaya membentuk idea secara simbolik daripada terjemahan isyarat-isyarat yang diterima. Aras ini membolehkan murid menggunakan celik akal yang terbentuk daripada aktiviti pengamatan supaya melakukan sesuatu aktiviti nanti, misalnya membaca buku darama sebagai persediaan untuk berlakon.

Aras set merujuk kepada kesediaan untuk bertindak. Ia dibahagikan kepada tiga kategori:

a Set Mental

Aras ini ialah kesediaan mental untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Ia melibatkan proses diskriminasi untuk mengetahui langkah-langkah pelaksanaan sesuatu tindakan, misalnya memperolehi pengetahuan mengenai langkah-langkah melaksanakan suatu ujikaji dalam makmal sains.

b Set Fizikal

Aras ini ialah kesediaan dari segi fizikal untuk bersedia melaksanakan sesuatu aktiviti seperti memegang pensel dengan bersedia menulis.

c Set Emosi

Aras ini merujuk kepada kesediaan dari segi emosi atau sikap untuk melaksanakan sesuatu tugas, misalnya keinginan menulis dengan baik, melukis dengan menarik dan sebagainya.

Aras tindak balas terbimbing merupakan aktiviti perlakuan seseorang yng nyata di bawah bimbingan seorang guru. Aras set mental dan fizikal harus ada untuk bergerak balas. Aras ini digolongkan kepada dua kategori iaitu meniru dan mencuba.

a Meniru

Meniru adalah kemampuan untuk melakukan sesuai dengan contoh yang diamatinya walaupun belum mengerti hakikat atau makna daripada kemahiran itu. Seperti kanak-kanak yang baru belajar bahasa meniru kata-kata orang tanpa memahami ertinya.

b Mencuba

Aras ini merujuk kepada beberapa tindak balas yang dipilih dan dicuba sehingga mendapat satu yang sesuai. Misalnya, menggunakan beberapa teknik untuk memukul bola ping pong sehingga mendapat satu teknik yang dianggap berkesan.

Aras mekanisme ini merujuk kepada ketekalan penggunaan kemahiran atau teknik yang telah dimuridi dalam situasi yang berkaitan. Dalam keadaan yang ini, tindak balas yang dimuridi menjadi satu tabiat. Murid yang mencapai aras mekanisme akan mempunyai keyakinan terhadap tindak balasnya. Misalnya, murid melukis dengan menggunakan pensel tanpa ragu-ragu.

Aras tindak balas yang kompleks merujuk kepada kebolehan melakukan suatu tindak balas nyata yang kompleks. Pada tahap ini, murid telah mencapai tahap kemahiran yang tinggi. Aras ini mempunyai dua kategori:

a Resolusi Kepastian

Aras ini merujuk kepada kebolehan melaksanakan suatu aktiviti yang kompleks dengan penuh keyakinan. Misalnya, menjalankan sesuatu ujikaji di dalam makmal sains, langkah demi langkah secara lancar dan tepat.

b Perlakuan Automatik

Aras ini merujuk kepada kebolehan melakukan sesuatu aktiviti yang memerlukan kordinasi dan kawalan otot. Misalnya, menunjukkan kemahiran bermain piano depan orang ramai.

Aras penyesuaian merujuk kepada kebolehan menyesuaikan kemahiran yang telah diperolehi untuk sesuatu situasi yang baru. Misalnya, menyesuaikan teknik bermain bola jaring dalam permainan keranjang.

Aras keaslian merujuk kepada kebolehan mencipta sesuatu tindakan motor baru berdasarkan kepada kemahiran-kemahiran yang telah diperolehi daripada aras-aras sebelumnya. Misalnya, murid boleh mencipta suatu permainan baru yang menggunakan tindak balas psikomotor.

Domain psikomotor dalam Pendidikan Seni Visual adalah merujuk kepada ketrampilan dan kemampuan seseorang murid bertindak setelah menerima pengalaman belajar. Dalam mata pelajaran PSV, murid diberi tugas untuk melatih psikomotor mereka dalam menghasilkan karya seni. Ini dapat dilihat dalam aktiviti seni yang diajar seperti aktiviti melukis, menganyam, membentuk dan membuat binaan, membuat corak dan pelbagai lagi.

Menurut Ibrahim Hassan (2001) Pendidikan Seni Visual memupuk pertumbuhan kemahiran dalam pergerakan atau gerak balas yang boleh terbentuk melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan meningkatkan kualiti koordinasi antara mata, tangan, otot dan mental. Kemahiran psikomotor melalui aktiviti PSV mengembangkan perkembangan kecergasan, bersedia menjalankan amalan menggunakan masa lapang secara berfaedah, memperolehi kemahiran-kemahiran asas praktik dalam kehidupan seharian dan menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.

Domain Psikomotor ini adalah selaras dengan matlamat Pendidikan Seni Visual ke arah pembangunan diri dan objektif Pendidikan Seni Visual yang ke empat iaitu menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik dan teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti.

### **2.3 Teori Pembelajaran**

Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003) menjelaskan teori pembelajaran yang meliputi teori kognitif. Teori ini dilihat sebagai proses pengajaran dan pembelajaran dari pelbagai perspektif, ini memberi inisiatif untuk mempertingkatkan tahap minat murid untuk mempelajari PSV.

Peringkat pengetahuan adalah peringkat yang rendah sekali. Ia meliputi proses mengingat semula perkara-perkara khusus dan umum. Peringkat kefahaman adalah satu tahap yang tinggi sedikit daripada tahap mengetahui tentang sesuatu. Aplikasi bermaksud kebolehan menggunakan perkara-perkara yang telah dimuridi dalam keadaan yang baru dan berlainan.

Analisis adalah kebolehan memecah-mecahkan perkara-perkara yang telah dipelajari itu kepada bahagian-bahagiannya yang tertentu supaya susunan dan perkaitan bahagian-bahagian tadi senang difahami. Penilaian adalah berkenaan dengan kebolehan menghasilkan atau menimbangkan nilai sesuatu perkara atau bahan untuk sesuatu tujuan tertentu. Kebolehan pada peringkat kognitif yang lebih tinggi adalah lebih kekal, lebih bermakna dan lebih manfaat. Ini memberi sumbangan dalam penentuan objektif secara lebih tepat dalam perancangan pengajaran.

Kefahaman terhadap pendidikan seni menjadi asas untuk mengembangkan pemikiran dan kreativiti manusia. Mohd Johari Ab. Hamid (2008) menyatakan perkembangan dalam diri individu memainkan peranan untuk mengembangkan seni itu sendiri. Tambahan, seni bertindak untuk menyuburkan perkembangan fizikal, emosi, jasmani, keintelektualan seseorang khususnya remaja. Minat belajar adalah suatu kecenderungan seseorang tertarik pada suatu objek atau mata pelajaran. Sedangkan motivasi belajar adalah daya gerakan pada seseorang untuk melakukan usaha terhadap apa yang menarik perhatian atau minatnya.

Kajian awal Piaget adalah mengenai kecerdasan. Menurut Hergenhahn dan Olson (2005), Piaget mentafsir kecerdasan seperti berikut:

*... intelligence is a dynamic trait because what is available as an intelligent act will change as the organism matures biologically and as it gains experiences (ms. 295).*

Piaget memperincikan penerangan kecerdasan seperti berikut:

*Intelligence is an intergral part... all living organisms seek those conditions to their survival, but how intelligence manifests itself at any given time will necessarily vary as conditions vary (ms. 295).*

Konsep asas kognitif Piaget termasuk skemata, asimialsi, akomodasi dan keseimbangan. Berdasarkan Hergenhahn dan Olson (2005), Piaget menerangkan konsep skemata seperti berikut:

*The potential to act in a certain way was labeled schema... schema refers to a general potential to perform a class of behaviors... as an element in the organism's cognitive structure (ms. 296).*

Skemata merupakan model tingkah laku asas individu yang ditonjolkan semasa proses pengubasuaian diri dalam alam sekitar. Ia adalah dirujuk sebagai *kebolehan* atau *pengalaman* individu yang dipelajari dan diperolehi berdasarkan syarat-syarat yang diwarisi. Oleh itu, skemata individu ditonjolkan melalui aksi, bahasa, pemikiran, pandangan ataupun idea yang mewakili ciri tingkah laku. Maka, skemata individu merupakan tingkah laku yang sering berubah mengikut pembelajarannya. Berdasarkan Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Zurihanmi (2005), konsep skemata Piaget diberi persepsi sebagai:

*... idea yang menggambarkan rangka kerja mental untuk pemahaman; pembentukan ingatan, iaitu pandangan yang menyatakan bahawa pengetahuan adalah direka oleh murid apabila mereka menghadapi situasi baru, dan tahap memproses, iaitu tanggapan bahawa ingatan adalah keluaran sampingan daripada proses maklumat yang diterima (ms. 1).*

Pada pandangan Piaget, minda boleh berkembang, berubah dan dapat mengadaptasi masalah yang berlaku apabila berinteraksi dengan persekitaran (Azizi

Yahaya et al., 2005). Berdasarkan Hergenhahn dan Matthew (2005), Piaget mengidentifikasi konsep asimilasi dan akomodasi seperti berikut:

*The process of responding to the environment with one's cognitive structure is called assimilation, another way, respond to the world according to previous experience. Accommodation, the process by which the cognitive structure is modified (ms. 296-297).*

Di dalam teori pembelajaran kognitif Piaget, adaptasi dan keseimbangan adalah saling berkait dan saling mempengaruhi satu sama lain. Kedua-duanya menggunakan skemata sebagai asas tindakan dia antara mereka. Kehidupan individu di dalam alam sekitar, sekiranya skemanya atau bentuk tingkah laku yang sedia ada telah memadai digunakan untuk memuaskan keperluan semasa proses pengubahsuaian diri, maka individu itu tidak perlu lagi memperolehi pengalaman baru, dan pembelajaran baru tidak akan berlaku. Di dalam situasi ini, skemanya dan bentuk adaptasi belum berubah, oleh itu perhubungan dalaman dan luaran individu adalah dikatakan sedang di bawah keadaan *keseimbangan*.

Sebaliknya, jika seseorang individu tidak dapat menggunakan skemanya yang sedia ada untuk mengadaptasikan keperluan alam sekitar, keadaan keseimbangan di antara individu itu dengan alam sekitarnya akan hilang dan lenyap. Di dalam proses ini, keseimbangan adalah sama dengan sesuatu kuasa penggerak dalaman, iaitu motivasi pembelajaran. Piaget menghuraikan pembelajaran sebagai motivasi individu yang mengambil inisiatif sendiri untuk megubahsuai diri dalam alam sekitar dan bukan seperti teori rangsangan.

Kanak-kanak akan menunjukkan asimilasi apabila menggunakan gerak balas yang dipelajari dengan rangsangan baru (Habibah Alias & Rahil Hj. Zainuddin, 1990). Menurut Piaget, proses akomodasi dan asimilasi berfungsi bersama-sama. Proses asimilasi menggunakan skemata pemikiran untuk membuat sesuatu yang sudah diketahui. Proses akomodasi pula adalah cara baru membuat sesuatu.



Untuk mengekalkan keseimbangan, iaitu memperolehi kepuasan kerana motivasi, individu terpaksa mengubahsuai diri melalui proses adaptasi. Di dalam proses adaptasi ini, skemata individu berubah beransur-ansur hingga perubahan tingkahlakunya menjadi semakin kompleks.

Mengikut pandangan Piaget, adaptasi merangkumi dua bentuk, satunya ialah asimilasi dan satu yang lain ialah akomodasi, kedua-dua saling berkait dan saling melengkapi dalam pembentukan proses pembelajaran kognitif secara keseluruhan. Fenomena mengubah struktur kognitif kerana proses adaptasi adalah dikenali sebagai proses akomodasi. Dengan huraian ini, adalah didapati bahawa akomodasi merupakan sesuatu proses psikologikal yang berlaku semasa seseorang individu berusaha atas inisiatif sendiri melalui perubahan struktur kognitif dengan tujuan mengadaptasi keperluan situasi pembelajaran yang dihadapinya.

Menurut Piaget, murid belajar melalui proses adaptasi, mengorganisasi ilmu atau maklumat baru dan dengan proses asimilasi, mentransformnya dalam struktur kognitif (skemata) dengan ilmu dan maklumat yang sedia ada dapat diperkukuh serta ditambah. Bagi ilmu atau maklumat yang tidak seimbang dengan skematanya, mereka menggunakan proses akomodasi untuk cara reorganisasi dan menyesuaikan dalam struktur kognitif dan dengan proses yang sedemikian, ilmu pengetahuan murid dapat diperkembangkan dan dipertingkat kepada tahap yang lebih tinggi. Azizi Yahaya et al. (2005) menerangkan konsep penting yang disarankan oleh Piaget. Intipati konsep Piaget ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

**Jadual 2.1:** Konsep Asas Teori Kognitif Piaget

<b>Konsep</b>	<b>Takrif</b>
<b>i. Skemata</b>	Penentuan cara untuk bertindak bergantung kepada potensi dalaman yang terdapat pada diri individu. Model tingkah laku asas ditonjolkan melalui proses pengubahsuaian diri dengan persekitaran.
<b>ii. Asimilasi</b>	Penerapan pengalaman baru dalam skemata sedia ada.
<b>iii. Akomodasi</b>	Penerimaan maklumat baru dengan penyesuaian skemata yang ada.
<b>iv. Keseimbangan</b>	Pencapaian keseimbangan terhadap pengetahuan, kepercayaan dan pengalaman melalui gabungan proses asimilasi dan adaptasi.

Sumber: Azizi Yahaya et al. (2005), ms. 20-23.

Pendidikan seni berkait rapat dengan kognitif kerana pengajaran dan penghasilan seni adalah berasaskan ilmu pengetahuan. Teori kognitif Piaget menerangkan bahawa cara berfikir seseorang individu tentang situasi merangkumi kepercayaan, jangkaan dan perasaannya, ini mempengaruhi cara belajar dan fakta yang diterima oleh individu.

Ahli psikologi kognitif berpendapat, pembelajaran adalah proses mental yang aktif untuk mendapat, menyimpan, mengingat dan menggunakan ilmu. Fokus kajian ahli psikologi kognitif adalah pada proses aktif minda individu bagi memahami persekitarannya.

Menurut teori kognitif Piaget, pengertian kognitif melibatkan aspek-aspek struktur intelek yang digunakan bagi memahami dan mengetahui sesuatu. Piaget turut menyarankan kognitif melibatkan hasil kematangan organisma dan pengaruh persekitaran. Berdasarkan teori kognitif, Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003) berpendapat bahawa proses pembelajaran berlaku apabila seseorang individu menyerap atau menyesuaikan pengetahuan sedia ada di otak dengan data yang diperoleh melalui persekitarannya. Justeru itu, pengalaman seni menjana pengetahuan melalui persekitarannya.

Piaget menyatakan terdapat perbezaan individu dalam kecepatan sampai ke peringkat perkembangan tertentu. Penyelidikan Piaget menunjukkan bahawa perkembangan kognitif berlaku agak cepat pada masa bayi dan zaman permulaan kanak-kanak. Piaget berpendapat perkembangan kognitif ini berlaku secara berperingkat-peringkat. Perkembangan peringkat awal menjadi asas kepada perkembangan kognitif seterusnya. Teori kognitif membuat andaian bahawa pengetahuan yang betul tentang realiti adalah berasaskan ketepatan representasi realiti dalam seni. Menurut Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003), representasi yang melibatkan proses ciptaan atau rekaan imej-imej tampak boleh memuaskan kewujudannya.

Kognitif dalam seni dijelaskan melalui pemerhatian dan pengamatan pada alam persekitaran. Teori kognitif Piaget menjelaskan terdapat perubahan pernyataan artistik kanak-kanak apabila mula berhubung dengan persekitarannya. Kanak-kanak yang sebaya yang sama kecerdasan dari segi kebijaksanaan, pengalaman dan memiliki daya pemerhatian yang tinggi mempunyai kemahiran yang berbeza.

Perspektif kognitif tertumpu kepada keupayaan berfikir. Teori Piaget menegaskan kepentingan, keupayaan manusia berfikir dan memproses serta menilai data atau maklumat. Sebelum satu reaksi dapat dilakukan, seseorang itu menyerapkan atau menyesuaikan pengetahuan sedia ada di otak dengan data-data yang diperolehi melalui persekitaran. Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan (2003) menyatakan pengetahuan menerusi seni merupakan pemahaman terhadap sesuatu objek, tempat, proses atau peristiwa yang dijelmakan sebagai karya seni.

Menurut Piaget, pemikiran kanak-kanak terbentuk melalui proses penyesuaian yang dinamakan akomodasi dan asimilasi. Proses asimilasi adalah proses melibatkan pengetahuan yang baru yang diterima oleh kanak-kanak dimasukkan ke dalam skema


pemikiran yang ada dalam pemikiran mereka. Proses ini juga melibatkan pengalaman dan pengetahuan lampau.

Kajian Ahmed Ghazie Ibrahim (1993) menyatakan implikasi teori Piaget dalam Pendidikan Seni. Beliau berpendapat teori kognitif Piaget yang melibatkan asimilasi boleh berlaku apabila murid menggunakan pengetahuan sedia ada dalam asas seni reka untuk menghasilkan sesuatu karya.

Dalam proses akomodasi, murid mencipta karya yang baru melalui pemikiran yang berkembang. Proses menghasil dan mencipta karya seni menepati teori Piaget kerana pembelajaran sebenar berpunca daripada murid itu sendiri. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni, penglibatan dan penerokaan murid secara aktif dengan benda maujud serta interaksi sosial akan berlaku pembelajaran sebenar (Azizi Yahaya et al., 2005)

Piaget membentuk beberapa cadangan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Piaget menyarankan pembelajaran tidak terhad kepada guru tetapi melalui penemuan murid itu sendiri. Sikap penerokaan aktif murid menyumbangkan perkembangan mental terhadap murid tersebut. Tambahan, pengajaran yang berasaskan minat dan keupayaan murid dapat memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi secara aktif dan bebas (Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakariya, 2005).

Kesimpulan Teori Kognitif Jean Piaget adalah seperti berikut:



**Rajah 2.2:** Teori Kognitif Jean Piaget (Penterjemahan Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakariya, 2005).

Piaget mendapati perkembangan kanak-kanak adalah berbeza dan berubah melalui empat peringkat mengikut perubahan umur mereka. Piaget membahagikan empat peringkat ini kepada Peringkat Deria motor (0-2 tahun), Peringkat Praoperasi (2-6 tahun), Peringkat Operasi Konkret (6-11 tahun) dan Peringkat Operasi (selepas 11 tahun).

Perkembangan kognitif Peringkat Operasi biasanya akan mencapai kemuncak di penghujung umur 16 tahun. Dalam peringkat ini, remaja boleh berfikir secara abstrak dan menyelesaikan masalah yang lebih kompleks. Mereka juga memikir secara deduktif (daripada umum kepada contoh khusus) atau induktif (dari contoh khusus kepada umum).

#### **2.4 Subjek Pendidikan Seni Visual**

Pendidikan Seni Visual tidak merupakan subjek remeh yang sering dipandang rendah oleh masyarakat. Md. Nasir Ibrahim dan Ibrahman Hassan (2003) menegaskan seni mempunyai prinsip-prinsip yang tersendiri yang tidak melewati batas budaya bangsa.

Produk seni membolehkan seseorang memandu dirinya dan orang lain ke arah penghidupan yang lebih baik di samping memelihara keharmonian.

Menerusi pendidikan seni, Md. Nasir Ibrahim dan Ibrahlim Hassan (2003) menyarankan struktur ilmu kognitif terdapat lima unsur yang perlu ada iaitu gubahan, prosedur, sejarah seni, estetika dan seni dalam kehidupan. Struktur ilmu gubahan merangkumi peraturan-peraturan untuk menghasilkan sesuatu ciptaan yang berkualiti yang boleh dimuridi menerusi prinsip-prinsip gubahan dan rekaan.

Md. Nasir Ibrahim dan Ibrahlim Hassan (2003) menerangkan struktur ilmu sejarah seni menggambarkan sejarah sesuatu budaya, kawasan atau era sesuatu zaman. Unsur estetika mendidik murid menyedari, memahami dan menghayati keindahan terutamanya alam semula jadi. Hasil karya seni adalah berkait rapat dengan kehidupan harian. Perkembangan seni bagi kegunaan dan keselesaan kehidupan adalah suatu proses meningkatkan taraf hidup. Maklumat-maklumat yang diperolehi boleh diterjemahkan ke dalam bentuk visual dan mengaitkan dengan keadaan semasa.

Menurut Mazlan Mohamad (1996), kesenangan dan keindahan estetik bergantung kepada tiga faktor. Faktor yang utama adalah tahap ilmu dan pengetahuan seseorang. Falsafah, estetik dan pegangan budaya seseorang atau sesuatu bangsa turut ditinjau. Zaman atau era turut menyumbang dalam penentuan kesenangan dan keindahan estetik. German Bahauss (1991) dalam Mazlan Mohamad (1996) berpendapat bahawa:

kraf dan reka bentuk adalah gabungan kepada seni halus. Seni seharusnya memberi faedah dan berfungsi kepada kehidupan seharian dan masyarakat bukan sekadar untuk menyatakan hasrat diri (ms. 3).

Mazlan Mohamad (1996) menyatakan seni merupakan pernyataan tanpa kata, ia mempunyai tata dan laras bahasa tampak yang universal. Pemahaman tersebut melalui

unsur-unsur seni, prinsip rekaan, bahan dan alat, teknik dan gayaan serta terminologi dan simbol.

Asas seni reka merupakan bahasa untuk seni visual. Pengetahuan tersebut dapat membantu dalam penghasilan karya yang lebih berkualiti dan berkesan di samping menilai, menghayati serta menikmati hasil-hasil karya seni visual dengan sepenuhnya. Asas seni reka berasal daripada pengaruh Sekolah Seni Lukis Bauhaus di Weimar, Jerman yang ditubuhkan pada tahun 1919. Sekolah Seni Bauhaus berusaha melatih pelukis-pelukis dalam pelbagai kemahiran agar mereka dapat menjadi pereka bentuk industri yang berkualiti. Seni visual juga merupakan salah satu alat untuk berkomunikasi. Seni visual yang menyampaikan maklumat dapat menerima tindak balas positif, maka karyanya adalah berkualiti dan berkesan. (Chang, 2008, ms. xvii-xix)

## **2.5 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Minat dan Pendidikan Seni Visual**

Kajian Zaini Hussein (2003) menyatakan minat sebagai “penjelmaan istimewa yang terdapat di jiwa manusia”. Zaini Hussein (2003) memberi penerangan lanjut bahawa “penjelmaan” merupakan kuasa ajaib yang terdapat pada diri seseorang yang menjadikan keupayaan menjalankan sesuatu aktiviti. Tambahan, kuasa ajaib yang terpendam akan mendorong seseorang individu ke arah pemupukan minat. Minat amat penting dalam proses pembelajaran. Murid yang menjalankan aktiviti dengan penuh minat akan menghasilkan prestasi yang baik. Sebaliknya, individu yang berbakat tetapi tidak berminat, pencapaian akan merosot.

Kajian lepas oleh Amer Shakir Zainol (2005) menunjukkan minat adalah salah satu faktor yang penting dalam mempertingkatkan keupayaan diri dalam pencapaian akademik. Kurang minat berkaitan rapat dengan kepercayaan seseorang individu bahawa

usaha tidak dapat memberikan hasil yang diinginkan. Prestasi individu boleh ditunjukkan dalam perubahan kebolehan melalui usaha.

Kajian Mohd. Razali Jaafar (2004) menunjukkan buku teks merupakan suatu penentuan yang penting terhadap pencapaian murid. Mohd. Razali Jaafar (2004) menjelaskan buku teks merupakan bahan yang mengandungi maklumat asas yang diperlukan bagi kehendak kurikulum. Buku teks merupakan alat bantuan mengajar kepada guru kerana pengetahuan asas dalam pengajaran guru pada keseluruhannya dirujuk kepada buku teks (Pukul KBSM, 1990).

Menurut kajian Siti Ermi Syahira Abdul Jamil (2009), Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pendidikan Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1930) mencadangkan mata pelajaran Lukisan dan Kerja Tangan diperkenalkan dengan lebih meluas dan diwajibkan ke atas setiap sekolah. R.O. Winstedt berpendapat mata pelajaran Lukisan dan Kerja Tangan adalah penting terutamanya dalam mempertingkatkan minat dan kecerdasan murid. Winstedt, dalam Tajul Arrifin (2001) menyatakan :

Lukisan adalah latihan yang amat baik dalam memerhati alam, di mana ia dapat menimbulkan minat dan kecerdasan murid-murid dalam melatih mereka tentang ketepatan dan kecermatan supaya menyesuaikan mereka dengan kerja-kerja sebagai mandur (ms.1).

Siti Ermi Syahira Abdul Jamil (2009) turut berpendapat ilmu seni merangkumi semua ciptaan manusia. Golongan profesional mengambil kira aspek visual dan estetik untuk menginterpretasi objek, ruang dan persekitaran. Menerusi pengetahuan seni, kemampuan untuk menghayati dan menikmati keindahan dalam aspek kehidupan akan diperolehi.



Kajian Ahmed Ghazie Ibrahim (1993) menyatakan murid menggunakan kemahiran kognitif untuk menghasilkan ciptaan seni. Beliau berpendapat murid dilatih menggunakan pengetahuan sedia ada serta menambahkan pengetahuan baru semasa penciptaan karya. Murid menggunakan daya fikir dalam penghasilan karya yang asli dan unik.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menyatakan pendidikan di peringkat menengah atas iaitu tingkatan empat dan lima bukan merupakan pendidikan umum dan tidak pula merupakan sambungan daripada pendidikan di peringkat menengah rendah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga). Pendidikan yang begini rupa kurang memberi sumbangan terhadap perkembangan pendidikan seumur hidup. Laporan tersebut menerangkan secara lanjut bahawa :

Kurikulum di peringkat sekolah menengah atas hendaklah bercorak pendidikan umum sesuai bukan sahaja bagi murid-murid yang akan bekerja bahkan bagi mereka yang akan terus menyambung pelajaran (ms. 107).

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menyarankan cadangan bahawa:

... adalah diperakukan bahawa penjurusan kepada jurusan sastera, jurusan sains dan jurusan teknik dalam pendidikan di peringkat menengah atas ini dihapuskan. Pendidikan di peringkat ini diadakan dalam dua jurusan sahaja iaitu jurusan akademik dan jurusan vokasional (ms. 107).

Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) menyatakan bahawa penilaian dalam Pendidikan Seni Visual bukan hanya melibatkan pengujian dan pengukuran tetapi penilaian secara keseluruhan. Aspek kognitif meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat serta teknologi bahan, bentuk gubahan, kekemasan dan pemahaman serta penghargaan. Keberkesanan PSV diukur melalui

Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) yang dilaksanakan di peringkat sekolah. (Huraian Sukatan pelajaran PSV, 2003)

Menurut Huraian Sukatan pelajaran PSV (2003), terdapat tiga kaedah penilaian dalam PSV iaitu pemerhatian, lisan dan interaksi, dan penulisan. Pemerhatian menitikberatkan proses penghasilan bahan seperti cara murid mentafsir, mengelola idea, pewujudan idea dan cara menggunakan alat. Dalam penilaian secara lisan dan interaksi, guru berinteraksi dengan murid untuk mengetahui tahap penguasaan murid terhadap aspek seni, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa seni dan menilai potensi murid dalam kemahiran berfikir. Penilaian penulisan pula mengesan dan mengukur perkembangan dan pemahaman murid dalam bentuk folio.

Salah satu strategi yang digunakan untuk menjayakan pelaksanaan KBSM ialah penyediaan buku teks. Sejak mata pelajaran Pendidikan Seni KBSM diperkenalkan sehingga semakan semula kurikulum PSV, buku teks PSV belum diterbitkan oleh mana-mana penerbit dengan piawaian dan perakuan daripada Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sumber utama dalam menyalurkan pengetahuan dan kemahiran. Kajian Mohd. Razali Jaafar (2004) yang telah dijalankan di 20 buah sekolah daerah Hilir Perak menunjukkan murid memerlukan buku teks untuk mengetahui isi kandungan dan sukatan pelajaran PSV. Kekurangan buku teks dalam mata pelajaran PSV menjejaskan proses pendidikan dan impaknya mempengaruhi minat murid terhadap PSV.

## **2.6 Jenis-jenis Sekolah Menengah Di Malaysia**

Kementerian Pelajaran Malaysia membahagikan sekolah menengah di Malaysia terbahagi kepada banyak jenis. Walau bagaimanapun, berikut hanya menitikberatkan lapan jenis sekolah menengah sahaja.

Sekolah menengah harian biasa menumpukan kepada aspek menyediakan hak pendidikan yang sama rata kepada rakyat di seluruh pelusuk Malaysia. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Agama memfokuskan kepada pembelajaran pendidikan yang berteraskan kepada ajaran Islam dan dalam masa yang sama juga menumpukan kepada kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Sekolah Berasrama Penuh merupakan sekolah menengah perdana yang dikhaskan untuk memberi peluang kepada pelajar bumiputera di luar bandar yang memperolehi keputusan cemerlang di dalam UPSR dan PMR. Namun kini, semua sekolah berasrama penuh adalah sama dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

Sekolah kluster adalah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid dan sekaligus boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama dan sekolah lain di luar klusternya. Sekolah Berprestasi tinggi ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti yang tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Bertindak sebagai penanda aras dalam soal kecemerlangan pendidikan, supaya menjadi contoh dan teladan kepada semua sekolah di negara ini.

Sekolah Menengah Teknik dan vokasional memberi peluang kepada murid yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan sains dan teknologi untuk memenuhi tenaga kerja separa professional dan professional dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Sekolah bestari merupakan satu konsep sekolah yang menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah di samping memastikan semua pelajar tanpa mengira latar belakang mencapai potensi sepenuhnya dalam cara yang paling sesuai mengikut kadar dan gaya pembelajaran yang berlainan. Sekolah Sukan Malaysia ialah sekolah untuk mengumpul atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan juru latih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih.

## **2.7 Hubungan Antara Jantina, Bangsa dan Pencapaian Akademik**

Kajian literatur menunjukkan bahawa penyelidikan lepas tentang hubungan antara bangsa dan pencapaian akademik lebih menjurus kepada subjek seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Kimia, Biologi dan Fizik. Memandangkan setakat ini tidak terdapat penyelidikan yang mengkaji hubungan bangsa dengan pencapaian akademik PSV secara spesifik, sorotan ke atas kajian-kajian lain harus dijalankan. Dapatan kajian lain boleh digeneralisasikan kepada PSV kerana ia merupakan subjek yang mencakupi komponen sains dan sastera.

Hubungan antara perbezaan jantina dengan pencapaian telah mendapat tumpuan pengkaji-pengkaji lepas. Kajian Arnot, David dan Weiner (1995) misalnya telah melaporkan bahawa murid perempuan yang berusia 7, 11 dan 14 tahun memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam subjek Bahasa Inggeris berbanding dengan murid lelaki dalam lingkungan usia yang sama. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Harding (1979) yang mendapati bahawa murid perempuan lebih dominan dalam subjek sastera manakala murid lelaki pula lebih berprestasi tinggi dalam subjek yang berunsur sains, seperti Matematik dan Fizik. Pola yang sama turut diperoleh dalam kajian yang melibatkan pelajar di peringkat GCE (A Level). Eccleston, Borkin dan Burrows (1990) mendapati bahawa murid lelaki mempunyai pencapaian yang lebih baik dalam semua subjek berbanding dengan murid perempuan, kecuali Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan.

Menurut kajian Poh dan Ng (1992), selain daripada faktor jantina, bangsa merupakan satu lagi faktor demografi yang mendapat perhatian para penyelidik. Troyna (1992) telah menjalankan sebuah kajian ke atas murid-murid tahun empat. Hasil kajian beliau mendapati bahawa murid-murid yang berkulit putih mempunyai pencapaian lebih baik berbanding dengan murid-murid yang berketurunan Asia dalam pencapaian Bahasa

Inggeris. Paradise dan Block (1984) turut memperoleh keputusan yang sama iaitu terdapat perbezaan secara signifikan antara bangsa dalam pencapaian akademik. Kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar berkulit putih memperoleh skor yang lebih tinggi dalam pencapaian Matematik berbanding dengan pelajar berkulit hitam.

Birenbaum dan Kraemer (1995) telah meninjau perbezaan pencapaian Bahasa Inggeris antara murid yang berbangsa Arab dengan mereka yang berketurunan Yahudi. Beliau mendapati bahawa murid Arab memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar Yahudi.

Dari segi kajian tempatan pula, Sharifah (1992) mendapati bahawa pencapaian murid tahun satu secara keseluruhan berbeza mengikut bangsa. Murid Cina didapati mempunyai skor pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan murid Melayu dan India. Dapatan ini selaras dengan kajian Murad (1984) yang menunjukkan bahawa murid bukan bumiputera memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam subjek sains berbanding dengan murid lain. Hasil kajian ini selaras dengan penyelidikan Kim (1996) yang mendapati bahawa murid Cina memperoleh pencapaian yang paling tinggi dalam Matematik, diikuti dengan murid Melayu dan India.

Sorotan ke atas kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara pencapaian subjek komponen sains dan sastera dengan faktor jantina dan bangsa murid. Namun begitu, tiada kajian dilakukan untuk melihat hubungan antara pencapaian PSV dengan jantina dan bangsa murid walaupun kedua-dua faktor demografi ini berkemungkinan besar boleh menyebabkan variasi dalam pencapaian mata pelajaran tersebut (Sherman, 1980; Willingham & Cole, 1997; Ho, 1987; Kagan & Zahn, 1975; Stigler et al., 1982; Basow, 1984).

Menurut Goh (2003), aktiviti persediaan peperiksaan banyak dijalankan oleh pihak sekolah, ibu bapa dan murid terutamanya mereka yang menduduki peperiksaan

awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Belajar berorientasikan peperiksaan merupakan gaya pembelajaran yang menonjol dalam masyarakat Malaysia (Jamaludin, 1997).

Goh (2003) juga menyatakan bahawa guru yang mengajar kelas peperiksaan lebih menjurus kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan. Aktiviti seperti menjawab soalan peperiksaan tahun lepas, latih tubi soalan mengikut format peperiksaan awam, latih-tubi mengikut topikal, menghafal jawapan soalan yang popular, memilih topik penting atau menjawab soalan mengikut skema peperiksaan. Tidak kurang juga kemotivasi, kelas tambahan, ceramah strategi menjawab soalan peperiksaan dengan para jemputan yang terdiri daripada pemeriksa kertas soalan ataupun orang yang berkepentingan dengan peperiksaan awam. Fenomena ini berlarutan dan banyak dijalankan di bandar besar terutamanya menjelang musim peperiksaan awam.

## **2.8 Kesimpulan**

Maklumat-maklumat yang telah dirujuk termasuk teori, jurnal, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data dan hasil kajian. Maklumat-maklumat tersebut membimbing penyelidik merancang dan melaksanakan kajian. Dalam kajian ini, Teori Taksonomi Pendidikan merupakan asas teoritikal kajian. Melalui rujukan literatur, reka bentuk kajian yang sesuai digunakan dalam fenomena ini ialah kajian kes berbentuk tinjauan.

Hasil daripada kesemua sorotan literatur, terbukti faktor jantina dan bangsa murid mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian akademik murid. Selain daripada itu, persepsi murid terhadap subjek Pendidikan Seni Visual dan buku teks merupakan penentuan yang penting terhadap pencapaian murid.

## **BAB 3 REKA BENTUK DAN TATACARA KAJIAN**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Kaedah penyelidikan kajian ini berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan untuk memungut data ialah soal selidik dan analisis dokumen markah pencapaian penilaian murid. Soal selidik yang digunakan berformat soal selidik berstruktur. Menurut Mokhtar Ismail (2011), soal selidik berstruktur ialah butiran jawapan tersedia, responden hanya memilih jawapan pilihannya. Analisis dokumen pencapaian murid merupakan markah Peperiksaan Pertengahan atau Akhir Tahun subjek Pendidikan Seni Visual yang dijalankan di sekolah.

### **3.2 Kaedah Kajian**

Terdapat pelbagai kaedah inkuiri ke arah penyelesaian masalah persoalan dalam penyelidikan. Kajian dijalankan berdasarkan kaedah positivistik. Kaedah positivistik merupakan asas kepada penyelidikan kuantitatif. Menurut Chua (2006), kaedah positivistik menekankan ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan analisis numerikal. Chua juga menekankan bahawa kaedah kuantitatif menitikberatkan pengukuran yang jitu dan pengujian hipotesis berdasarkan sampel yang dikaji dengan menggunakan statistik dan analisis data. Penyelidik mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data dengan tujuan memperolehi ilmu.

Mokhtar Ismail (2011) menyatakan deskriptif merupakan keperihalalan tentang sesuatu perkara yang berlaku. Kajian bentuk ini bertujuan memerihalkan apa yang berlaku. Kajian tinjauan ialah salah satu bentuk penyelidikan deskriptif. Soal selidik dan temu bual adalah antara cara yang biasa digunakan untuk memungut data. Beliau

menjelaskan tinjauan bermaksud memungut data pada waktu respon diberi oleh penyelidik dan sesuai digunakan untuk populasi yang besar.

Reka bentuk penyelidikan ini ialah kajian kes. Menurut Chua (2011), reka bentuk kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu atau peristiwa yang khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu berlaku. Kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah bukan eksperimental. Ia merupakan suatu kajian yang dirancang dengan membentuk suatu siri soalan dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data secara keseluruhan.

Bagi mengklasifikasikan kajian tinjauan, cara rentasan digunakan untuk memungut data. Menurut Mokhtar Ismail (2011), cara rentasan ialah data dipungut terhadap populasi pada satu titik masa. Soal selidik diedarkan kepada responden dan dikumpulkan semula selepas selesai diberi respons. Kajian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Hasil kajian tinjauan berdasarkan sampel digeneralisasikan kepada suatu populasi dengan tepat dan berkesan.

Penyelidikan kuantitatif ini mendapat maklumat daripada responden dan bukan daripada keseluruhan populasi. Dengan bantuan teori teorem had memusat dalam ilmu statistik, dapatan dalam responden digeneralisasi ke seluruh populasi. Menurut Mokhtar Ismail (2011), teori teorem had memusat menyatakan bahawa walaupun penyelidik memilih hanya satu sampel untuk penyelidikan, tetapi boleh mengharap satu sebaran teoretis yang simetris iaitu sifat min sampel dapat dihubungkan dengan min populasi.

Kebaikan teorem had memusat ialah sampel data adalah diambil daripada populasi yang tidak bertaburan normal atau populasi yang tidak diketahui bentuknya



juga boleh dianalisis menggunakan taburan normal kerana min sampel adalah bertaburan normal untuk sampel yang cukup besar saiznya. Penyelidik mengira min, median, mod dan sisihan piawai dengan menggunakan pual SPSS. Kajian memfokuskan sekumpulan individu. Penyelidikan dijalankan di sekolah. Untuk mengelakkan gangguan pentadbiran sekolah, keseluruhan kelas sebagai unit penyelidikan. Persampelan kelompok digunakan sebagai teknik persampelan. Dalam persampelan kelompok, kumpulan menjadi unit analisis. Persampelan kelompok mewakili semua subjek dalam populasi.

Terdapat 27 buah sekolah di zon Bangsar. Murid yang mengikuti subjek Pendidikan Seni adalah seramai 1345 orang. Untuk mengurangkan ralat persampelan, sampel yang paling besar yang termampu digunakan. Berdasarkan Lampiran Jadual Tahap Kebolehpercayaan Sampel, sampel seramai 297 orang adalah memenuhi tahap kebolehpercayaan 95 %.

Menurut Chua (2008), skala nominal digunakan bagi mengumpul data berkenaan variabel yang mempunyai kategori-kategori yang bebas dan tidak bersandar antara satu sama lain. Analisis data nominal dilakukan secara deskriptif dengan mengira frekuensi dan peratusan setiap kategori data untuk perbandingan secara kuantiti. Data nominal digunakan bagi mengumpul data demografi responden kajian, iaitu bagi menyatakan profil responden kajian. Nombor bulat digunakan untuk mewakili kategori yang berkenaan. Angka-angka tersebut adalah simbol perwakilan sahaja dan tidak mempunyai sebarang nilai yang bererti.

### **3.3 Pemilihan Sampel Kajian**

Sekolah menengah di Kuala Lumpur terbahagi kepada empat zon iaitu Zon Bangsar, Pudu, Sentul dan Keramat. Zon Bangsar mempunyai 27 buah sekolah

menengah. Populasi adalah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa atau perkara yang hendak dikaji oleh penyelidik. Populasi merangkumi semua individu yang hendak dikaji. Populasi bagi kajian ini adalah merupakan murid tingkatan empat yang mengikuti subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur.

Memandangkan kajian penyelidikan melibatkan populasi yang besar, iaitu semua murid tingkatan empat yang mempelajari subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka pensampelan berkelompok digunakan, iaitu memilih kumpulan spesifik daripada kelompok yang terdapat dalam kawasan yang dekat. Menurut Mok Soon Sang (2010), syarat pemilihan ini hendaklah mengandungi kumpulan yang mewakili ciri spesifik populasi di Zon Bangsar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, demi mengelakkan unsur prejudis dalam kajian.

Sampel kajian adalah dari Zon Bangsar, khususnya murid tingkatan empat aliran sastera di empat buah sekolah menengah harian dalam Zon Bangsar. Keseluruhan murid tingkatan empat yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dalam subjek Pendidikan Seni Visual sebagai unit penyelidikan. Dalam pemilihan sampel kajian, kaedah rawak berstrata bertujuan digunakan.

Kajian hanya ditumpukan kepada murid tingkatan empat aliran sastera yang diwajibkan untuk mengikuti Pendidikan Seni Visual (PSV). Jumlah murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV di empat buah sekolah menengah adalah seramai 326 orang. Kajian melibatkan 303 responden. 57.1 peratus daripadanya adalah lelaki dan 42.9 peratus adalah perempuan.

Pemilihan sampel secara rawak berstrata bertujuan dilakukan di empat buah sekolah berkenaan. Populasi adalah dibahagikan kepada sub-populasi yang tidak bertindih dipanggil sebagai strata. Penyelidik kemudiannya akan memilih sampel rawak mudah dari setiap sub-populasi. Sebab utama menggunakan persampelan rawak berstrata ialah kerana kaedah ini berpotensi untuk mengurangkan ralat persampelan. Ralat persampelan terjadi apabila melalui peluang, sampel tidak mewakili populasi. Melalui persampelan rawak berstrata, potensi sampel hampir setanding kepada populasi berbanding persampelan rawak mudah kerana bahagian daripada jumlah sampel adalah diambil daripada kumpulan populasi yang berlainan.

Pemilihan strata biasanya berdasarkan kepada maklumat yang ada. Maklumat-maklumat tersebut mungkin diperolehi daripada selidik atau bancian yang terdahulu. Kelebihan strata meningkat apabila strata lebih berbeza. Secara dalaman, strata hendaklah homogen secara relatif; secara luaran pula, strata hendaklah kontra antara satu sama lain. Strata selalunya dilakukan dengan menggunakan angkubah demografi, seperti jantina, kelas sosio ekonomi, kawasan geografi, agama dan bangsa.

Kajian tertumpu di empat buah sekolah sahaja. Ini adalah disebabkan oleh kekangan masa dan kos yang dihadapi untuk menjalankan kajian. Rasional pemilihan sampel kajian di kalangan murid tingkatan empat adalah kerana tahap tersebut merupakan tahap permulaan bagi murid mencorakkan hala tuju masa depan mereka. Pada tahap ini, mereka telah diagihkan kepada aliran-aliran tertentu mengikut pencapaian akademik yang diperolehi semasa tingkatan tiga iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR).

PSV merupakan mata pelajaran elektif di mana murid diberi kebebasan atau pilihan untuk mengikuti mata pelajaran tersebut. Walau bagaimanapun, pakej akademik sesuatu kelas adalah ditentukan oleh pihak sekolah. Murid yang diagihkan ke aliran

sastera dan kelas tertentu adalah wajib mengikuti mata pelajaran tersebut. Justeru itu, tahap menengah atas iaitu tingkatan empat sebagai sasaran kajian.

### **3.4 Lokasi Kajian**

Kajian dijalankan di sekolah menengah harian biasa. Empat sekolah tersebut terletak di kawasan perumahan dan digolongkan dalam Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Empat sekolah tersebut terletak kira-kira 5 hingga 15 kilometer atau 5 minit hingga 15 minit dari pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Keempat-empat sekolah berkenaan dikategorikan kepada sekolah gred A dengan jumlah murid antara lingkungan seramai 980 hingga 1400 orang murid dan 100 hingga 125 orang guru. Sistem persekolahan sekolah tersebut adalah dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Rasional memilih empat sekolah berkenaan adalah kerana taburan bangsa. Kebanyakan murid di dua sekolah yang berhampiran dengan pusat bandaraya Kuala Lumpur adalah berbangsa Cina manakala dua sekolah yang lebih berjauhan dari pusat bandaraya adalah berbangsa Melayu. Perbandingan persepsi antara kaum Melayu dan Cina dapat dilakukan.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah soal selidik. Kaedah tersebut adalah sesuai untuk mendapatkan maklum balas daripada sampel kajian yang ramai. Soal selidik adalah satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu media yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat dan tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Menurut Tuckman (1994), soal selidik digunakan oleh para penyelidik untuk mengubah maklumat yang diperolehi kepada bentuk data. Soal selidik yang digunakan berformat soal selidik berstruktur. Menurut Mokhtar Ismail (2011), soal selidik berstruktur ialah butiran jawapan tersedia, responden hanya memilih jawapan pilihannya.

Tinjauan merupakan pendekatan yang digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan bagi mengumpul data dan maklumat. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kaedah tinjauan dilakukan secara lintas lalu melalui sekali kutipan data, dan biasanya melalui kaedah soal selidik. Tinjauan merupakan suatu kaedah yang dikendalikan dengan meminta sampel mengisi maklumat, kemudian maklumat berkenaan diproses mengikut kaedah yang telah dirancang oleh penyelidik.

Cara rentasan kaedah penyelidikan tinjauan digunakan untuk memungut data. Soal selidik diedarkan kepada sampel kajian dan dikumpul semuala selepas diberi respons. Mokhtar Ismail (2011) mentafsir cara rentasan ialah data dipungut pada satu-satu masa tertentu, iaitu merupakan satu *snap-shot* terhadap populasi pada satu titik masa” (ms. 61).

Henerson et al. (1978) menyatakan soal selidik membenarkan responden memberi respons tanpa nama mereka, maka kebarangkalian memperoleh jawapan yang tepat adalah lebih tinggi. Untuk mengumpul data dalam kajian ini, satu set soal selidik digunakan. Soal selidik ditadbir oleh penyelidik sendiri dan dibantu oleh ketua panitia PSV sekolah berkenaan. Soal selidik bagi kajian ini diubahsuai daripada soalan-aolalan kajian Norhayati Muhamad (2000) di mana pengubahsuaian yang dibuat terhadap soalan-soalan tersebut bagi memenuhi objektif kajian.

Bahagian 1 bertujuan untuk memperolehi data tentang latar belakang subjekm kajian. Bahagian 2 dan 3 mengandungi item yang merangkumi aspek yang perlu dikaji berdasarkan objektif kajian. Soalan kajian ini mempunyai dua pokok soalan iaitu tahap minat murid terhadap subjek Pendiddikan Seni Visual dan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik. Sampel hanya perlu menandakan darjah persetujuan bagi setiap soalan yang dikemukakan dalam setiap bahagian.

Skala yang digunakan dalam set soal selidik adalah skala Likert 1 – 5 bagi menyatakan darjah persetujuan. Dalam pemberian skor, setiap penggunaan akan

diberi nilai. Nilai 1 untuk Amat Tidak Setuju (ATS), 2 untuk Tidak Setuju (TS), 3 untuk Tidak Pasti (TP), 4 untuk Setuju (S) dan 5 untuk Amat Setuju (AS). Soal selidik ini mempunyai 23 item dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

i. Bahagian 1: Demografi

Bahagian 1 mengandungi 3 item dan bertujuan untuk memperolehi data tentang latar belakang subjek kajian seperti kelas, jantina dan bangsa. Item-item bahagian ini dinomborkan dari 1.1 hingga 1.3.

ii. Bahagian 2: Tahap Minat Murid Tingkatan Empat Terhadap Subjek Pendidikan Seni Visual

Bahagian ini mengandungi 8 item dan bertujuan mengenal pasti tahap minat murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur. Responden perlu menyatakan pilihan jawapan bagi setiap pernyataan yang diberi berdasarkan skala Likert 1 - 5 bagi menyatakan darjah persetujuan. Item-item dalam bahagian ini dinomborkan dari 2.1 hingga 2.8.

iii. Bahagian 3: Perbandingan Persepsi Murid Bangsa Melayu dan Cina Terhadap Subjek Pendidikan Seni Visual

Bahagian tiga mengandungi 15 item. Bahagian ini merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam subjek PSV. Perbandingan persepsi merangkumi persepsi murid terhadap subjek Pendidikan Seni Visual, persepsi terhadap buku teks PSV dan persepsi terhadap pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh sekolah. Responden perlu menyatakan pilihan jawapan bagi setiap pernyataan yang diberi berdasarkan skala Likert 1 - 5 bagi menyatakan darjah persetujuan. Item-item dalam bahagian ini dinomborkan dari 3.1 hingga 3.15.

Maklumat mengenai pencapaian murid dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun atau Akhir Tahun 2014 bagi subjek Pendidikan Seni Visual juga diambil kira sebagai

instrumen kajian. Bahagian ini digunakan untuk mengukur dan menilai pencapaian pelajar dari aspek kognitif.

Borang soal selidik dan pencapaian murid dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 14. Analisis deskriptif digunakan dalam bentuk peratusan, min, sisihan piawai, frekuensi dan ujian korelasi Pearson untuk melihat taburan maklum balas dalam sampel kajian.

Kandungan Skala Pengukuran Instrumen adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 4.1.

**Jadual 3.1:** Kandungan Skala Pengukuran Instrumen

Item	Jumlah Item	Konstruk
1.1- 1.3	3	Demografi
2.1 - 2.8	8	Tahap Minat
3.1 - 3.6	6	Persepsi Murid Terhadap Subjek PSV
3.7 - 3.10	4	Persepsi Terhadap Penentuan Pakej Sekolah
3.11- 3.15	5	Persepsi Terhadap Buku Teks PSV


Jumlah Item = 26 Instrumen

### **3.6 Tatacara Kajian**

Kajian ini telah dilaksanakan setelah mendapat kebenaran dari beberapa pihak yang berkaitan. Surat kebenaran dari pihak Universiti Malaya, Bahagian Penyelidikan dan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia turut dilampirkan di bahagian akhir disertasi ini.

### **3.7 Perancangan Dan Pelaksanaan Kajian**

Perancangan dan pelaksanaan kajian merangkumi tujuh peringkat yang utama. Rajah berikut mengilustrasikan gambaran ringkas tujuh peringkat dalam proses perancangan dan pelaksanaan kajian tersebut.



**Rajah 3.1:** Tujuh Peringkat Dalam Proses Perancangan dan Pelaksanaan Kajian.

Penyataan masalah kajian merupakan peringkat permulaan rancangan penyelidikan. Ia adalah penjelasan tujuan-tujuan penyelidikan yang dilaksanakan. Selepas soalan kajian untuk pernyataan masalah telah dikenal pasti, dibentuk dan disokong, teknik persampelan telah ditentukan. Penyelidik memilih kaedah soal selidik untuk mengumpul data.

Literatur yang berkaitan dengan topik kajian telah ditinjau secara kontekstual. Bidang literatur didapati daripada bibliografi, indeks, senarai rujukan, pusat sumber, internet, jurnal pendidikan, buku-buku ilmiah, tesis, disertasi, suratkhbar dan lain-lain lagi.



Memandangkan kajian menyelidik melibatkan populasi yang besar, iaitu semua murid tingkatan empat di sekolah menengah di Zon Bangsar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka pensampelan berkelompok digunakan, iaitu memilih kumpulan spesifik daripada kelompok yang terdapat dalam kawasan yang dekat. Menurut Mok (2010), syarat pemilihan ini hendaklah mengandungi kumpulan yang mewakili ciri spesifik populasi di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, demi mengelakkan unsur prejudis dalam kajian.

Penyelidik menyediakan surat pengenalan diri dan mengisi borang kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan (EPRD). Soal selidik seterusnya ditadbirkan oleh penyelidik dengan bantuan ketua Panitia Pendidikan Seni Visual dua buah sekolah menengah harian biasa tersebut. Sampel kajian murid tingkatan empat aliran sastera yang mempelajari Pendidikan Seni Visual diberi soal selidik pada masa persekolahan yang diagihkan oleh pihak sekolah.

Selain daripada soal selidik, dokumen analisis markah pencapaian penilaian murid turut digunakan. Markah pencapaian adalah dari Peperiksaan Pertengahan Sekolah. Subjek PSV dinilai dari Kertas 1 dan Kertas 2. Kertas 1 adalah terdiri dari 60 soalan yang berbentuk objektif. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam dan 15 minit. Kertas 2 memakan masa 3 jam. Kertas 2 diedarkan sekurang-kurangnya seminggu awal sebelum peperiksaan dijalankan agar murid dapat membuat persediaan yang rapi. Murid akan memilih salah satu soalan daripada lima soalan.

### **3.8 Analisis data**

Setelah data diperolehi, maklumat dari soal selidik yang telah dikumpulkan kemudiannya dikodkan semula sebelum proses memasukkan data dalam program komputer dilaksanakan. Data tersebut seterusnya dianalisis dengan menggunakan

perisian ‘*Statistic Package for Social Science*’ 14.0 (SPSS) untuk menganalisis frekuensi dan hubungan antara faktor.

Dalam penyelidikan tinjauan, cara rentasan digunakan untuk memungut data. Data-data ini turut dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk menjelaskan fenomena yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek Pendidikan Seni Visual. Statistik ini memberi gambaran umum mengenai pemboleh ubah yang dikaji.

Menurut Mokhtar Ismail (2011), pemboleh ubah bebas merupakan faktor yang diukur, dimanupulasikan atau dipilih oleh penyelidik untuk mengetahui perhubungannya dengan satu fenomena tumpuan perhatian penyelidik. Pemboleh ubah bergantung ialah faktor yang diukur dan diperhatikan untuk mengetahui kesan atau perkaitan dengan pemboleh ubah bebas tersebut.

Menurut Mohd. Majid Konting (1998), ciri yang diterap dari tiap-tiap individu dalam sesuatu populasi dipanggil pemboleh ubah. Nilai pemboleh ubah berubah-ubah dari individu ke individu yang lain. Terdapat dua kategori pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah diskrit dan pemboleubah selanjar.

Pemboleh ubah diskrit diukur dengan menggunakan golongan-golongan tertentu seperti jantina boleh digolongkan kepada lelaki dan perempuan. Pemboleh ubah diskrit disukat dengan membilang dan diukur dengan skala ukuran nominal dan skala ukuran ordinal. Dari segi kegunaannya, pemboleh ubah diskrit terdiri daripada dua jenis iaitu pemboleh ubah dwibahagian dan berganda.

Pemboleh ubah dwibahagian adalah pemboleh ubah diskrit yang menghasilkan dua kategori ukuran seperti pencapaian akademik murid sama ada cemerlang, kepujian, lulus atau gagal. Pemboleh ubah kategori berganda adalah pemboleh ubah yang akan

menghasilkan lebih daripada dua kategori ukuran seperti bangsa murid digolongkan kepada kategori-kategori Melayu, Cina dan India.

Pemboleh ubah selanjar atau pemboleh ubah kuantitatif adalah pemboleh ubah yang boleh diukur dengan nilai-nilai yang berterusan di antara dua nilai tertentu. Misalnya, pemboleh ubah pencapaian murid dalam peperiksaan Pendidikan Seni Visual boleh diukur dengan memberi kepada setiap murid antara nilai sifar hingga 100. Pemboleh ubah selanjar diukur dengan skala pengukuran sela dan skala pengukuran nisbah.

Mohd. Majid Konting (1998) menyatakan terdapat dua jenis pemboleh ubah dalam bidang pendidikan iaitu pemboleh ubah aktif dan pemboleh ubah atribut. Pemboleh ubah aktif ialah pemboleh ubah yang boleh dimanipulasikan oleh penyelidik. Pemboleh ubah- pemboleh ubah yang sedia wujud dan tidak dapat dikawal dan dimanipulasikan sepenuhnya oleh penyelidik merupakan pemboleh ubah atribut. Jantina murid adalah antara contoh pemboleh ubah atribut.

Kajian tinjauan akan menghuraikan ciri-ciri populasi melalui taburan frekuensi dan peratusan. Data nominal dan ordinal digunakan untuk mengumpul maklumat demografi seperti kelas, jantina dan bangsa.

Menurut Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang (2008), skala nominal mengkategorikan pemboleh ubah berdasarkan persamaan dan memberikan nama kepada pemboleh ubah tersebut. Nama yang diberikan hanya mewakili sesuatu pemboleh ubah yang dinyatakan dan tidak mempunyai sebarang hubungan dalaman antara satu sama lain dari segi nilai. Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang (*ibid*) menyatakan ciri utama skala nominal ialah setiap data hanya dimiliki oleh satu kategori sahaja. Kategori yang mewakili setiap data dianggap sebagai setara dan perubahan data asal kepada data nominal bersifat satu sama satu.

Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang (*ibid*) mengidentifikasikan pengukuran bersifat ordinal ialah data yang menunjukkan urutan atau pangkat. Mereka menerangkan secara lanjut bahawa data yang digunakan menunjukkan pemeringkatan secara logik.

Data-data hasil daripada soal selidik melalui respon kepada soalan-soalan yang diajukan kepada sampel kajian dicatat dan direkod. Data-data tersebut seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Analisis data jenis ini berbentuk kekerapan dan peratus. Manakala statistik inferensi digunakan bagi menerangkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian.

Penyelidik akan menggunakan jadual, graf atau histogram untuk mempersembahkan maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik. Laporan penyelidikan dan statistik berupa rajah bar, bulatan, peta statistik atau carta kemajuan gantt.

**Jadual 3.2:** Indeks Reliabiliti Untuk Tahap Minat, Persepsi dan Pencapaian Akademik Responden

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	n
.500	.910	303

Jadual 3.2 menunjukkan index reliabiliti index berdasarkan Cronbach's Alpha. Dalam kajian ini, nilai Alpha Cronbach bagi item-item yang dibina adalah .910. Menurut Majid Konting (1998), nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi .60 ke atas adalah dianggap mencukupi.

### **3.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, penyelidik telah menjelaskan kaedah penyelidikan yang digunakan dari segi reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel, instrumen penyelidikan sehingga kepada analisis data. Semua kaedah ini dilakukan mengikut turutan demi memudahkan penyelidikan mencapai objektif kajian ini. Bagi tujuan penganalisan data, ujian statistik deskriptif seperti min, median, mod, sisihan piawai dan peratusan digunakan melalui SPSS.

## **BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN DATA KAJIAN**

### **4.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap minat, menganalisis dan membanding bangsa Melayu dan Cina dalam persepsi dan tahap pencapaian akademik murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) di empat buah sekolah menengah harian zon Bangsar Kuala Lumpur. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan dokumen pencapaian peperiksaan pertengahan tahun atau akhir tahun.

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis data. Sebanyak 330 borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 303 borang telah dikumpulkan. Menurut Ketua Pentaksir Kawasan Zon Bangsar, populasi murid yang mengikuti PSV ialah 1345 orang. Berdasarkan Jadual Sampling, seramai 303 sampel kajian adalah mencapai tahap keyakinan 95% (Sila rujuk Lampiran Sampling). Dalam kajian ini, nilai Alpha Cronbach bagi item-item yang dibina adalah 0.910. Menurut Mohd. Majid Konting (1998:67), nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.60 ke atas adalah dianggap mencukupi.

Analisis kajian ini juga akan membincangkan data mengikut objektif kajian. Dalam bahagian pertama, kajian ini membincangkan profil responden yang terlibat. Bahagian dua melapor dapatan kajian mengenai tahap minat responden terhadap subjek Pendidikan Seni Visual, persepsi dan pencapaian akademik responden dalam subjek Pendidikan Seni Visual. Bahagian ketiga menganalisis, membanding dan membincangkan dapatan hasil kajian. Manakala bahagian keempat merumuskan analisis dan perbincangan data kajian.

### **4.2 Profil Responden**

Perbincangan mengenai demografi responden adalah terdiri daripada pembolehubah -pembolehubah seperti kelas, jantina dan bangsa.

**Jadual 4.1:** Statistik Deskriptif Demografi Responden

Demografi (n=303)	Bilangan responden	Peratusan
<b>Kelas</b>		
Sastera	303	100.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	173	57.1
Perempuan	130	42.9
<b>Bangsa</b>		
Melayu	130	42.9
Cina	137	45.2
India	31	10.2
Lain-lain	5	1.7


#### 4.2.1 Kelas

Subjek kajian terdiri daripada 303 responden yang dipilih daripada empat buah sekolah menengah harian yang tergolong dalam Zon Bangsar Kuala Lumpur. Sekolah A terdapat 115 murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV. Soal selidik yang dapat dipulangkan ialah 103 set. Terdapat 53 murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV di Sekolah B, sebanyak 50 set soal selidik dapat dikumpulkan. Seramai 96 murid tingkatan empat yang mempelajari subjek PSV di Sekolah C, bilangan soal selidik yang dapat dikumpulkan ialah 85 set. Terdapat 125 murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV di Sekolah D. Bilangan soal selidik yang dipulangkan ialah 65 set. Dari segi aliran para responden, hasil kajian mendapati semua responden (303 orang) dari aliran sastera.

#### 4.2.2 Jantina

Seramai 303 responden telah kembalikan borang soal selidik yang diedarkan. Responden lelaki mencatatkan bilangan seramai 173 orang (57.1%) manakala responden yang selebihnya pula adalah perempuan iaitu 130 orang (42.9%). Rajah 4.1


di bawah menunjukkan taburan responden yang terlibat dengan kajian ini berdasarkan jantina.



**Rajah 4.1:** Peratusan jantina responden

#### 4.2.3 Bangsa

Dalam kajian ini, didapati seramai 130 responden (42.9%) yang terlibat adalah dari bangsa Melayu. Bangsa Cina pula seramai 137 responden (45.2%), diikuti dengan bangsa India seramai 31 responden (10.2%). Manakala bagi bangsa lain pula adalah seramai lima responden (1.7%). Rajah 4.2 menunjukkan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan bangsa.



**Rajah 4.2:** Peratusan bangsa responden



### **4.3 Laporan Hasil Dapatan Kajian**

Bahagian ini mengandungi tiga laporan dapatan data, iaitu dapatan kajian mengenai tahap minat responden terhadap subjek Pendidikan Seni Visual, persepsi yang mempengaruhi pencapaian akademik responden dalam subjek Pendidikan Seni Visual dan perbandingan pencapaian akademik responden Melayu dan Cina dalam subjek Pendidikan Seni Visual. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan dokumen pencapaian peperiksaan pertengahan tahun atau akhir tahun.

#### **4.3.1 Laporan Hasil Kajian Tahap Minat Responden Terhadap Subjek PSV**

Tahap minat murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual dapat dilihat dalam Jadual 4.2. Tahap minat ini dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Perbandingan dapat diukur dari perbezaan skala sama ada amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau amat setuju. Hasil dapatan data tahap minat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.2.

Hasil kajian Jadual 4.2 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 44 responden (14.5%) yang terlibat tidak rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek PSV. Seramai 59 responden (19.5%) tidak pasti sama ada rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek PSV. Data kajian ini menunjukkan seramai 200 responden (66.0%) setuju atau sangat setuju bahawa rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek PSV.

**Jadual 4.2:** Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Tahap Minat.

Item	n=303										
	Amat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	
2.1 Bersyukur Diberi Peluang	7	2.3	37	12.2	59	19.5	147	48.5	53	17.5	
2.2 Kepuasan Belajar	5	1.7	59	19.5	74	24.4	121	39.9	44	14.5	
2.3 Gembira Belajar PSV	7	2.3	33	10.9	69	22.8	141	46.5	53	17.5	
2.4 Penglibatan Aktif	8	2.6	78	25.7	98	32.3	93	30.7	26	8.6	
2.5 Belajar Lebih Mendalam	9	3.0	72	23.8	80	26.4	91	30.0	51	16.8	
2.6 Kesal Tidak Hadir	22	7.3	101	33.3	93	30.7	67	22.1	20	6.6	
2.7 Amat Berminat PSV	8	2.6	50	16.5	76	25.1	118	38.9	51	16.8	
2.8 Membuat Persiapan Awal	14	4.6	102	33.7	62	20.5	111	36.6	14	4.6	

Menurut data kajian Jadual 4.2, dapat dikesan bahawa seramai 40 responden (13.2%) dari kumpulan 303 responden ini tidak rasa gembira semasa mempelajari subjek PSV. Seramai 69 responden (22.8%) tidak pasti sama ada rasa gembira semasa mempelajari subjek PSV. Data kajian ini menunjukkan seramai 194 responden (64.0%) berasa gembira semasa mempelajari subjek PSV.

Berdasarkan dapatan data, terdapat 86 responden (21.2%) dari kumpulan 303 responden tidak mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV. Dapatan data menunjukkan bahawa seramai 98 responden (32.3%) tidak pasti sama ada mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV. Data kajian ini turut memaparkan seramai 119 responden (39.3%) mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV.

Melalui data kajian ini, seramai 81 responden (26.8%) dari kumpulan 303 responden ini enggan mempelajari subjek PSV dengan lebih mendalam. Seramai 80 responden (26.4%) yang terlibat tidak pasti sama ada akan mempelajari PSV dengan

lebih mendalam. Manakala terdapat 142 responden (46.8%) ingin mempelajari PSV dengan lebih mendalam.

Hasilan data menunjukkan seramai 123 responden (40.6%) dari kumpulan 303 responden ini tidak berasa kesal walaupun tidak dapat menghadiri kelas PSV. Seramai 93 responden (30.7%) tidak pasti sama ada berasa kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV. Data kajian ini menunjukkan bahawa seramai 87 responden (28.7%) yang terlibat akan berasa kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV.

Berdasarkan Jadual 4.2, dapatan data menunjukkan bahawa terdapat 58 responden (19.1%) dari kumpulan 303 responden ini tidak berminat mempelajari subjek PSV. Manakala terdapat 76 responden (25.1%) tidak pasti sama ada berminat mempelajari subjek PSV. Data kajian ini turut memaparkan seramai 169 responden (55.7%) berminat untuk mempelajari subjek PSV.

Dapatan data kajian Jadual 4.2 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, terdapat 116 responden (38.3%) jarang membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas PSV manakala seramai 62 responden (20.5%) tidak pasti. Data kajian ini turut memaparkan seramai 125 orang (41.2%) responden sentiasa membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas PSV.

**Jadual 4.3:** Statistik Berdasarkan Tahap Minat Responden.

	Bersyukur Diberi Peluang	Kepuasan Belajar	Gembira Belajar PSV	Penglibat -an Aktif	Belajar lebih Mendalam	Kesal Tidak Hadir	Amat Berminat PSV	Membuat Persiapan Awal
n = 303								
Valid	303	303	303	303	303	303	303	303
Missing	0	0	0	0	0	0	0	0
Mean	3.67	3.46	3.66	3.17	3.34	2.87	3.51	3.03
Median	4.00	4.00	4.00	3.00	3.00	3.00	4.00	3.00
Mode	4	4	4	3	4	2	4	4
Std. Deviation	.979	1.015	.966	.994	1.104	1.047	1.039	1.037
Range	4	4	4	4	4	4	4	4

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.3, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek PSV ialah 3.67 dan 0.979. Manakala median dan mod responden rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari subjek PSV adalah sama iaitu 4.

Dapatan data kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk aktiviti pembelajaran PSV memberi kepuasan kepada responden ialah 3.46 dan 1.015. Median untuk aktiviti pembelajaran PSV memberi kepuasan kepada responden ialah 4.00. Manakala mod untuk aktiviti pembelajaran PSV memberi kepuasan kepada responden ialah 4.

Data kajian ini memaparkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk responden berasa gembira semasa mempelajari Subjek PSV ialah 3.66 dan 0.966. Median untuk responden berasa gembira semasa mempelajari Subjek PSV ialah 4.00. Mod untuk responden berasa gembira semasa mempelajari Subjek PSV ialah 4.

Menurut hasil kajian dalam Jadual 4.3, skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah 3.17 dan 0.994. Median untuk responden mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah 3.00. Mod untuk responden mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah 3.

Hasil kajian menunjukkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk responden ialah 3.17 dan 0.994. Median untuk responden mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah 3.00. Mod untuk responden mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah 3.

Melalui data kajian ini, didapati skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini mempelajari subjek PSV dengan lebih mendalam ialah 3.34 dan 1.104. Median terhadap keinginan responden untuk mempelajari PSV dengan lebih mendalam ialah 4. Manakala mod untuk responden mempelajari subjek PSV dengan lebih mendalam ialah 4.

Hasil data kajian menunjukkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk perasaan kesal responden jika tidak dapat menghadiri kelas PSV ialah 3.34 dan 1.047. Median terhadap perasaan kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV ialah 3.00. Data kajian ini menunjukkan mod terhadap responden yang terlibat akan berasa kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV ialah 2.

Menurut dapatan data bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai amat berminat mempelajari subjek PSV ialah 3.51 dan 1.039. Manakala median dan mod untuk minat responden mempelajari subjek PSV adalah sama iaitu 4.00.

Hasil data kajian menunjukkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk responden sentiasa membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas PSV ialah 3.03 dan 1.037. Median untuk responden membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas PSV ialah 3.00. Manakala mod untuk responden membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas PSV ialah 4.

#### **4.3.2 Laporan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Subjek PSV**

Laporan bahagian ini merangkumi tiga cabang persepsi iaitu persepsi responden terhadap subjek PSV, persepsi responden terhadap penentuan pakej mata pelajaran sekolah dan persepsi responden terhadap buku teks PSV.

### 4.3.2.1 Persepsi Responden Terhadap Subjek PSV

Persepsi murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual dapat dilihat dalam Jadual 4.4. Persepsi minat ini dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Perbandingan dapat diukur dari perbezaan skala sama ada amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju. Hasil dapatan data persepsi minat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.4 dan huraian seperti berikut:

**Jadual 4.4:** Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Murid.

n=303		Skala									
		Amat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
Item		Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
3.1	Subjek Yang Menarik	11	3.6	35	11.6	51	16.8	152	50.2	54	17.8
3.2	Sama Penting Subjek Lain	12	4.0	76	25.1	98	32.3	98	32.3	19	6.3
3.3	Berusaha Gigih	4	1.3	58	19.1	71	23.4	132	43.6	38	12.5
3.4	Menyiapkan Kerja Rumah	6	2.0	60	19.8	117	38.6	97	32.0	23	7.6
3.5	Kesan Dalam Kehidupan	19	6.3	73	24.1	80	26.4	100	33.0	31	10.2
3.6	PSV Prospek Kerjaya	16	5.3	71	23.4	97	32.0	80	26.4	39	12.9

Hasil kajian Jadual 4.4 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 11 responden (3.6%) yang terlibat amat tidak setuju bahawa PSV merupakan subjek yang menarik manakala seramai 35 responden (11.6%) tidak setuju bahawa PSV merupakan subjek yang menarik. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.4, seramai 51 responden (16.8%) tidak pasti sama ada PSV merupakan subjek yang menarik. Dapatan hasil kajian menunjukkan lebih daripada separuh kumpulan responden 303 ini iaitu seramai 152 responden (50.2%) yang terlibat setuju bahawa PSV merupakan subjek yang menarik. Seramai 54 responden (17.8%) sangat setuju bahawa PSV merupakan subjek yang menarik.

Hasil kajian Jadual 4.4 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 12 responden (4.0%) yang terlibat amat tidak setuju bahawa PSV adalah sama penting dengan subjek lain manakala seramai 76 responden (25.1%) tidak setuju bahawa PSV adalah sama penting dengan subjek lain. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.4, seramai 98 responden (32.3%) tidak pasti sama ada PSV adalah sama penting dengan subjek lain. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa frekuensi dan peratusan skala tidak pasti dan setuju adalah sama iaitu masing-masing memaparkan 98 responden dan 32.3 %. Seramai 19 responden (6.3%) sangat setuju bahawa subjek PSV adalah sama penting dengan subjek lain.

Menurut data kajian Jadual 4.4, dikesan terdapat seramai 4 responden (1.3%) dari kumpulan 303 responden ini amat tidak setuju bahawa akan berusaha gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV. Seramai 58 responden (19.1%) tidak setuju bahawa akan berusaha gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.3, seramai 71 responden (23.4%) tidak pasti sama ada akan berusaha gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV. Dapatan hasil kajian menunjukkan seramai 132 responden (43.6%) yang terlibat setuju bahawa akan berusaha gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV. Seramai 38 responden (12.5%) sangat setuju bahawa akan berusaha gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV.

Menurut Jadual 4.4, terdapat 6 (2.0%) responden dari kumpulan 303 responden sentiasa tidak menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi oleh guru atau pihak sekolah. Hasil data menunjukkan bahawa seramai 60 responden (19.8%) tidak setuju bahawa sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi oleh guru atau pihak sekolah. Seramai 117 responden (38.6%) tidak pasti sama ada sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi oleh guru atau pihak sekolah. Data kajian ini turut

memaparkan seramai 97 orang (32.0%) responden yang terlibat setuju bahawa sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi oleh guru atau pihak sekolah. Seramai 23 responden (7.6%) sangat setuju bahawa sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi oleh guru atau pihak sekolah.

Menurut dapatan data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.4, seramai 19 responden (6.3%) dari kumpulan 303 responden ini amat tidak setuju bahawa PSV memberi kesan dalam kehidupan. Seramai 73 responden (24.1%) yang terlibat tidak setuju bahawa PSV memberi kesan dalam kehidupan. Terdapat 80 responden (26.4%) tidak pasti sama ada PSV memberi kesan dalam kehidupan. Seramai 100 responden (33.0%) setuju bahawa PSV memberi kesan dalam kehidupan. Terdapat 31 responden (10.2%) mempunyai pendirian yang sama iaitu sangat setuju bahawa PSV memberi kesan dalam kehidupan.

Dalam Jadual 4.4, didapati seramai 123 (40.6%) responden dari kumpulan 303 responden ini tidak berasa kesal walaupun tidak dapat menghadiri kelas PSV. Seramai 93 responden (30.7%) tidak pasti sama ada berasa kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV. Data kajian ini menunjukkan menunjukkan bahawa seramai 87 orang (28.7%) responden yang terlibat akan berasa kesal jika tidak dapat menghadiri kelas PSV.

Hasil kajian Jadual 4.4 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 16 responden (5.3%) yang terlibat amat tidak setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Seramai 71 responden (23.4%) tidak setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.4, seramai 97 responden (32.0%) tidak pasti sama ada PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Dapatan hasil kajian menunjukkan 80 responden (26.4%)



setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Seramai 39 responden (12.9%) sangat setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan.

**Jadual 4.5:** Statistik Berdasarkan Persepsi Murid.

	Subjek Yang Menarik	Sama Penting Dengan Subjek Lain	Berusaha Gigih	Menyiapkan Kerja Rumah	Kesan Dalam Kehidupan	PSV Prospek Kerjaya
n = 303						
Valid	303	303	303	303	303	303
Missing	0	0	0	0	0	0
Mean	3.67	3.12	3.47	3.23	3.17	3.18
Median	4.00	3.00	4.00	3.00	3.00	3.00
Mode	4	3(a)	4	3	4	3
Std. Deviation	1.015	.986	.982	.921	1.098	1.093
Range	4	4	4	4	4	4

a Multiple modes exist. The smallest value is shown

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.5, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai persepsi responden terhadap subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 3.67 dan 1.015. Manakala median dan mod responden mengenai persepsi responden terhadap subjek PSV ialah skala setuju.

Dapatan data kajian Jadual 4.5 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk PSV adalah sama penting dengan subjek lain ialah 3.12 dan 0.986. Median untuk persepsi PSV adalah sama penting dengan subjek lain ialah skala tidak pasti. Manakala mod untuk persepsi PSV adalah sama penting dengan subjek lain 3(a).

Data kajian Jadual 4.5 memaparkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk responden berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV ialah 3.47 dan 0.982. Median dan mod untuk

responden berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV ialah skala setuju.

Menurut hasil kajian Jadual 4.5, skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi ialah 3.23 dan 0.921. Median dan mod untuk responden menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi ialah skala tidak pasti.

Hasil kajian menunjukkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk PSV memberi kesan dalam kehidupan responden ialah 3.17 dan 1.098. Median untuk PSV memberi kesan dalam kehidupan responden ialah 3.00. Mod untuk responden mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran PSV ialah skala setuju.

Melalui data kajian Jadual 4.5, didapati skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini beranggapan PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan ialah 3.18 dan 1.093. Median dan mod responden terhadap persepsi PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan ialah 3.

#### **4.3.2.2 Persepsi Responden Terhadap Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah**

Persepsi terhadap penentuan pakej mata pelajaran sekolah ini dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Perbandingan dapat diukur dari perbezaan skala sama ada amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau amat setuju. Hasil dapatan data persepsi terhadap subjek Pendidikan Seni Visual dalam penentuan pakej mata pelajaran sekolah dapat dilihat dalam Jadual 4.6 dan huraian seperti berikut:

**Jadual 4.6:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Pakej Mata Pelajaran.

n=303 Item		Skala									
		Amat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
		Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
3.7	Terhad Kepada Kelas Sastera	28	9.2	39	12.9	98	32.3	81	26.7	57	18.8
3.8	Belajar Kerana Paksaan Pakej	25	8.3	62	20.5	88	29.0	98	32.3	30	9.9
3.9	Gugurkan PSV Jika Boleh	45	14.9	87	28.7	79	26.1	68	22.4	24	7.9
3.10	Cadang Dipelajari Semua Murid	18	5.9	55	18.2	87	28.7	85	28.1	58	19.1

Hasil kajian Jadual 4.6 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 28 responden (9.2%) yang terlibat amat tidak setuju dan 39 responden (12.9%) tidak setuju bahawa PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.6, seramai 98 responden (32.3%) tidak pasti sama ada PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera. Dapatan hasil kajian menunjukkan seramai 81 responden (26.7%) yang terlibat setuju bahawa PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera. Seramai 57 responden (18.8%) sangat setuju bahawa PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera.

Hasil kajian Jadual 4.6 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 25 responden (8.3%) yang terlibat amat tidak setuju dan 62 responden (20.5%) tidak setuju bahawa mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh sekolah. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.6, seramai 88 responden (29.0%) tidak pasti sama ada mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh sekolah. Hasil data dapat dikesan bahawa

seramai 98 responden (32.3%) setuju dan 30 responden (9.9%) sangat setuju bahawa mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh sekolah.

Menurut Jadual 4.6, data menunjukkan terdapat seramai 45 responden (14.9%) dari kumpulan 303 responden ini amat tidak setuju bahawa akan gugurkan subjek PSV jika bibenarkan oleh pihak sekolah. Seramai 87 responden (28.7%) tidak setuju bahawa akan gugurkan subjek PSV jika bibenarkan oleh pihak sekolah. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.6, seramai 79 responden (26.1%) tidak pasti sama ada akan gugurkan subjek PSV jika bibenarkan oleh pihak sekolah. Dapatan hasil kajian menunjukkan seramai 68 responden (22.4%) yang terlibat setuju bahawa akan gugurkan subjek PSV jika bibenarkan oleh pihak sekolah. Seramai 24 responden (7.9%) sangat setuju bahawa akan gugurkan subjek PSV jika bibenarkan oleh pihak sekolah.

Berdasarkan Jadual 4.6, terdapat 18 (5.9%) responden dari kumpulan 303 responden amat tidak setuju bahawa PSV dicadangkan dipelajari oleh semua murid tingkatan empat. Hasil data juga memaparkan bahawa seramai 55 responden (18.2%) tidak setuju bahawa PSV dicadangkan dipelajari oleh semua murid tingkatan empat. Seramai 87 responden (28.7%) tidak pasti sama ada PSV patut dipelajari oleh semua murid tingkatan empat. Data kajian ini turut menunjukkan seramai 85 orang (28.1%) responden yang terlibat setuju bahawa PSV dicadangkan dipelajari oleh semua murid tingkatan empat. Seramai 58 responden (19.1%) sangat setuju bahawa PSV dicadangkan dipelajari oleh semua murid tingkatan empat.

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.7, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai terhadap PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera ialah 3.33 dan 1.189. Manakala median dan mod responden

mengenai pandangan terhadap PSV hanya ditawarkan kepada kelas sastera ialah 3.00 dan 3.

**Jadual 4.7:** Statistik Berdasarkan Kesan Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah.

n = 303	Terhad Kepada Kelas Sastera	Belajar Kerana Paksaan Pakej	Gugurkan PSV Jika Boleh	Cadangkan PSV dipelajari Oleh Semua Murid
Valid	303	303	303	303
Missing	0	0	0	0
Mean	3.33	3.15	2.80	3.36
Median	3.00	3.00	3.00	3.00
Mode	3	4	2	3
Std. Deviation	1.189	1.111	1.177	1.157
Range	4	4	4	4
Minimum	1	1	1	1
Maksimum	5	5	5	5

Dapatan data kajian Jadual 4.7 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk pembelajaran PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh sekolah ialah 3.15 dan 1.111. Median untuk pembelajaran PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh sekolah ialah 3.00. Manakala mod untuk pembelajaran PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh sekolah ialah 4.

Data kajian Jadual 4.7 memaparkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk responden akan gugurkan subjek PSV jika dibenarkan oleh pihak sekolah ialah 2.80 dan 1.177. Median untuk responden akan gugurkan subjek PSV jika dibenarkan oleh pihak sekolah ialah 3.00. Mod untuk responden berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek PSV ialah 2.

Menurut hasil kajian Jadual 4.7, skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini dalam persetujuan bahawa PSV dicadangkan dipelajari oleh semua murid tingkatan empat ialah 3.36 dan 1.157. Median untuk responden dalam persetujuan cadangan PSV dipelajari oleh semua murid tingkatan empat ialah 3.00. Mod untuk

responden dalam persetujuan cadangan PSV dipelajari oleh semua murid tingkatan empat ialah 3.

#### 4.3.2.3 Persepsi Responden Terhadap Buku Teks PSV

Persepsi terhadap buku teks subjek PSV dapat dilihat dalam Jadual 4.8. Persepsi terhadap buku teks subjek PSV ini dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Perbandingan dapat diukur dari perbezaan skala sama ada amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau amat setuju. Hasil dapatan data persepsi terhadap buku teks subjek Pendidikan Seni Visual adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.8 dan huraian seperti berikut:

**Jadual 4.8:** Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Buku Teks.

n=303 Item		Skala									
		Amat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
		Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
3.12	Membantu Persediaan Belajar	9	3.0	26	8.6	69	22.8	125	41.3	73	24.1
3.13	Pemangkin Minat	11	3.6	35	11.6	85	28.1	117	38.6	55	18.2
3.14	Bahan Rujukan	10	3.3	32	10.6	61	20.1	128	42.2	72	23.8
3.15	Panduan Awal	12	4.0	22	7.3	62	20.5	124	40.9	83	27.4

Menurut dapatan kajian data Jadual 4.8, hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 11 responden (3.6%) yang terlibat amat tidak setuju bahawa buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat. Seramai 33 responden (10.9%) tidak setuju bahawa buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat. Dapatan kajian data Jadual 4.8 menunjukkan seramai 63 responden (20.8%)

tidak pasti sama ada buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat. Hasil data kajian menunjukkan kebanyakan dari kumpulan 303 responden ini iaitu seramai 130 responden (42.9%) yang terlibat setuju dan 66 responden (21.8%) amat setuju bahawa buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 9 responden (3.0%) yang terlibat amat tidak setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar. Seramai 26 responden (8.6%) tidak setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar. Menurut dapatan kajian data Jadual 4.8, seramai 69 responden (22.8%) tidak pasti sama ada buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar. Hasil data kajian menunjukkan kebanyakan dari kumpulan 303 responden ini iaitu seramai 125 responden (41.3%) yang terlibat setuju dan 73 responden (24.1%) amat setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar.

Menurut data kajian ini yang dipaparkan dalam Jadual 4.8, dikesan terdapat seramai 11 responden (3.6%) dari kumpulan 303 responden ini amat tidak setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik. Seramai 35 responden (11.6%) tidak setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik. Hasil dapatan kajian Jadual 4.8 menunjukkan seramai 85 responden (28.1%) tidak pasti sama ada buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik. Dapatan hasil kajian menunjukkan lebih dari separuh responden iaitu seramai 117 responden (38.6%) yang terlibat setuju dan 55 responden (18.2%) sangat setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik.

Menurut hasil data dalam Jadual 4.8, terdapat 10 responden (3.3%) dari kumpulan 303 responden amat tidak setuju dan seramai 32 responden (10.6%) tidak setuju bahawa buku teks merupakan bahan rujukan murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji. Seramai 61 responden (20.1%) tidak pasti sama ada buku teks merupakan bahan rujukan murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji. Dapatan hasil kajian menunjukkan lebih dari separuh responden iaitu seramai 128 responden (42.2%) yang terlibat setuju dan 72 responden (23.8%) sangat setuju bahawa buku teks sebagai bahan rujukan murid di sekolah

Menurut dapatan data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.8, seramai 12 responden (4.0%) dari kumpulan 303 responden ini amat tidak setuju dan 22 responden (7.3%) tidak setuju bahawa buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran. Terdapat 62 responden (20.5%) tidak pasti sama ada buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran. Kebanyakan responden iaitu seramai 124 responden (33.0%) setuju dan 83 responden (27.4%) sangat setuju buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran.

**Jadual 4.9:** Statistik Berdasarkan Persepsi Terhadap Buku Teks.

n = 303	Buku Saluran Penulisan	Membantu Persediaan Belajar	Pemangkin Minat	Bahan Rujukan	Panduan Awal
Valid	303	303	303	303	303
Missing	0	0	0	0	0
Mean	3.68	3.75	3.56	3.73	3.81
Median	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00
Mode	4	4	4	4	4
Std. Deviation	1.045	1.012	1.030	1.043	1.045
Range	4	4	4	4	4

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.9, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai untuk buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat bagi kumpulan



303 responden ini ialah 3.68 dan 1.045. Manakala median dan mod responden mengenai buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat ialah 4.

Dapatan data kajian Jadual 4.9 menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar ialah 3.75 dan 1.012. Median untuk buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 4.00. Manakala mod untuk buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 4.

Data kajian Jadual 4.9 memaparkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 3.56 dan 1.030. Median untuk buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 4.00. Mod untuk buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 4.

Menurut hasil kajian Jadual 4.9, skor min dan sisihan piawai bagi kumpulan 303 responden ini terhadap buku teks merupakan bahan rujukan murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji ialah 3.73 dan 1.043. Median terhadap buku teks merupakan bahan rujukan murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji ialah 4.00. Mod terhadap buku teks merupakan bahan rujukan murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji ialah 4.

Hasil kajian Jadual 4.9 menunjukkan bagi kumpulan 303 responden ini, skor min dan sisihan piawai untuk buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran ialah 3.81 dan 1.045. Median untuk PSV memberi kesan dalam

kehidupan responden ialah 4.00. Mod untuk buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran ialah 4.

### 4.3.3 Pencapaian Akademik Responden Dalam Subjek PSV

Pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek PSV mencakupi kertas 1 dan kertas 2. Peratusan setiap kertas adalah 50 markah. Pencapaian markah kertas 1 dan kertas 2 akan dijumlahkan. Gred pencapaian murid akan diberikan berdasarkan Sistem Penggredan Peperiksaan dan Ujian seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.2.

#### 4.3.3.1 Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 1 Subjek PSV


Penilaian PSV Kertas 1 menekankan aspek kognitif yang meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat serta teknologi bahan, bentuk gubahan serta kemasan dan pemahaman dan penghargaan. Penilaian Kertas 1 berbentuk objektif dan merangkumi 50 soalan di mana setiap soalan mempunyai empat pilihan A, B, C dan D. Pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan dan dipaparkan dalam Jadual 4.10.

**Jadual 4.10:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian

#### Akademik Dalam Kertas 1 Subjek PSV

n = 303	Gred	Markah	Tahap Pencapaian	Frekuensi	Peratusan
	A+	90 – 100	Cemerlang Tertinggi	0	0
	A	80 – 89	Cemerlang Tinggi	0	0
	A-	70 – 79	Cemerlang	4	1.3
	B+	65 – 69	Kepujian Tertinggi	0	0
	B	60 – 64	Kepujian Tinggi	14	4.6
	C+	55 – 59	Kepujian Atas	10	3.3
	C	50 – 54	Kepujian	16	5.3
	D	45 – 49	Lulus Atas	11	3.6
	E	40 – 44	Lulus	30	9.9
	G	0 – 39	Gagal	218	72.0

Menurut dapatan kajian data Jadual 4.10, hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 4 responden (1.3%) yang terlibat mencapai tahap cemerlang. Seramai 14 responden (4.6%) memperoleh gred B. Dapatan kajian data Jadual 4.10 menunjukkan seramai 10 responden (3.3%) mencapai tahap kepujian atas manakala 16 responden (5.3%) mencapai tahap kepujian. Terdapat 11 responden (3.6%) mencapai tahap lulus atas manakala 30 responden (9.9%) lulus dalam penilaian. Hasil data kajian menunjukkan lebih dari satu pertiga kumpulan 303 responden ini iaitu seramai 218 responden (72.0%) tidak lulus dalam penilaian Kertas 1 subjek PSV. Pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV dapat digambarkan dalam Rajah 4.3.



**Rajah 4.3:** Graf Pencapaian Akademik Dalam Kertas 1 Subjek PSV

**Jadual 4.11:** Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 1 Subjek PSV

n = 303	Markah Pencapaian Akademik ( 100 Markah)	
	Valid	303
	Missing	0
Mean		34.5908
Median		34.0000
Mode		34.00
Std. Deviation		13.01950
Range		78.00
Minimum		0.00
Maksimum		78.00

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.11, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 34.5908 dan 13.01950. Manakala median dan mod pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV adalah sama iaitu 34 markah. Markah minimum dan maksimum yang diperolehi dalam peperiksaan Kertas 1 subjek PSV masing-masing ialah 0 markah dan 78 markah.

#### **4.3.3.2 Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 2 Subjek PSV**

Pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam Kertas 2 subjek PSV dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan dan dipaparkan dalam Jadual 4.12.

Huraian dapatan data seperti berikut:

**Jadual 4.12:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Dalam Kertas 2 Subjek PSV

n = 303	Gred	Markah	Tahap Pencapaian	Frekuensi	Peratusan
	A+	90 – 100	Cemerlang Tertinggi	2	0.7
	A	80 – 89	Cemerlang Tinggi	21	6.9
	A-	70 – 79	Cemerlang	44	14.5
	B+	65 – 69	Kepujian Tertinggi	7	2.3
	B	60 – 64	Kepujian Tinggi	35	11.6
	C+	55 – 59	Kepujian Atas	39	12.9
	C	50 – 54	Kepujian	45	14.9
	D	45 – 49	Lulus Atas	22	7.3
	E	40 – 44	Lulus	43	14.2
	G	0 – 39	Gagal	45	14.9


Menurut dapatan kajian data Jadual 4.12, hasil kajian menunjukkan bahawa bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 2 responden (0.7%) yang terlibat mencapai tahap cemerlang tertinggi dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV. Seramai 21 responden (6.9%) mencakupi tahap cemerlang tinggi sementara 44 responden (14.5%) mencapai cemerlang dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV.

Dapatan kajian data Jadual 4.12 menunjukkan seramai 7 responden (2.3%) mencapai tahap kepujian tertinggi manakala 35 responden (11.6%) mencapai tahap kepujian tinggi dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV. Terdapat 39 responden (12.9%) mencapai tahap kepujian atas dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV. Hasil kajian turut memaparkan terdapat 22 responden (7.3%) lulus atas manakala 43 responden (14.2%) lulus dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV. Hasil data kajian menunjukkan 45 responden (14.9%) dari kumpulan 303 responden ini gagal dalam Peperiksaan Kertas 2 subjek PSV.

**Jadual 4.13:** Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Kertas 2 Subjek PSV

n = 303	Markah Pencapaian Akademik (100 Markah)	
	Valid	303
	Missing	0
Mean		53.9512
Median		54.0000
Mode		56.00
Std. Deviation		16.81265
Range		91.80
Minimum		0.00
Maksimum		91.80

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.13, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 53.9512 dan 16.81265. Median pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV ialah 54 markah. Manakal mod pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV ialah 56 markah. Markah minimum dan maksimum yang diperolehi dalam peperiksaan Kertas 2 subjek PSV masing-masing ialah 0 markah dan 91.80 markah. Pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV dipaparkan dalam Rajah 4.4.



**Rajah 4.4:** Pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV

#### 4.3.3.3 Pencapaian Akademik Responden Dalam Keseluruhan Subjek PSV

Penilaian PSV menekankan aspek kognitif dan psikomotor. Pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek PSV merangkumi Kertas 1 dan Kertas 2. Markah kedua-dua kertas akan dijumlahkan agar mendapat 100 markah. Keseluruhan pencapaian akademik responden dalam subjek PSV dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan dan dipaparkan dalam Jadual 4.14. Huraian dapatan data seperti berikut:

**Jadual 4.14:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian

## Akademik Subjek PSV

n = 303	Gred	Markah	Tahap Pencapaian	Frekuensi	Peratusan
	A+	90 – 100	Cemerlang Tertinggi	0	0
	A	80 – 89	Cemerlang Tinggi	0	0
	A-	70 – 79	Cemerlang	7	2.3
	B+	65 – 69	Kepujian Tertinggi	9	3.0
	B	60 – 64	Kepujian Tinggi	17	5.6
	C+	55 – 59	Kepujian Atas	28	9.2
	C	50 – 54	Kepujian	27	8.9
	D	45 – 49	Lulus Atas	52	17.2
	E	40 – 44	Lulus	61	20.1
	G	0 – 39	Gagal	102	33.7

Menurut dapatan kajian data Jadual 4.14, hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik dalam subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini, didapati seramai 7 responden (2.3%) mencapai tahap cemerlang dalam peperiksaan subjek PSV.

Dapatan kajian data Jadual 4.14 menunjukkan seramai 9 responden (3.0%) mencakupi tahap kepujian tertinggi sementara 17 responden (5.6%) mencapai tahap kepujian tinggi dalam pencapaian keseluruhan subjek PSV. Seramai 28 responden (9.2%) berada di tahap kepujian atas dan 27 responden (8.9%) meperolehi tahap kepujian dalam pencapaian keseluruhan subjek PSV.

Dapatan kajian data Jadual 4.14 turut menunjukkan seramai 52 responden (17.2%) mencapai tahap lulus atas manakala 61 responden (20.1%) lulus dalam peperiksaan subjek PSV. Hasil data kajian menunjukkan satu pertiga dari kumpulan 303 responden iaitu seramai 102 responden (33.7%) gagal dalam pencapaian keseluruhan subjek PSV.



**Jadual 4.15:** Statistik Pencapaian Akademik Responden Dalam Subjek PSV

---


n = 303    Markah Pencapaian Akademik PSV Murid Tingkatan 4 (100 markah)

---

	Valid	303
	Missing	0
Mean		44.2710
Median		43.0000
Mode		40.00
Std. Deviation		11.67734
Range		63.00
Minimum		5.00
Maksimum		78.00

---

Melalui hasil data kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.15, dapat diinterpretasikan bahawa skor min dan sisihan piawai pencapaian akademik responden dalam pencapaian keseluruhan subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 44.2710 dan 11.67734. Median pencapaian akademik responden dalam pencapaian akademik subjek PSV ialah 43 markah. Manakala mod pencapaian akademik responden dalam subjek PSV ialah 40 markah. Markah minimum dan maksimum yang diperolehi dalam peperiksaan subjek PSV ialah 5.00 markah dan 78.00 markah. Pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek PSV dapat digambarkan dalam Rajah 4.5.



**Rajah 4.5:** Pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek PSV

#### 4.4 Analisis Dan Perbandingan Dapatan Data Kajian

Bahagian ini akan membincangkan analisis dan perbandingan dapatan data kajian dari empat segi iaitu profil responden, penaksiran tahap pencapaian akademik responden dalam subjek PSV berdasarkan jantina dan bangsa, tahap minat dan persepsi responden terhadap subjek PSV.

Setiap individu mempunyai kecerdasan dan intelek yang berlainan. Kecerdasan dapat dikesan melalui pencapaian akademik murid dalam sekolah. Peperiksaan adalah satu cara konvensional untuk mengukur pencapaian akademik seseorang setelah mereka mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran dalam jangka masa tertentu.

#### **4.4.1 Profil Responden**

Profil responden termasuk data kelas, jantina dan bangsa responden. Dapatan kajian antara profil responden dan pencapaian akademik akan dibanding dan dianalisis.

##### **4.4.1.1 Kelas**

Hasil kajian menunjukkan subjek Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan subjek elektif dan hanya ditawarkan kepada murid aliran sastera. Murid aliran sastera tersekat dengan pakej subjek di mana murid hanya boleh mengikuti subjek elektif tertentu. Berdasarkan keputusan Penilaian Menengah Rendah di bawah seliaan Lembaga Peperiksaan Malaysia, didapati pencapaian akademik kelas sastera adalah kurang cemerlang jika dibandingkan dengan kelas aliran sains.

Menurut hasil data, sekolah A dan B menawarkan subjek PSV kepada semua murid aliran sastera mengikut pakej mata pelajaran tanpa mengambilkira faktor minat. Manakala sekolah C dan D hanya tawarkan subjek PSV kepada murid aliran sastera yang berminat sahaja. Pada keseluruhannya, subjek PSV hanya ditawarkan kepada pencapaian akademik murid yang tidak secemerlang pencapaian akademik murid aliran sains.

##### **4.4.1.2 Jantina**

Seramai 303 responden terlibat dalam kajian. Responden lelaki mencatatkan bilangan seramai 173 orang (57.1%) manakala responden yang selebihnya adalah perempuan iaitu 130 orang (42.9%).

Penilaian PSV Kertas 1 menekankan aspek kognitif yang meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat serta teknologi bahan, bentuk gubahan, kemasan dan pemahaman serta penghargaan. Penilaian Kertas 1 berbentuk objektif yang merangkumi 50 soalan di mana setiap soalan mempunyai empat

pilihan A, B, C dan D. Rajah 4.16 menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV menurut jantina.


**Jadual 4.16:** Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Kertas 1 Subjek PSV Menurut Jantina

n=303		Jantina					
		Lelaki		Perempuan		Jumlah	
Gred	Markah	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Gagal	0-39	123	40.59	95	31.35	218	71.95
E	40-44	12	3.96	18	5.94	30	9.90
D	45-49	6	1.98	5	1.65	11	3.63
C	50-54	11	3.63	5	1.65	16	5.28
C+	55-59	6	1.98	4	1.32	10	3.30
B	60-64	12	3.96	2	0.66	14	4.62
B+	65-69	0	0.00	0	0.00	0	0.00
A-	70-79	3	0.99	1	0.33	4	1.32
A	80-89	0	0.00	0	0.00	0	0.00
A+	90-100	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah		173	57.10	130	42.90	303	100.00

Hasil dapatan dalam Jadual 4.16 menunjukkan bahawa peratusan gagal responden dalam Kertas 1 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 71.95%. Peratusan gagal lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan 40.59% dan 31.35%. Peratusan gagal lelaki adalah 9.24% lebih tinggi daripada perempuan. Nisbah peratusan gagal responden lelaki ialah 1.29 kali lebih tinggi daripada peratusan gagal responden perempuan.

Memandangkan responden lelaki adalah lebih ramai daripada responden perempuan, maka kadar peratusan pencapaian akademik adalah berdasarkan kuantiti

masing-masing. Kadar peratusan perbandingan pencapaian akademik responden menurut jantina terhadap subjek PSV Kertas 1 ditunjukkan seperti dalam Rajah 4.6.



**Rajah 4.6:** Perbandingan jantina dalam peratusan pencapaian akademik PSV Kertas 1

Berdasarkan Rajah 4.6, dapatan data telah menunjukkan bahawa kadar peratusan kegagalan responden perempuan (73.08%) lebih tinggi daripada responden lelaki (71.10%). Memandangkan peratus gagal responden lelaki adalah lebih rendah, ini menunjukkan tahap pencapaian tahap lulus responden lelaki dalam Kertas 1 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan responden perempuan.

Menurut Rajah 4.6, peratusan pencapaian lulus (gred E) responden perempuan (13.84%) adalah dua kali ganda lebih baik daripada responden lelaki (6.94%). Jurang perbezaan peratusan lulus atas (gred D) responden lelaki dan perempuan adalah kecil dan masing-masing mencatatkan 3.47% dan 3.84%.

Menurut Rajah 4.6, peratusan tahap pencapaian kepujian (gred C) responden lelaki adalah lebih tinggi daripada perempuan iaitu masing-masing ialah 6.34% dan 3.84%. Perbezaan peratusan kepujian atas (gred C+) antara responden lelaki dan perempuan adalah kecil dan masing-masing mencatatkan 3.47% dan 3.08%. Peratusan tahap pencapaian kepujian tinggi (gred B) responden lelaki adalah jauh lebih tinggi daripada perempuan iaitu masing-masing mencatatkan 6.94% dan 1.54%. Peratusan tahap pencapaian cemerlang (gred A-) responden lelaki adalah lebih tinggi daripada perempuan iaitu masing-masing mencatatkan 1.73% dan 0.76%.

Berdasarkan Rajah 4.6, hasil data menunjukkan pada keseluruhannya peratusan tahap pencapaian lulus responden lelaki dan perempuan masing-masing ialah 10.41% dan 17.70%. Peratusan tahap pencapaian kepujian responden lelaki dan perempuan masing-masing ialah 16.77% dan 8.47%. Peratusan tahap pencapaian cemerlang responden lelaki ialah 1.73%.

Dapat disimpulkan bahawa responden perempuan mencapai tahap pencapaian lulus yang tinggi dan semakin menurun ke arah tahap kecemerlangan. Manakala responden lelaki mencapai tahap pencapaian lulus yang rendah dan semakin meningkat ke arah kecemerlangan. Pada keseluruhannya, responden lelaki mencapai tahap pencapaian yang lebih cemerlang dalam subjek PSV Kertas 1.

Penilaian PSV Kertas 2 menekankan aspek psikomotor yang melibatkan penilaian proses dalam penghasilan bahan. Penilaian berbentuk subjektif dan mempunyai 6 soalan pilihan. Pemarkahan menitikberatkan teknik melukis dan mewarna.

Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia, terdapat empat kriteria dalam pemarkahan Kertas 2 PSV. Kriteria pertama mementingkan gubahan. Gubahan termasuk ciri-ciri perspektif dan ruang, rupa dan bentuk yang tepat,imbangan subjek dalam ruang, pemilihan sudut pandangan yang menarik dan aplikasi asa seni reka.

Kriteria kedua mempertimbangkan warna dan media yang digunakan. Kriteria ketiga ialah interpretasi iaitu olahan idea adalah menepati tema soalan. Kriteria terakhir ialah kreativiti.


Rajah 4.17 menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV menurut jantina.

**Jadual 4.17:** Taburan frekuensi dan peratusan responden menurut jantina dalam pencapaian akademik Kertas 2 subjek PSV

n=303		Jantina					
		Lelaki		Perempuan		Jumlah	
Gred	Markah	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Gagal	0-39	28	9.24	17	5.61	45	14.85
E	40-44	25	8.25	18	5.94	43	14.19
D	45-49	12	3.96	10	3.30	22	7.26
C	50-54	26	8.58	19	6.27	45	14.85
C+	55-59	25	8.25	14	4.62	39	12.87
B	60-64	16	5.28	19	6.27	35	11.55
B+	65-69	3	0.99	4	1.32	7	2.31
A-	70-79	23	7.59	21	6.93	44	14.52
A	80-89	13	4.29	8	2.64	21	6.93
A+	90-100	2	0.66	0	0.00	2	0.66
Jumlah		173	57.10	130	42.90	303	100.00

Hasil dapatan dalam Jadual 4.17 menunjukkan bahawa peratusan lulus responden dalam Kertas 2 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 85.15%. Peratusan gagal lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan 9.24% dan 5.61%. Peratusan gagal lelaki adalah 3.63% lebih tinggi daripada perempuan. Nisbah peratusan gagal responden lelaki dan perempuan ialah 1.65 kali lebih tinggi daripada peratusan gagal responden perempuan.

Kadar peratusan pencapaian akademik menurut jantina dalam subjek PSV Kertas 2 ditunjukkan seperti dalam Rajah 4.7 di bawah.



**Rajah 4.7:** Perbandingan jantina dalam peratusan pencapaian akademik PSV Kertas2

Berdasarkan Rajah 4.7, dapatan data telah menunjukkan bahawa 16.18% daripada keseluruhan responden lelaki tidak lulus dalam peperiksaan Kertas 2 PSV. Manakala 13.08% daripada keseluruhan responden perempuan tidak lulus dalam peperiksaan Kertas 2 PSV. Memandangkan peratus gagal responden perempuan adalah lebih rendah, ini menunjukkan tahap pencapaian tahap lulus perempuan dalam Kertas 2 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan responden lelaki.

Menurut Rajah 4.7, peratusan pencapaian tahap lulus (40-44) untuk lelaki adalah lebih tinggi 0.60% daripada perempuan iaitu masing-masing mencatatkan 14.45% dan 13.85%. Jurang perbezaan peratusan tahap pencapaian lulus atas (45-49) jantina lelaki dan perempuan adalah kecil iaitu 0.75% dan masing-masing mencatatkan 6.94% dan



7.69%. Peratusan tahap pencapaian kepujian (50-54) jantina lelaki adalah lebih tinggi sebanyak 0.41% daripada perempuan iaitu masing-masing ialah 15.03% dan 14.62%.

Dapatan hasil kajian Rajah 4.7 menunjukkan perbezaan peratusan tahap kepujian atas (55-59) antara jantina lelaki dan perempuan adalah ketara iaitu 3.68% lebih baik dan masing-masing mencatatkan 14.45% dan 10.77%. Peratusan tahap pencapaian kepujian tinggi (60-64) jantina perempuan adalah jauh lebih tinggi 5.37% daripada lelaki iaitu masing-masing mencatatkan 14.62% dan 9.25%. Peratusan tahap pencapaian kepujian tertinggi (65-69) responden perempuan lebih tinggi 1.35% daripada responden lelaki.

Menurut Rajah 4.7, peratusan tahap cemerlang (70-79) responden perempuan lebih tinggi 2.86% daripada responden lelaki. Peratusan tahap pencapaian cemerlang tinggi (80-89) jantina lelaki adalah lebih tinggi 1.36% daripada responden perempuan iaitu masing-masing mencatatkan 7.51% dan 6.15%. Peratusan tahap pencapaian cemerlang tertinggi (90-100) jantina lelaki adalah 1.16% dan tiada responden perempuan mencapai tahap ini.

Hasilan data Rajah 4.7 menunjukkan peratusan tahap pencapaian lulus responden lelaki dan perempuan masing-masing ialah 21.39% dan 21.54%. Peratusan tahap pencapaian kepujian responden lelaki dan perempuan masing-masing ialah 40.46% dan 43.09%. Peratusan tahap pencapaian cemerlang responden lelaki dan perempuan masing-masing ialah 21.96% dan 22.30%. Pada keseluruhannya, responden perempuan mencapai tahap pencapaian yang lebih cemerlang dalam subjek PSV Kertas2.

#### **4.4.1.3 Bangsa**

Kajian ini melibatkan 303 responden, antaranya 130 responden (42.9%) adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Bangsa Cina pula seramai 137 responden (45.2%), diikuti dengan bangsa India seramai 31 responden (10.2%). Manakala bagi bangsa lain

pula adalah seramai 5 orang (1.7%). Rajah 4.18 di bawah menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam Kertas 1 subjek PSV menurut bangsa.

**Jadual 4.18:** Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Untuk Pencapaian Akademik Kertas 1 Subjek PSV Menurut Bangsa

		Bangsa									
		Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
Gred	Markah	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Gagal	0-39	80	26.40	114	37.62	21	6.93	3	0.99	218	71.95
E	40-44	13	4.29	15	4.95	1	0.33	1	0.33	30	9.90
D	45-49	6	1.98	3	0.99	2	0.66	0	0.00	11	3.63
C	50-54	12	3.96	1	0.33	2	0.66	1	0.33	16	5.28
C+	55-59	5	1.65	3	0.99	2	0.66	0	0.00	10	3.30
B	60-64	12	3.96	1	0.33	1	0.33	0	0.00	14	4.62
B+	65-69	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
A-	70-79	2	0.66	0	0.00	2	0.66	0	0.00	4	1.32
A	80-89	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
A+	90-100	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah		130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00

Menurut dapatan kajian data Jadual 4.18, peratusan gagal murid tingkatan empat dalam Kertas 1 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 71.95%. Diantaranya peratusan gagal bangsa Cina (37.62% ) paling tinggi, diikuti bangsa Melayu (26.40%), dan seterusnya bangsa India (6.93%). 114 responden Cina daripada jumlahnya 137 responden telah gagal Kertas 1 PSV iaitu sebanyak 83.2%, diikuti oleh bangsa India (67.74%), bangsa Melayu (61.54%) dan bangsa lain (60.00%). Data telah menyatakan bahawa kebanyakan responden bangsa Cina tidak lulus dalam peperiksaan Kertas 1 PSV

Menurut Jadual 4.18, gred lulus yang paling tinggi ialah E di mana tahap pencapaian ialah sekadar lulus. Peratusan gred E (9.90%) adalah paling tinggi, diikuti gred C (5.28%), gred B (4.62%), gred D (3.63%) dan gred A- (1.32%). Bangsa yang

mencapai tahap pencapaian cemerlang dalam peperiksaan Kertas 1 subjek PSV ialah bangsa India (6.45%), diikuti oleh bangsa Melayu (1.54%). Tiada responden mencapai tahap pencapaian cemerlang tinggi dan cemerlang tertinggi. Pada keseluruhannya, responden bangsa Cina mencapai tahap pencapaian yang rendah berbanding dengan responden kaum lain.

Melalui data hasil kajian, dapat diinterpretasikan bahawa terdapat signifikan antara pencapaian akademik dengan penentuan pakej sekolah. Agihan kelas murid tingkatan empat adalah mengikut pencapaian akademik Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pencapaian akademik yang cemerlang akan diagihkan ke aliran sains dan seterusnya diagihkan ke kelas aliran sastera pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan seterusnya. Setiap kelas mempunyai pakej mata pelajaran yang perlu diikuti. Pakej tersebut adalah ditentukan oleh pihak sekolah.


Sekolah A mempunyai lima kelas sastera tingkatan empat dan menawarkan subjek elektif PSV kepada empat kelas sastera yang hujung. Sekolah B mempunyai lima kelas sastera tingkatan empat dan dua kelas terakhir perlu mengikuti subjek PSV. Terdapat lima kelas sastera di Sekolah C dan membuka subjek PSV kepada semua kelas sastera tetapi hanya murid yang berminat sahaja mempelajari subjek PSV. Terdapat tiga kelas sastera di Sekolah D dan membuka subjek PSV kepada semua kelas sastera tetapi hanya murid yang berminat sahaja mempelajari subjek PSV. Dapat dirumuskan bahawa subjek PSV hanya dipelajari oleh sebahagian murid aliran sastera di empat buah sekolah kajian.

Penilaian PSV Kertas 1 menekankan aspek kognitif yang meliputi kefahaman tentang unsur seni, prinsip rekaan, pengetahuan tentang alat serta teknologi bahan, bentuk gubahan serta kemasan dan pemahaman dan penghargaan. Penilaian Kertas 1 berbentuk objektif yang merangkumi 50 soalan. Jika tahap penguasaan bahasa rendah,

adalah sukar untuk menjawab soalan Kertas 1 PSV yang menekankan teori seni.

Kefahaman terhadap pendidikan seni menjadi asas untuk mengembangkan pemikiran dan kreativiti manusia. Mohd Johari Ab. Hamid (2008) menyatakan perkembangan dalam diri individu memainkan peranan untuk mengembangkan seni itu sendiri.

Kesukaran mempelajari bahasa Melayu dan lemah dalam kefahaman akan menjejaskan pencapaian Kertas 1 PSV. Rajah 4.8 menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV menurut bangsa.



**Rajah 4.8:** Perbandingan Pencapaian Akademik Berdasarkan Bangsa Dalam Kertas 1 PSV

Perbandingan pencapaian akademik Kertas 1 subjek PSV menurut bangsa akan ditelitikan antara bangsa Melayu dan Cina. Jadual 4.19 menunjukkan frekuensi dan peratusan pencapaian akademik antara bangsa Melayu dan Cina.

**Jadual 4.19:** Perbandingan pencapaian akademik berdasarkan bangsa Melayu & Cina dalam Kertas 1 Pendidikan Seni Visual


Bangsa			Melayu		Cina	
Markah	Gred	Tahap Pencapaian	Bilangan	%	Bilangan	%
0-39	Gagal	Gagal	80	61.54	114	83.21
40-44	E	Lulus	13	10.00	15	10.95
45-49	D	Lulus Atas	6	4.62	3	2.19
50-54	C	Kepujian	12	9.23	1	0.73
55-59	C+	Kepujian Atas	5	3.85	3	2.19
60-64	B	Kepujian Tinggi	12	9.23	1	0.73
65-69	B+	Kepujian Tertinggi	0	0.00	0	0.00
70-79	A-	Cemerlang	2	1.54	0	0.00
80-89	A	Cemerlang Tinggi	0	0.00	0	0.00
90-100	A+	Cemerlang Tertinggi	0	0.00	0	0.00
Jumlah			130	100.00	137	100.00

Menurut Jadual 4.19, dapatan kajian menunjukkan bahawa peratusan gagal responden bangsa Melayu dalam Kertas 1 subjek PSV ialah 61.54%, peratusan gagal bangsa Cina pula ialah 83.21%. Perbezaan jurang peratus kelulusan antara bangsa Melayu dan Cina ialah 21.67%. Memandangkan peratus kelulusan bangsa Melayu adalah lebih tinggi, ini menunjukkan penguasaan bangsa Melayu dalam Kertas 1 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan bangsa Cina.

Menurut Jadual 4.19, tahap pencapaian lulus responden bangsa Melayu ialah 14.62%, manakala responden bangsa Cina pula ialah 13.14%. Tahap pencapaian lulus responden bangsa Melayu lebih tinggi daripada bangsa Cina. Peratusan tahap pencapaian lulus antara responden bangsa Melayu dan Cina tidak jauh berbeza iaitu 1.48%. Tahap pencapaian kepujian responden bangsa Melayu ialah 22.31%, manakala responden bangsa Cina pula ialah 3.65%. Tahap pencapaian kepujian responden bangsa Melayu lebih tinggi daripada bangsa Cina. Perbezaan peratusan pencapaian tahap kepujian antara bangsa Melayu dan Cina adalah ketara iaitu 18.66%. Kadar peratusan

responden bangsa Melayu mencapai tahap cemerlang ialah 1.54%. Tiada responden bangsa Cina mencapai tahap pencapaian cemerlang. Peratusan tahap pencapaian cemerlang responden bangsa Melayu lebih tinggi daripada bangsa Cina.

Pada keseluruhannya, prestasi responden bangsa Melayu lebih cemerlang daripada responden bangsa Cina dalam pencapaian akademik Kertas 1 subjek PSV. Rajah 4.9 menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik responden dalam Kertas 1 subjek PSV menurut bangsa Melayu dan Cina.



**Rajah 4.9:** Perbandingan pencapaian akademik berdasarkan bangsa Melayu dan Cina dalam Kertas 1 subjek PSV

Penilaian PSV Kertas 2 menekankan aspek psikomotor yang melibatkan penilaian proses dalam penghasilan bahan. Penilaian berbentuk subjektif dan mempunyai 5 soalan pilihan. Soalan penilaian diedarkan kepada murid selewat-lewat seminggu sebelum peperiksaan dijalankan. Selepas membuat pilihan, murid dapat membuat persediaan seperti berbincang dengan guru mengenai idea gubahan ilustrasi

dan persediaan alat dan bahan yang diperlukan. Taburan frekuensi dan kadar peratusan pencapaian akademik menurut bangsa dalam subjek PSV Kertas 2 ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.20 di bawah.

**Jadual 4.20:** Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Menurut Bangsa Dalam Pencapaian Akademik Kertas 2 Subjek PSV


n=303		Bangsa									
		Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
Gred	Markah	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Gagal	0-39	18	5.94	23	7.59	4	1.32	0	0.00	45	14.85
E	40-44	15	4.95	24	7.92	4	1.32	0	0.00	43	14.19
D	45-49	9	2.97	11	3.63	1	0.33	1	0.33	22	7.26
C	50-54	14	4.62	27	8.91	4	1.32	0	0.00	45	14.85
C+	55-59	17	5.61	18	5.94	3	0.99	1	0.33	39	12.87
B	60-64	15	4.95	16	5.28	3	0.99	1	0.33	35	11.55
B+	65-69	2	0.66	3	0.99	1	0.33	1	0.33	7	2.31
A-	70-79	25	8.25	11	3.63	7	2.31	1	0.33	44	14.52
A	80-89	14	4.62	3	0.99	4	1.32	0	0.00	21	6.93
A+	90-100	1	0.33	1	0.33	0	0.00	0	0.00	2	0.66
Jumlah		130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00

Menurut dapatan kajian data Jadual 4.20, hasil kajian menunjukkan bahawa peratusan gagal murid tingkatan empat dalam Kertas 2 subjek PSV bagi kumpulan 303 responden ini ialah 14.85%. Peratusan gagal paling tinggi ialah bangsa Cina iaitu 7.59%, diikuti bangsa Melayu dan India di mana peratusan gagal ialah 5.94% dan 1.32%. Jika sampel kajian menurut kaum masing-masing, data telah menunjukkan bahawa 16.79% responden bangsa Cina tidak lulus dalam peperiksaan Kertas 2 PSV, diikuti oleh bangsa Melayu (13.85%) dan bangsa India (12.90%). Peratus kelulusan responden bangsa India adalah 87.10%, diikuti responden bangsa Melayu (86.15%) dan responden bangsa Cina (83.21%). Peratus kelulusan responden berdasarkan kaum adalah tidak jauh berbeza iaitu dalam lingkungan 3.89%.

Menurut Jadual 4.20, peratusan gred C (14.85%) adalah paling tinggi, diikuti gred A- (14.52%), gred E (14.19%), gred C+ (12.87%), gred B (11.55%), D (7.26%),

A(6.93%), B+ (2.31%) dan A (0.33%). Bangsa yang mencapai tahap pencapaian cemerlang, cemerlang tinggi atau cemerlang tertinggi dalam peperiksaan Kertas 2 subjek PSV ialah bangsa India (35.48%), diikuti oleh bangsa Melayu (30.77%), bangsa lain (20.00%) dan bangsa Cina (10.95%). Pada keseluruhannya, responden bangsa Cina mencapai tahap pencapaian yang rendah berbanding dengan responden kaum lain.

Jika responden tidak membuat persediaan dan latihan, prestasi Kertas 2 subjek PSV akan kurang memuaskan. Sikap dan minat memainkan peranan yang penting dalam penentuan pencapaian. Sikap yang positif dan berminat akan mendapat kejayaan dalam pencapaian tahap yang cemerlang.



**Rajah 4.10:** Perbandingan Pencapaian Akademik Menurut Bangsa Dalam Kertas2 PSV

Perbandingan pencapaian akademik Kertas 2 subjek PSV menurut bangsa akan ditelitikan antara bangsa Melayu dan Cina. Jadual 4.21 menunjukkan frekuensi dan peratusan pencapaian akademik antara bangsa Melayu dan Cina.



**Jadual 4.21: Perbandingan Pencapaian Akademik Berdasarkan Bangsa Dalam Kertas 2**

## Subjek PSV

			Bangsa			
			Melayu		Cina	
Markah	Gred	Tahap Pencapaian	Frekuensi	%	Frekuensi	%
0-39	Gagal	Gagal	18	13.85	23	16.79
40-44	E	Lulus	15	11.54	24	17.52
45-49	D	Lulus Atas	9	6.92	11	8.03
50-54	C	Kepujian	14	10.77	27	19.71
55-59	C+	Kepujian Atas	17	13.08	18	13.14
60-64	B	Kepujian Tinggi	15	11.54	16	11.68
65-69	B+	Kepujian Tertinggi	2	1.54	3	2.19
70-79	A-	Cemerlang	25	19.23	11	8.03
80-89	A	Cemerlang Tinggi	14	10.77	3	2.19
90-100	A+	Cemerlang Tertinggi	1	0.77	1	0.73
Jumlah			130	100.00	137	100.00

Menurut Jadual 4.21, dapatan kajian menunjukkan bahawa peratusan gagal responden bangsa Melayu dalam Kertas 2 subjek PSV ialah 13.85%, peratusan gagal bangsa Cina pula ialah 16.79%. Perbezaan jurang peratus kelulusan antara bangsa Melayu dan Cina ialah 2.94%. Memandangkan peratus kelulusan bangsa Melayu adalah lebih tinggi, ini menunjukkan penguasaan bangsa Melayu dalam Kertas 2 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan bangsa Cina.

Menurut Jadual 4.21, tahap pencapaian lulus responden bangsa Melayu ialah 18.46%, manakala responden bangsa Cina pula ialah 25.55%. Tahap pencapaian lulus responden bangsa Melayu lebih rendah daripada Bangsa Cina. Perbezaan peratusan tahap pencapaian lulus antara responden bangsa Melayu dan Cina ialah 7.09%.


Berdasarkan Jadual 4.21, tahap pencapaian kepujian responden bangsa Melayu ialah 35.39%, manakala responden bangsa Cina pula ialah 44.53%. Tahap pencapaian

kepujian responden bangsa Melayu lebih rendah daripada bangsa Cina. Perbezaan peratusan pencapaian tahap kepujian antara bangsa Melayu dan Cina adalah ketara iaitu 9.14%.

Menurut Jadual 4.21, kadar peratusan responden bangsa Melayu mencapai tahap cemerlang ialah 30.77%, manakala responden bangsa Cina pula ialah 10.95%. Peratusan tahap pencapaian cemerlang responden bangsa Melayu jauh lebih tinggi daripada bangsa Cina. Jurang perbezaan pencapaian tahap cemerlang ialah 19.82%.

Pada keseluruhannya, prestasi responden bangsa Cina tertumpu di tahap pencapaian lulus dan kepujian, manakala responden bangsa Melayu menyerlah dalam tahap pencapaian cemerlang dalam Kertas 2 subjek PSV.

Rajah 4.11 menunjukkan perbandingan hasil data frekuensi dan peratusan pencapaian akademik responden dalam Kertas 2 subjek PSV menurut bangsa Melayu dan Cina.



**Rajah 4.11:** Perbandingan Pencapaian Akademik Responden Menurut Bangsa Melayu dan Cina Dalam Kertas 2 Subjek PSV

#### 4.4.2 Tahap Minat Responden Terhadap Subjek PSV

Analisis dan perbandingan hasil data kajian tahap minat responden terhadap subjek PSV berkisar antara min, mod dan sisihan piawai seperti dalam Jadual 4.3.

Merujuk Jadual 4.3, skor min berdasarkan tahap minat responden yang tertinggi ialah 3.67 iaitu responden bersyukur kerana diberi peluang untuk belajar subjek PSV. Umur responden adalah antara 16 hingga 17 tahun. Menurut WHO (badan PBB untuk kesihatan dunia), remaja didefinisikan sebagai masa peralihan daripada masa kanak-

kanak ke masa dewasa dan batasan usia remaja adalah 12 hingga 24 tahun. Robert Havighurst dalam teori tugas-tugas perkembangan menyatakan remaja (12–18 tahun) menerima bentuk fizikal dan menggunakan fungsi anggota dan organ deria secara berkesan. Dalam subjek PSV, aspek yang dinilai termasuk kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, responden bersyukur dan berasa gembira semasa mempelajari PSV.

Merujuk hasil data Jadual 4.3, skor min yang paling rendah ialah 2.87 iaitu dalam lingkungan tidak setuju dan tidak pasti. Memandangkan perubahan perkembangan tempoh masa, remaja kini lebih tertarik kepada kegunaan komputer atau telefon bimbit. Kehadiran teknologi maklumat yang menggabungkan teks, grafik, bunyi, video, warna yang menarik dan animasi menghasilkan prestasi yang menakjubkan. Ad Nor Azli Bin Ismail dan Jamil Ahmad (2014) menyatakan ciri-ciri menghiburkan dan menarik yang wujud dalam multimedia khasnya permainan lebih memberikan rangsangan kepada murid. Tambahan, bermain adalah naluri semulajadi anak remaja. Jelaslah bahawa responden tidak akan berasa kesal jika tidak menghadiri kelas PSV.

Menurut Jadual 4.3, mod skala untuk kesal jika tidak menghadiri kelas PSV ialah skala tidak setuju, di mana kekerapannya ialah 101. Menurut Zaini Hussein (2003), jika dorongan untuk melakukan aktiviti adalah rendah, minat adalah masih belum kukuh dan digolongkan sebagai kumpulan sederhana minat. Menurut Zaini Hussein (2003) lagi, masalah kumpulan sederhana minat perlu diatasi melalui latihan dan tunjuk ajar. Mereka tidak berminat menyelesaikan masalah sedangkan berupaya melakukannya dan berusaha mencubanya. Sekiranya melakukannya dengan ikhlas dan berusaha bersungguh-sungguh, aktiviti seni akan jadi kerjaya yang tetap. Menurut Pendidikan Kesihatan Remaja (2011), ciri-ciri sosial dan peribadi responden mempunyai bidang perhatian yang singkat atau kurang tumpuan terhadap sesuatu. Aktiviti luar sekolah yang dihasratkan lebih menyeronokkan daripada menghadiri kelas PSV.

Mempelajari PSV dengan lebih mendalam mempunyai nilai sisihan piawai yang paling besar ( $SD= 1.104$ ). Menurut takrifan dalam pelbagai kamus, remaja membawa maksud seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh atau muda. Dari segi usia pula, remaja dianggap berumur antara 10 hingga 19 tahun. Dari sudut psikologi, zaman remaja adalah satu jangka masa peralihan yang berlanjutan dari alam kanak-kanak ke peringkat dewasa yang penuh dengan konflik-konflik kehidupan (Mahmood, 1990).

Golongan ini sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan sedang menuju ke tahap untuk menjadi dewasa. Remaja akan mengalami pelbagai perubahan yang ketara, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, orang remaja merupakan orang yang emosinya kurang stabil. Ini adalah kerana rasional mereka masih berkembang dan belum sampai ke tahap yang mantap. Remaja mempunyai angan-angan sihat mengenai masa depan mereka. Mereka sentiasa memikirkan impian masa hadapan. Namun hala tuju masa depan melibatkan kehendak, keinginan dan keupayaan dan pengetahuan yang mendalam terhadap bidang pilihan. Justeru, taburan skor mempelajari PSV dengan lebih mendalam terserak lebih jauh dari skor min jika berbanding dengan taburan skor item lain.

Memandangkan kebanyakan keserakan skor-skor dalam taburan bertabur jauh antara satu sama lain, item instrumen soal selidik untuk keinginan mempelajari PSV dengan lebih mendalam perlu ditambahbaik agar jurang sisihan piawai dikurangkan .

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa walaupun skor min bagi kelapan-lapan item tersebut berlainan, namun sela skor adalah sama. Ini dapat dilihat melalui nilai sela skornya iaitu 4, di mana nilai skor minimum ialah 1 dan nilai skor maksimum ialah 5. Ini menunjukkan kebanyakan item instrumen soal selidik adalah sesuai digunakan. Peratusan keseluruhan tahap minat responden ditunjukkan dalam Rajah 4.12.



**Rajah 4.12:** Keseluruhan tahap minat responden terhadap subjek PSV

Pada keseluruhannya, 43.9% responden minat terhadap subjek PSV. Menurut Zaini Hussein (2003), kumpulan yang tergolong dalam kategori berminat mempunyai ciri-ciri seperti pencapaian dalam melaksanakan aktiviti adalah sederhana. Banyak latihan dan bimbingan diperlukan. Di peringkat ini, minat adalah diketahui.

#### 4.4.2.1 Perbandingan Tahap Minat Berdasarkan Bangsa Terhadap Subjek PSV


Analisis dan perbandingan hasil data kajian tahap minat berdasarkan bangsa terhadap subjek PSV berkisar antara frekuensi dan kadar peratusan seperti dalam Jadual 4.22.

**Jadual 4.22:** Perbandingan Tahap Minat Berdasarkan Bangsa Terhadap Subjek PSV

Skala	n=303									
	Bangsa									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	0	0.00	1	0.33	0	0.00	0	0.00	1	0.33
Tidak Setuju	10	3.30	18	5.94	6	1.98	0	0.00	34	11.22
Tidak Pasti	56	18.48	71	23.43	7	2.31	1	0.33	135	44.55
Setuju	59	19.47	41	13.53	15	4.95	2	0.66	117	38.61
Sangat Setuju	5	1.65	6	1.98	3	0.99	2	0.66	16	5.28
Jumlah	130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00

Menurut Jadual 4.22, hasil data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan skala amat tidak setuju dan tidak setuju ialah 11.55%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori amat tidak setuju dan tidak setuju ialah responden Cina (6.27%), diikuti responden Melayu (3.30%) dan India (1.98%). Kadar peratusan skala tidak pasti ialah 44.55%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Cina (23.43%), diikuti responden Melayu (18.48%), India (2.31%) dan bangsa lain (0.33%).

Kadar peratusan skala setuju dan sangat setuju ialah 43.89%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (21.12%), diikuti responden Cina (15.51%), India (5.94%) dan bangsa lain (1.32%). Dapat disimpulkan tahap minat bangsa Melayu terhadap subjek PSV lebih tinggi daripada bangsa lain. Ini dapat digambarkan dalam Rajah 4.13.



**Rajah 4.13:** Perbandingan tahap minat berdasarkan bangsa terhadap subjek PSV

#### 4.4.2.2 Perbandingan Tahap Minat Responden Melayu dan Cina Terhadap PSV

Analisis dan perbandingan hasil data kajian tahap minat responden Melayu dan Cina terhadap subjek PSV berkisar antara frekuensi dan kadar peratusan seperti dalam Jadual 4.23.

**Jadual 4.23:** Perbandingan Tahap Minat Responden Melayu dan Cina Terhadap PSV

Skala	Bangsa			
	Melayu		Cina	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	0	0.00	1	0.73
Tidak Setuju	10	7.69	18	13.14
Tidak Pasti	56	43.08	71	51.82
Setuju	59	45.38	41	29.93
Sangat Setuju	5	3.85	6	4.38
Jumlah	130	100.00	137	100.00




Menurut Jadual 4.23, hasilan data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan tidak berminat terhadap subjek PSV responden Melayu ialah 7.69% dan responden Cina ialah 13.87%. Jurang perbezaan adalah 6.18%.

Berdasarkan Jadual 4.23, hasilan data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan tidak pasti sama ada berminat terhadap subjek PSV responden Melayu ialah 43.08% dan responden Cina ialah 51.82%. Peratusan ketidakpastian tahap minat terhadap PSV responden Cina lebih tinggi 8.74% daripada responden Melayu.

Hasilan dapatan data Jadual 4.23 memaparkan peratusan minat atau sangat berminat responden Melayu (49.23%) lebih tinggi daripada responden Cina (34.31%). Peratusan tahap minat atau sangat berminat terhadap PSV responden Melayu lebih tinggi 14.92% daripada responden Cina.

Dapat disimpulkan tahap minat bangsa Melayu terhadap subjek PSV lebih tinggi daripada bangsa Cina. Ini dapat digambarkan dalam Rajah 4.14.



**Rajah 4.14:** Perbandingan tahap minat responden Melayu dan Cina terhadap PSV

### 4.4.3 Perbandingan Persepsi Responden Melayu Dan Cina Terhadap Subjek PSV

Analisis dan perbandingan hasil data kajian skor min dalam persepsi responden bangsa Melayu dan Cina terhadap subjek PSV adalah seperti dalam Jadual 4.5.

#### 4.4.3.1 PSV Adalah Sama Penting Dengan Subjek Lain

Merujuk Jadual 4.5, skor min persepsi responden terhadap subjek PSV yang tertinggi ialah 3.67 iaitu responden setuju bahawa PSV adalah subjek yang menarik. Menurut Robert Havighurst dalam teori tugas-tugas perkembangan, remaja (12–18 tahun) menerima bentuk fizikal dan menggunakan fungsi anggota dan organ deria secara berkesan. Dalam subjek PSV, aspek yang dinilai termasuk kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, responden beranggapan PSV adalah subjek yang menarik.

Berdasarkan Rajah 4.5, skor min berdasarkan persepsi responden yang paling rendah ialah 3.12 iaitu responden tidak pasti subjek PSV adalah sama penting dengan subjek lain. Statistik dan huraian PSV adalah sama penting dengan subjek lain menurut bangsa adalah seperti berikut:

**Jadual 4.24:** Statistik Menurut Bangsa Dalam Persepsi PSV Sama Penting Dengan Subjek Lain

Skala	n=303									
	Bangsa									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	2	0.66	8	2.64	2	0.66	0	0.00	12	3.96
Tidak Setuju	25	8.25	44	14.52	7	2.31	0	0.00	76	25.08
Tidak Pasti	43	14.19	45	14.85	9	2.97	1	0.33	98	32.34
Setuju	55	18.15	31	10.23	10	3.30	2	0.66	98	32.34
Sangat Setuju	5	1.65	9	2.97	3	0.99	2	0.66	19	6.27
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>42.90</b>	<b>137</b>	<b>45.21</b>	<b>31</b>	<b>10.23</b>	<b>5</b>	<b>1.65</b>	<b>303</b>	<b>100.00</b>


Menurut Jadual 4.24, hasil data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan bahawa PSV tidak sepeenting subjek lain ialah 29.04%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori amat tidak setuju dan tidak setuju ialah responden Cina (17.16%), diikuti responden Melayu (8.91%) dan India (2.97%).

Data kajian Jadual 4.24 menunjukkan kadar peratusan skala tidak pasti ialah 32.34%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Cina (14.85%), diikuti responden Melayu (14.19%), India (2.97%) dan bangsa lain (0.33%).

Berdasarkan Jadual 4.24, kadar peratusan skala setuju dan sangat setuju bahawa kepentingan subjek PSV sama dengan subjek lain ialah 38.61%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (19.80%), diikuti responden Cina (13.20%), India (4.29%) dan bangsa lain (1.32%). Dapat disimpulkan bahawa bangsa Melayu lebih merestui PSV adalah sama penting dengan subjek lain.

Memandangkan 42.9% responden adalah bangsa Melayu dan 45.2% adalah bangsa Cina, statistik responden terhadap PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan menurut responden Melayu dan Cina adalah dibandingkan seperti dalam Rajah 4.15.

Menurut Rajah 4.15, peratusan amat tidak setuju dan tidak setuju responden Melayu adalah lebih rendah daripada responden Cina iaitu masing-masing ialah 20.77% dan 37.96%. Jurang perbezaannya ialah 17.19%. Manakala peratusan setuju dan sangat setuju bahawa PSV sama penting dengan subjek lain untuk responden Melayu ialah 46.16% dan responden Cina ialah 29.20%. Jelaslah bangsa Melayu lebih mementingkan subjek PSV jika dibandingkan dengan bangsa Cina.



**Rajah 4.15:** Statistik PSV sama penting dengan subjek lain menurut bangsa Melayu dan Cina

#### 4.4.3.2 PSV Penting Dalam Prospek Kerjaya Masa Depan

Merujuk Jadual 4.5, skor min berdasarkan persepsi responden yang kedua rendah ialah 3.18 iaitu responden tidak pasti sama ada PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Statistik dan huraian PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan menurut bangsa adalah seperti berikut:

**Jadual 4.25:** Statistik Menurut Bangsa Terhadap Persepsi PSV Penting Dalam Prospek Kerjaya Masa Depan


Skala	n=303									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	2	0.66	13	4.29	1	0.33	0	0.00	16	5.28
Tidak Setuju	27	8.91	35	11.55	9	2.97	0	0.00	71	23.43
Tidak Pasti	43	14.19	46	15.18	7	2.31	1	0.33	97	32.01
Setuju	41	13.53	28	9.24	9	2.97	2	0.66	80	26.40
Sangat Setuju	17	5.61	15	4.95	5	1.65	2	0.66	39	12.87
Jumlah	130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00

Menurut Jadual 4.25, hasil data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan bahawa PSV tidak penting dalam prospek kerjaya masa depan ialah 28.71%. Peratusan yang paling tinggi dalam penafian kepentingan PSV dalam prospek kerjaya masa depan ialah responden Cina (15.84%), diikuti responden Melayu (9.57%) dan India (3.30%).

Data kajian Jadual 4.25 menunjukkan kadar peratusan skala tidak pasti kepentingan PSV dalam prospek kerjaya masa depan ialah 32.34%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Cina (15.18%), diikuti responden Melayu (14.19%), India (2.31%) dan bangsa lain (0.33%).

Berdasarkan Jadual 4.25, kadar peratusan skala setuju dan sangat setuju bahawa kepentingan subjek PSV dalam prospek kerjaya masa depan ialah 39.27%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (19.14%), diikuti responden Cina (14.19%), India (4.62%) dan bangsa lain (1.32%). Dapat disimpulkan bahawa bangsa Melayu lebih merestui PSV adalah penting dalam prospek kerjaya masa depan.

Memandangkan 42.9% responden adalah bangsa Melayu dan 45.2% adalah bangsa Cina, statistik responden terhadap PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan menurut bangsa adalah dibandingkan seperti dalam Rajah 4.16.



**Rajah 4.16:** Statistik PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan menurut bangsa Melayu dan Cina

Menurut Rajah 4.16, peratusan amat tidak setuju dan tidak setuju bangsa Melayu adalah lebih rendah daripada bangsa Cina iaitu masing-masing ialah 22.31% dan 35.04%. Jurang perbezaan ialah 12.73%. Manakala peratusan setuju dan sangat setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan untuk bangsa Melayu ialah 44.62% dan bangsa Cina ialah 31.39%. Jelaslah bangsa Melayu lebih mementingkan PSV sebagai prospek kerjaya masa depan.

#### 4.4.3.3 Mempelajari PSV Adalah Atas Paksaan Pakej

Merujuk Jadual 4.7, skor min untuk mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh pihak sekolah ialah 3.15. Statistik dan huraian menurut bangsa dalam mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh pihak sekolah adalah seperti berikut:

**Jadual 4.26:** Statistik Menurut Bangsa Dalam Persepsi Mempelajari PSV Adalah Atas Paksaan Pakej

Skala	n=303									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	5	1.65	18	5.94	2	0.66	0	0.00	25	8.25
Tidak Setuju	26	8.58	28	9.24	8	2.64	0	0.00	62	20.46
Tidak Pasti	40	13.20	38	12.54	10	3.30	0	0.00	88	29.04
Setuju	46	15.18	39	12.87	9	2.97	4	1.32	98	32.34
Sangat Setuju	13	4.29	14	4.62	2	0.66	1	0.33	30	9.90
Jumlah	130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00


Menurut Jadual 4.26, hasil data kajian menunjukkan bahawa kadar peratusan bahawa penafian mempelajari PSV adalah kerana paksaan pakej mata pelajaran ialah 28.71%. Peratusan yang paling tinggi dalam penafian mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej ialah responden Cina (15.18%), diikuti responden Melayu (10.23%) dan India (3.30%).

Data kajian Jadual 4.26 menunjukkan kadar peratusan skala tidak pasti mempelajari PSV adalah kerana paksaan pakej mata pelajaran ialah 29.04%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Melayu (13.20%), diikuti responden Cina (12.54%) dan India (3.30%).

Berdasarkan Jadual 4.26, kadar peratusan skala setuju dan sangat setuju bahawa mempelajari PSV adalah kerana paksaan pakej mata pelajaran ialah 42.24%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (19.47%), diikuti responden Cina (17.49%), India (3.63%) dan bangsa lain (1.65%). Dapat disimpulkan bahawa responden Melayu beranggapan bahawa mempelajari PSV adalah kerana paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh sekolah.

Memandangkan 42.9% responden adalah bangsa Melayu dan 45.2% adalah bangsa Cina, statistik responden menyumbang peratusan dalam mempelajari PSV

adalah atas paksaan pakej mata pelajaran menurut bangsa adalah dibandingkan seperti dalam Rajah 4.17.



**Rajah 4.17:** Statistik mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh pihak sekolah menurut bangsa Melayu dan Cina

Menurut Rajah 4.17, peratusan amat tidak setuju dan tidak setuju bangsa Melayu adalah lebih rendah daripada bangsa Cina iaitu masing-masing ialah 3.85% dan 20.00%. Jurang perbezaan ialah 16.15%. Manakala peratusan setuju dan sangat setuju bahawa mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh pihak sekolah untuk bangsa Melayu ialah 45.88% dan bangsa Cina ialah 40.69%. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap mempelajari subjek adalah atas paksaan pakej sekolah adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina. Menurut Jadual 4.7, mod untuk



item ini ialah skala setuju. Jelaslah tidak kurang responden mempelajari subjek PSV adalah kerana penentuan pakej yang ditentukan oleh sekolah.

#### 4.4.4 Perbandingan Persepsi Responden Terhadap Buku Teks PSV

Menurut Jadual 4.9, mod untuk persepsi terhadap buku teks adalah skala setuju. Memandangkan sisihan piawai yang terendah dalam Jadual 4.9 ialah 1.012 dan 1.030, iaitu item buku teks boleh membantu murid dalam membuat persediaan belajar dan buku teks merupakan pemangkin minat murid. Perbandingan persepsi antara bangsa Melayu dan Cina terhadap buku teks PSV adalah menerusi dua item tersebut. Analisis dan perbandingan hasil data kajian adalah berdasarkan frekuensi dan peratusan seperti dalam Jadual 4.27.

##### 4.4.4.1 Buku Teks Boleh Membantu Murid Dalam Membuat Persediaan Belajar

Merujuk Jadual 4.9, skor min untuk buku teks boleh membantu murid dalam membuat persediaan belajar ialah 3.75. Statistik dan huraian perbandingan persepsi tersebut menurut bangsa adalah seperti berikut:

**Jadual 4.27:** Statistik Persepsi Responden Menurut Bangsa Terhadap Buku Teks Boleh Membantu Murid Dalam Membuat Persediaan Belajar PSV

n=303	Bangsa									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
Skala	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	2	0.66	6	1.99	1	0.33	0	0.00	9	2.98
Tidak Setuju	2	0.66	23	7.62	0	0.00	1	0.33	26	8.61
Tidak Pasti	23	7.62	37	12.25	9	2.98	0	0.00	69	22.85
Setuju	63	20.86	44	14.57	14	4.64	4	1.32	125	41.39
Sangat Setuju	40	13.25	27	8.94	6	1.99	0	0.00	73	24.17
Jumlah	130	43.05	137	45.36	30	9.93	5	1.66	302	100.00

Berdasarkan Jadual 4.27, kadar peratusan responden amat tidak setuju dan tidak setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar ialah 11.59%. Peratusan yang paling tinggi dalam penafian buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar ialah responden Cina (9.61%), diikuti responden Melayu (1.32%) dan India (0.33%).

Data kajian Jadual 4.27 menunjukkan kadar peratusan skala tidak pasti mempelajari PSV adalah kerana paksaan pakej mata pelajaran ialah 22.85%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Cina (12.25%), diikuti responden Melayu (7.62%) dan India (2.98%).

Berdasarkan Jadual 4.26, kadar peratusan responden setuju dan sangat setuju buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar ialah 65.56%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (34.11%), diikuti responden Cina (23.51%), India (6.63%) dan bangsa lain (1.32%).

Menurut Jadual 4.9, mod untuk item ini ialah skala setuju dan kadar peratusan ialah 41.39%. Jelaslah kebanyakan responden mempelajari subjek PSV adalah kerana penentuan pakej yang ditentukan oleh sekolah terutamanya responden Melayu.


Memandangkan 42.9% responden adalah bangsa Melayu dan 45.2% adalah bangsa Cina, statistik responden menyumbang peratusan dalam buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar menurut bangsa Melayu dan Cina adalah dibandingkan seperti dalam Jadual 4.28.

**Jadual 4.28:** Statistik Persepsi Responden Melayu dan Cina Terhadap Buku Teks PSV

Skala	Bangsa			
	Melayu		Cina	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	2	1.54	6	4.38
Tidak Setuju	2	1.54	23	16.79
Tidak Pasti	23	17.69	37	27.01
Setuju	63	48.46	44	32.12
Sangat Setuju	40	30.77	27	19.71
Jumlah	130	100.00	137	100.00

Menurut Rajah 4.28, peratusan amat tidak setuju dan tidak setuju responden Melayu adalah lebih rendah daripada responden Cina iaitu masing-masing ialah 3.08% dan 21.17%. Jurang perbezaan ialah 18.09%. Manakala peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar untuk responden Melayu ialah 79.23% dan responden Cina ialah 51.83%. Perbezaan kadar peratusan antara responden Melayu dan Cina terhadap persepsi ini amat ketara iaitu 27.40%.

Kadar persetujuan responden Melayu terhadap buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar adalah jauh lebih tinggi daripada responden Cina. Statistik responden Melayu dan Cina menyumbang peratusan dalam buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar digambarkan seperti dalam Rajah 4.18.



**Rajah 4.18:** Statistik responden Melayu dan Cina dalam buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar

#### 4.4.4.2 Buku Teks Merupakan Pemangkin Minat

Merujuk Jadual 4.9, skor min untuk buku teks merupakan pemangkin minat untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik ialah 3.56. Statistik dan huraian perbandingan persepsi tersebut menurut bangsa adalah seperti berikut:

**Jadual 4.29:** Statistik Persepsi Responden Terhadap Buku Teks Merupakan

## Pemangkin Minat

Skala	n=303									
	Bangsa									
	Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	3	0.99	7	2.31	1	0.33	0	0.00	11	3.63
Tidak Setuju	14	4.62	20	6.60	1	0.33	0	0.00	35	11.55
Tidak Pasti	35	11.55	39	12.87	10	3.30	1	0.33	85	28.05
Setuju	52	17.16	47	15.51	15	4.95	3	0.99	117	38.61
Sangat Setuju	26	8.58	24	7.92	4	1.32	1	0.33	55	18.15
Jumlah	130	42.90	137	45.21	31	10.23	5	1.65	303	100.00

Berdasarkan Jadual 4.29, kadar peratusan responden amat tidak setuju dan tidak setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat ialah 15.18%. Peratusan yang paling tinggi dalam penafian buku teks sebagai pemangkin minat ialah responden Cina (8.91%), diikuti responden Melayu (5.61%) dan India (0.33%).

Data kajian Jadual 4.29 menunjukkan kadar peratusan skala tidak pasti bahawa buku teks merupakan pemangkin minat ialah 28.05%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori tidak pasti ialah responden Cina (12.87%), diikuti responden Melayu (11.55%) India (3.30%) dan bangsa lain (0.33%).

Berdasarkan Jadual 4.29, kadar peratusan responden setuju dan sangat setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat ialah 56.76%. Peratusan yang paling tinggi dalam kategori setuju dan sangat setuju ialah responden Melayu (25.74%), diikuti responden Cina (23.43%), India (6.27%) dan bangsa lain (1.32%).

Menurut Jadual 4.9, mod untuk buku merupakan pemangkin minat ialah skala setuju iaitu kadar peratusannya ialah 38.61%. Jelaslah kebanyakan responden setuju buku teks merupakan pemangkin minat melalui bacaan dan penghayatan ilustrasi yang menarik.


Memandangkan 42.9% responden adalah bangsa Melayu dan 45.2% adalah bangsa Cina, statistik responden menyumbang peratusan dalam buku teks merupakan pemangkin minat untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik menurut bangsa Melayu dan Cina adalah dibandingkan seperti dalam Jadual 4.30.

**Jadual 4.30:** Statistik Persepsi Responden Melayu dan Cina Terhadap Buku Teks Merupakan Pemangkin Minat

Skala	Bangsa			
	Melayu		Cina	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Amat Tidak Bersetuju	3	2.31	7	5.11
Tidak Setuju	14	10.77	20	14.60
Tidak Pasti	35	26.92	39	28.47
Setuju	52	40.00	47	34.31
Sangat Setuju	26	20.00	24	17.52
Jumlah	130	100.00	137	100.00

Menurut Rajah 4.30, peratusan amat tidak setuju dan tidak setuju bangsa Melayu adalah lebih rendah daripada bangsa Cina iaitu masing-masing ialah 13.08% dan 19.71%. Jurang perbezaan ialah 6.63%. Manakala peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat untuk bangsa Melayu ialah 60.00% dan bangsa Cina ialah 51.83%.

Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks merupakan pemangkin minat adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina. Statistik responden Melayu dan Cina menyumbang peratusan dalam buku teks merupakan pemangkin minat digambarkan seperti dalam Rajah 4.19.



**Rajah 4.19:** Statistik bangsa Melayu dan Cina dalam buku teks merupakan pemangkin minat

#### 4.5 Kesimpulan

Dari segi aliran para responden, hasil kajian mendapati seramai 303 orang (100.0%) dari aliran sastera. Ini menunjukkan subjek PSV hanya ditawarkan kepada pencapaian akademik murid yang tidak secemerlang pencapaian akademik murid aliran sains.

Dalam prestasi Kertas 1 subjek PSV, pencapaian akademik responden perempuan semakin menurun ke arah kenaikan tahap kecemerlangan. Manakala responden lelaki mencapai tahap pencapaian lulus yang rendah dan semakin meningkat ke arah kecemerlangan. Pada keseluruhannya, responden lelaki mencapai tahap

pencapaian yang lebih cemerlang dalam subjek PSV Kertas 1, responden perempuan mencapai tahap pencapaian yang lebih cemerlang dalam subjek PSV Kertas2.

Prestasi responden bangsa Cina tertumpu di tahap lulus dan kepujian dalam Kertas 1 subjek PSV, manakala responden bangsa Melayu terserlah dalam tahap pencapaian cemerlang. Pada keseluruhannya, prestasi responden bangsa Melayu lebih cemerlang daripada responden bangsa Cina dalam pencapaian akademik Kertas 1 subjek PSV. Ini menunjukkan penguasaan bangsa Melayu dalam Kertas 1 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan bangsa Cina.

Pada keseluruhannya, 43.9% responden minat terhadap subjek PSV. Sebanyak 42.24% daripada responden mengakui mempelajari subjek PSV adalah kerana penentuan pakej yang ditentukan oleh sekolah.

Responden Melayu dan Cina mempunyai persepsi yang berlainan terhadap subjek PSV. Bangsa Melayu lebih mementingkan PSV sebagai prospek kerjaya masa depan. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar adalah jauh lebih tinggi daripada bangsa Cina. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks merupakan pemangkin minat adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina.



## **BAB 5 DAPATAN KAJIAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

### **5.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan mengkaji, menganalisis dan membanding murid-murid Melayu dan Cina dalam tahap minat, persepsi dan tahap pencapaian akademik murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Pendekatan kajian tinjauan digunakan untuk mengumpul data. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan dokumen pencapaian peperiksaan pertengahan tahun atau akhir tahun. Subjek kajian terdiri daripada 303 orang murid tingkatan empat yang telah menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2013 di empat buah sekolah menengah harian di zon Bangsar.

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis data. Analisis kajian ini juga akan membincangkan data mengikut objektif kajian. Dalam bahagian pertama, kajian ini membincangkan hasil dapatan kajian. Bahagian kedua membincangkan implikasi kajian. Bahagian ketiga akan memberi cadangan kajian yang selanjutnya. Manakala bahagian keempat merumuskan kesimpulan.

### **5.2 Dapatan Kajian**

Dapatan kajian membincangkan perbandingan tahap minat, persepsi dan pencapaian akademik murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual di zon Bangsar Kuala Lumpur.

#### **5.2.1 Tahap Minat Responden Terhadap Subjek Pendidikan Seni Visual**

Seramai 133 dari 303 atau 43.89% responden minat terhadap subjek PSV. Peratusan minat yang paling tinggi ialah bangsa Melayu (21.12%), diikuti bangsa Cina (15.51%), India (5.94%) dan bangsa lain (1.32%).

Dalam perbandingan tahap minat di antara bangsa Melayu dan Cina terhadap subjek PSV, didapati 64 daripada 130 responden (49.23%) Melayu minat atau sangat berminat terhadap subjek PSV. Manakala 47 daripada 137 responden (34.31%) minat atau sangat berminat terhadap subjek PSV. Peratusan tahap minat atau sangat berminat terhadap PSV responden Melayu lebih tinggi 14.92% daripada responden Cina. Dapat disimpulkan tahap minat bangsa Melayu terhadap subjek PSV lebih tinggi daripada bangsa Cina.

### **5.2.2 Persepsi Responden Terhadap PSV**

Responden Melayu dan Cina mempunyai persepsi yang berlainan terhadap subjek PSV. Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa PSV sama penting dengan subjek lain untuk responden Melayu ialah 46.16% dan responden Cina ialah 29.20%. Jelaslah responden Melayu lebih mementingkan subjek PSV jika dibandingkan dengan responden Cina.

Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan untuk responden Melayu ialah 44.62% dan responden Cina ialah 31.39%. Jelaslah responden Melayu lebih mementingkan PSV sebagai prospek kerjaya masa depan.

Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh pihak sekolah untuk responden Melayu ialah 45.88% dan responden Cina ialah 40.69%. Kadar persetujuan bangsa Melayu lebih tinggi daripada bangsa Cina dalam perbandingan mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran sekolah.

Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar untuk responden Melayu ialah 79.23% dan responden Cina ialah 51.83%. Perbezaan kadar peratusan anantara bangsa Melayu dan Cina terhadap persepsi ini amat ketara iaitu 27.40%. Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku

teks merupakan pemangkin minat untuk bangsa Melayu ialah 60.00% dan bangsa Cina ialah 51.83%. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks merupakan pemangkin minat adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina. Jelaslah buku teks dapat membantu dalam persediaan belajar dan dapat mencungkil minat terhadap subjek PSV untuk bangsa Melayu mahupun bangsa Cina.

### **5.2.3 Perbandingan Pencapaian Akademik Responden dalam Subjek PSV**

Subjek PSV hanya dipelajari oleh responden aliran sastera di mana pencapaian akademik adalah tidak secemerlang murid aliran sains. Pencapaian akademik subjek PSV meliputi Kertas 1 dan Kertas 2 dan pembahagian markah adalah sama iaitu masing-masing 50 markah. PSV Kertas 1 menekankan aspek kognitif yang menitikberatkan kefahaman terhadap asas dan teori seni. PSV Kertas 2 menitikberatkan aspek psikomotor dalam proses penghasilan bahan. Huraian perbandingan pencapaian akademik antara jantina dan bangsa adalah seperti berikut.

#### **5.2.3.1 Jantina**

Peratusan responden perempuan mencapai tahap lulus yang lebih tinggi 1.98% daripada lelaki dan semakin menurun ke arah tahap cemerlang dalam penilaian Kertas 1. Sebaliknya responden lelaki mencapai tahap pencapaian lulus yang rendah dan semakin meningkat ke arah tahap cemerlang. Responden lelaki lebih menyerlah dalam penguasaan teori seni.


Perbezaan peratusan pencapaian tahap lulus Kertas 2 responden lelaki dan perempuan tidak ketara. Peratusan tahap lulus responden perempuan adalah lebih tinggi 0.15% daripada responden lelaki. Peratusan tahap pencapaian kepujian responden perempuan adalah lebih tinggi 2.63% daripada responden lelaki. Peratusan tahap pencapaian cemerlang responden perempuan adalah lebih tinggi 0.34% daripada

responden lelaki. Responden perempuan mencapai prestasi yang lebih baik dalam Kertas 2 yang menguji gubahan, warna dan media, ketepatan tema soalan dan kreativiti. Keadaan ini mungkin disebabkan sifat kerajinan murid perempuan berbanding dengan murid lelaki. Murid perempuan lebih bersikap positif dalam amalan persediaan dalam peperiksaan khususnya Kertas 2.

### **5.2.3.2 Bangsa**

Peratusan kelulusan Kertas 1 subjek PSV responden Melayu lebih tinggi 21.67% daripada responden Cina. Peratusan tahap pencapaian lulus (Gred D dan E), kepujian (Gred C, C+ dan B) cemerlang (Gred A-, A dan A+) responden Melayu lebih tinggi daripada bangsa Cina. Pencapaian akademik responden Melayu dalam subjek PSV Kertas 1 adalah lebih baik berbanding dengan responden Cina.

Peratusan kelulusan Kertas 2 subjek PSV responden Cina lebih tinggi 2.94% daripada responden Melayu. Peratusan tahap pencapaian lulus (Gred D dan E) dan kepujian (Gred C, C+ dan B) responden Cina lebih tinggi daripada responden Melayu. Peratusan tahap pencapaian cemerlang (Gred A-, A dan A+) responden Melayu lebih tinggi 19.82% daripada bangsa Cina. Pencapaian akademik responden Cina dalam subjek PSV Kertas 2 adalah tertumpu di tahap lulus dan kepujian manakala responden Melayu menyerlah dalam tahap pencapaian cemerlang.



**Rajah 5.1:** Dapatan kajian berdasarkan objektif kajian

### 5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan tahap minat dan persepsi dalam pencapaian akademik. Ini dapat memberi penunjuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, para pendidik, murid, ibu bapa dan seterusnya orang ramai agar memupuk minat dan mengubah persepsi terhadap subjek PSV.

#### 5.3.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini diharap menyumbangkan data yang berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya untuk merangsang minat terutamanya di kalangan murid-murid yang lemah dari segi pencapaian akademik. Data kajian ini juga menjadi rujukan

semasa membuat keputusan masa depan berkenaan dengan sukatan pelajaran atau aktiviti-aktiviti subjek PSV khususnya tingkatan empat.

Memandangkan buku teks merupakan pemangkin minat dan boleh membantu murid dalam membuat persediaan belajar, adalah diharap Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menyediakan buku teks PSV untuk murid.

### **5.3.2 Sekolah**

Dapatan yang diperolehi adalah perlu dipertimbangkan semasa merancang pakej mata pelajaran sekolah. Adalah diharap pihak sekolah menggalakkan murid dari aliran sains untuk mengikuti subjek PSV. Jika terdapat kekangan kekurangan guru pengkhususan seni visual, maka adalah diharap memberi tumpuan kepada murid aliran sains yang berminat PSV sahaja.

### **5.3.3 Para Pendidik**


Input dapatan kajian juga berguna kepada para pendidik yang mengajar PSV. Guru boleh merujuk maklumat ini semasa perancangan dan kaedah pembelajaran dan pengajaran dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah. Ini membantu murid meningkatkan tahap minat dan pencapaian prestasi murid.

Para pendidik perlu memberi bimbingan yang lebih kepada murid yang lemah agar dapat membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam PSV. Murid Cina dari aliran sastera yang mengikuti PSV lebih lemah dalam bahasa berbanding dengan murid aliran sains. Mereka tidak dapat memperolehi skor yang tinggi kerana menghadapi masalah memahami soalan ujian berbentuk aneka pilihan yang menekankan pemahaman teori.

### 5.3.4 Murid

Kajian ini turut menanam kesedaran di kalangan murid terutamanya murid yang lemah yang tidak mempunyai kemahiran belajar yang baik. Adalah diharap para murid dapat memberi gambaran yang baru yang selama ini menganggap subjek PSV tidak memberi manfaat kepada masa depan mereka dan menganggap subjek ini membosankan. Maklumat ini akan menjadi panduan kepada murid agar dapat mengubah sikap dan seterusnya lebih berminat untuk mempelajari PSV, menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.

Dengan penjelasan persepsi terhadap PSV, mudah-mudahan berjaya memupuk dan merangsang minat murid terhadap seni dan meyakinkan lapisan masyarakat bahawa seni bukan sekadar serpihan kecil dalam kehidupan tetapi meliputi hampir setiap aspek kehidupan manusia (Md. Nasir Hj. Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003). Implikasi berdasarkan objektif dapat digambarkan dalam Rajah 5.2.



**Rajah 5.2:** Implikasi Kajian Berdasarkan Okjektif Kajian

## **5.4 Kesimpulan**

Penyelidikan ini terdapat lima objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap minat murid tingkatan empat dalam subjek PSV di zon Bangsar Kuala Lumpur, menganalisis persepsi murid tingkatan empat terhadap subjek PSV, persepsi murid tingkatan empat terhadap penentuan pakej mata pelajaran sekolah, persepsi terhadap buku teks PSV dan seterusnya perbandingan pencapaian akademik antara bangsa Melayu dan Cina.

Untuk mencapai objektif kajian, soalan kajian diperincikan. Soalan kajian pertama mengenal pasti tahap minat murid tingkatan empat terhadap subjek PSV. Soalan kajian yang seterusnya mengkaji impak persepsi murid terhadap subjek PSV, persepsi penentuan pakej mata pelajaran sekolah, persepsi terhadap buku teks PSV terhadap pencapaian akademik. Soalan kajian kelima menaksir dan membanding beza tahap pencapaian akademik murid Melayu dan Cina dalam subjek PSV.

Kaedah penyelidikan kajian ini berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan untuk memungut data ialah soal selidik dan dokumen analisis markah pencapaian penilaian murid. Soal selidik yang digunakan berformat soal selidik berstruktur. Sampel kajian adalah dari empat buah sekolah menengah harian yang bertempat di sekitar zon Bangsar Kuala Lumpur. Kajian ini melibatkan seramai 303 orang sampel.

### **5.4.1 Tahap Minat Murid Tingkatan Empat Dalam Subjek PSV**

Berdasarkan dapatan kajian soal selidik 2.7, min untuk tahap minat adalah 3.51 iaitu hampir setuju berminat terhadap subjek PSV. Terdapat 55.7% (n=303) daripada responden setuju atau sangat setuju berminat terhadap subjek PSV. Tahap minat bangsa Melayu terhadap subjek PSV lebih tinggi daripada bangsa lain khususnya .



#### **5.4.2 Persepsi Murid Tingkatan Empat Terhadap Subjek PSV**

Terdapat 68.0% (n=303) daripada responden setuju atau sangat setuju PSV merupakan subjek yang menarik. Seramai 117 responden (38.6%) beranggapan PSV sama penting dengan subjek lain. Kadar persetujuan bangsa Melayu (46.16%) lebih tinggi daripada bangsa Cina (29.2%). Jelaslah bangsa Melayu lebih mementingkan subjek PSV jika dibanding dengan bangsa Cina.

43.2% daripada responden berpendapat PSV memberi kesan dalam kehidupan. Terdapat 39.3% responden setuju atau sangat setuju bahawa PSV penting dalam prospek kerjaya masa depan. Kadar persetujuan bangsa Melayu (44.62%) berbeza dengan bangsa Cina (31.39%). Adalah ketara bangsa Melayu lebih mementingkan subjek PSV sebagai prospek kerjaya masa depan jika dibanding dengan bangsa Cina.

#### **5.4.3 Persepsi Murid Tingkatan Empat Terhadap Penentuan Pakej Mata Pelajaran Sekolah**

Mod untuk persepsi ini ialah skala setuju. Jelaslah ramai responden mempelajari subjek PSV adalah kerana penentuan pakej yang ditentukan oleh sekolah. Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa mempelajari PSV adalah atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditentukan oleh pihak sekolah untuk bangsa Melayu ialah 45.88% dan bangsa Cina ialah 40.69%. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap mempelajari subjek adalah atas paksaan pakej sekolah adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina.

#### **5.4.4 Persepsi Terhadap Buku Teks PSV**

Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar untuk bangsa Melayu ialah 79.23% dan bangsa Cina ialah 51.83%. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks boleh membantu dalam membuat persediaan belajar adalah jauh lebih tinggi daripada bangsa Cina.

Peratusan setuju dan sangat setuju bahawa buku teks merupakan pemangkin minat untuk bangsa Melayu ialah 60.00% dan bangsa Cina ialah 51.83%. Kadar persetujuan bangsa Melayu terhadap buku teks merupakan pemangkin minat adalah lebih tinggi daripada bangsa Cina.

#### **5.4.5 Perbandingan Pencapaian Akademik Antara Bangsa Melayu dan Cina**

Prestasi responden Cina tertumpu di tahap lulus dan kepujian dalam Kertas 1 berbentuk aneka pilihan, manakala responden Melayu menyerlah dalam tahap pencapaian cemerlang. Pada keseluruhannya, prestasi responden bangsa Melayu lebih cemerlang daripada responden bangsa Cina dalam pencapaian akademik Kertas 1 subjek PSV. Ini menunjukkan penguasaan bangsa Melayu dalam Kertas 1 subjek PSV adalah lebih baik berbanding dengan bangsa Cina.


Dalam pencapaian akademik Kertas 2 subjek PSV pula, prestasi responden Cina tertumpu di tahap pencapaian lulus dan kepujian, manakala responden Melayu menyerlah dalam tahap pencapaian cemerlang. Kesimpulan dapat digambarkan dalam Rajah 5.3.

#### **5.5 Cadangan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan empat yang mengikuti subjek PSV. Kajian boleh dijalankan terhadap tahap minat, persepsi bagi murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) mahupun pelajar di kolej swasta atau institusi tinggi.

Sampel kajian ialah murid yang tinggal di sekitar zon Bangsar Kuala Lumpur. Kajian boleh melibatkan murid di kawasan luar Bandar yang serba kekurangan dari segi kemudahan seperti buku rujukan dan laman web.

Kajian juga boleh dijalankan terhadap implikasi latar belakang keluarga, persekitaran sekolah dan prasarana terhadap pencapaian akademik subjek PSV.



**Rajah 5.3:** Kesimpulan Objektif Kajian

## 5.6 Rumusan

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap minat, persepsi individu mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid. Murid yang menunjukkan tahap minat yang tinggi dan mengamalkan sikap yang positif mendapat

keputusan peperiksaan yang lebih baik. Minat dan persepsi yang positif menjadi pendorong utama untuk usaha dengan lebih gigih dan memotivasikan seseorang murid mendapat pencapaian yang lebih cemerlang.

Semoga kajian ini dapat menarik perhatian pihak-pihak yang berkaitan untuk menarik minat dan menanam kesedaran kepentingan PSV dan seterusnya mengubah persepsi murid untuk mempelajari PSV dengan selanjutnya.

## RUJUKAN

- Ad Nor Azli Ismail & Jamil Ahmad. (2010). *Peranan game-based learning dalam pembelajaran bagi meningkatkan prestasi murid linus*. Selangor: Fakulti Pendidikan UKM.
- Abu Bakar Bordin, & Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah pendidikan dan kurikulum edisi kedua*. Tanjong Malim, Perak: Quantum Books.
- Achmad Sopandi Hasan. (2003). *Lukisan Gua Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Addiss, S., & Erickson, M. (1993). *Art history and education*. Illinois: University of Illinois Press.
- Ahmed Ghazie Ibrahim. (1993). Perkembangan pendidikan seni di Malaysia: Perubahan yang diterokai dan kemungkinan yang diidamkan. Dalam *Pendidikan di Malaysia: arahan dan cabaran*, (ms 21-26). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Anderson L. W. & Sosniak L. A. (1994). *Bloom's taxonomy: a forty-year retrospective*. Chicago: The National Society For The Study Of Education.
- Amer Shakir Zainol. (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran di fakulti seni lukis dan seni reka UiTM Shah Alam*. Laporan Penyelidikan Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Amir Hussin Baharuddin. (1989). *Kaedah kuantitatif: suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (ms. 129-195)
- Arnot, M., David, M & Weiner, G. (1995). Educational reforms and gender equality in schools. In Gaine, G. & George, R. *Gender, race and class in schooling: A new introduction*. London: Falmer Press.
- Azirah Hashim, Kow, K.Y.C., Jawakhir Mior Jaafar, Stefanie Sharmila Pillai, Anneliese Lutgen, Bong M.Y., et al. (99). *How to avoid plagiarism: A handbook for postgraduate students*. Kuala Lumpur: University of Malaya, Faculty of Languages and Linguistics.
- Azizi Ahmad, & Mohd. Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, & Zurihanmi Zakariya. (2005). *Psikologi kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Babbie, E. (1998). *The practice of social research* (8th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Basow, S.A. (1984). Ethnic group differences in educational achievement in Fiji. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 15(4), 435-451.
- Birenbaum, M. & Kraemer, R. (1995). Gender and ethnic-group differences in causal attributions for success and failure in Mathematics and language examinations. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 26(4), 342-359.
- Bloom, B. S. (1989). *Taxonomy of educational objectives book 1 cognitive domain*. (Abdullah Junus, penterjemahan) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. ( Original work published 1959)
- Bloom, B. S., Krathwohl D. R., & Masia, B. B. (1988). *Taxonomy of educational objectives book 2: Affective domain*. (Mohd. Zainuddin Hashim, penterjemahan) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. (Original work published 1964)
- Chang, H. W. (2008). *Teori seni visual*. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Pendahuluan (ms. xvii-xix)
- Chiari J. 1997. *Art and knowledge*. New York: Gordian Press.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia.
- Clark, D. (2009). *Bloom's Taxonomy of Learning Domains - The Three Types of Learning*. Dimuat turun pada 23th April 2013, daripada <http://www.nwlink.com/~Donclark/hrd/bloom.html>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston: Pearson Education.

- Dhezun. *Taksonomi Bloom Dalam Pembelajaran*. Dimuat turun pada 15 September 2013, daripada <http://dhezun-notes.blogspot.com/2013/09/taksonomi-bloom-dalam-pendidikan.html>
- Eccleston, G., Borkin, I & Burrows, A. (1990). Sex-related differences in academic achievement performance at GCE (A level). *Educational research*, 32(3), 229-240.
- Farul Asri. *Tamadun awal 40000 – 2000 tahun dahulu di Tanah Melayu*. Dimuat turn pada 23 Januari 2013, daripada <http://sejarahmelayu.wordpress.com/>
- Goh, S. T. (2003). *Aktiviti persediaan peperiksaan: amalan dan peranannya terhadap pencapaian akademik pelajar*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Harding, Jan. (1979). Sex differences in examination performances at 16+. *Physics Education*, 14, 280-288.
- Habibah Elias, & Rahil Mahyuddin. (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hergenhahn, B. R., & Olson, M. H. (2005). *An introduction to theories of learning* (7th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- International Seminar On Global Education II: Education Tranformation Toward A Develop Nation (UKM) 2014*.
- Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan (1993). *Pendidikan di Malaysia: arahan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jesson, J. K., Matheson, L., & Lacey, F. M. (2011). *Doing your literature review: tradisional and systematic techniques*. Boston: Sage Publication Limited.
- Kamus Dewan Edisi Baru* (2005). Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1973). *Sukatan pelajaran sekolah menengah: Seni lukis dan pertukangan tangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Sukatan pelajaran sekolah menengah: Seni lukis dan pertukangan tangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Sukatan pelajaran sekolah menengah: Seni lukis dan pertukangan tangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: pendidikan seni visual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Huraian sukatan pelajaran: pendidikan seni visual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim, T.S. (1996). *Perhubungan di antara gaya kognitif, kumpulan etnik, jantina dan pencapaian matematik murid-murid sekolah rendah*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Leok, J. (2012). *Penggunaan Eduweb TV Dalam Pengajaran: Satu kajian Kes Di Sekolah Menengah Daerah Serberang Prai, Pulau Pinang*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Kesenian (Seni Persembahan). Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya.
- Loo, P. P. (2002). *Perhubungan di antara gaya kognitif, jantina, kecerdasan dan pencapaian pelajar tingkatan 4 dalam Biologi, Kimia dan Fizik*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Lukisan di dinding Gua Tambun*. Dimuat turun pada 23th Januari 2013, daripada <http://mforum.cari.com.my>
- Mazlan Mohamad. (1996). *Pendidikan seni 1: prinsip pendidikan seni*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Md. Nasir Ibrahim, & Iberahim Hassan. (2003). *Pendidikan seni untuk maktab & universiti*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Najib Ahmad Dawa, Zanita Anuar, Hashimah Nyok, & Zainol Abidin Ahmad Shariff. (2008). *Susurmasa*. Kuala Lumpur: National Art Gallery Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.



- Mohammadjavad Mahdavinejad & Abdolbaghi Moradchelleh (2012). The impact of family and social class on efficiency of arts education and learning. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 11(8), 1068-1077.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2008). *Apresiasi & Kritikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Razali Jaafar. (2004). *Pandangan guru pendidikan seni terhadap keperluan buku teks pendidikan seni visual*. Disertasi Sarjana Pendidikan yang belum diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mok, S. S. (2010). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Rohana Mansor. (2007). *Aras kognitif soalan*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Paradise, L. V. & Block, C. (1984). The relationship of teacher- student cognitive style to academic achievement. *Journal of research and development in education*, 17(4), 57-61.
- Poh, B. T. & Ng, M. L. Y. Abdullah Sharifah Md. Nor. (1992). Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik. *Pendidik dan Pendidikan*, 11, 61-69.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukul latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razman Kamarudin. (2004). *Sikap murid terhadap guru dan pencapaian dalam mata pelajaran pendidikan seni*, Disertasi Sarjana Pendidikan yang belum diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Read, H. E. (1931). *The Meaning of Art*. London: Faber & Faber Limited. pp. 17-48.

- Shaiful Bahari Bachik. (1999). *Dokumen kurikulum pendidikan seni dan praktisnya di kalangan guru di sebuah sekolah menengah di daerah Raub, Pahang Darul Makmur*. Kertas projek Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharifah Md. Nor. (1992). Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik. *Pendidik dan pendidikan, 11*, 61-69.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan : Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Simpson E. J. (1972). *The Classification of Educational Objectives in the Psychomotor Domain*. Washington, DC: Gryphon House.
- Siti Ermi Syahira Abdul Jamil. (2009). *Perkembangan seni catan moden di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera (Masters of arts) yang belum diterbitkan. Kedah: Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia.
- Tajul Ariffin Adam. (2001). *Sejarah pendidikan seni di Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Troyna, B. (1992). Ethnicity and the organization of learning groups: A case study. *Educational Research, 34(1)*, 45-55.
- Tuckman, B. W. (1994). *Conducting educational research* Fort Worth: Harcourt Brace.
- Zaini Hussein. (2003). *Minat: Bagaimana menyedari dan mengembangkannya*. Kuala Lumpur: Insitut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

## Lampiran A Jadual Sampling

### Box 4.1

Sample size, confidence levels and confidence intervals for random samples

Population	Confidence level 90 per cent			Confidence level 95 per cent			Confidence level 99 per cent		
	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence	Confi-dence
30	27	28	29	28	29	29	29	29	30
50	42	45	47	44	46	48	46	48	49
75	59	64	68	63	67	70	67	70	72
100	73	81	88	79	86	91	87	91	95
120	83	94	104	91	100	108	102	108	113
150	97	III	125	108	120	132	122	131	139
200	115	136	158	132	150	168	154	168	180
250	130	157	188	151	176	203	182	201	220
300	143	176	215	168	200	234	207	233	258
350	153	192	239	183	221	264	229	262	294
400	162	206	262	196	240	291	250	289	329
450	170	219	282	207	257	317	268	314	362
500	176	230	301	217	273	340	285	337	393
600	187	249	335	234	300	384	315	380	453
650	192	257	350	241	312	404	328	400	481
700	196	265	364	248	323	423	341	418	507
800	203	278	389	260	343	457	363	452	558
900	209	289	411	269	360	468	382	482	605
1,000	214	298	431	278	375	516	399	509	648
1,100	218	307	448	285	388	542	414	534	689
1,200	222	314	464	291	400	565	427	556	727
1,300	225	321	478	297	411	586	439	577	762
1,400	228	326	491	301	420	606	450	596	796
1,500	230	331	503	306	429	624	460	613	827
2,000	240	351	549	322	462	696	498	683	959
2,500	246	364	581	333	484	749	524	733	1,061
5,000	258	392	657	357	536	879	586	859	1,347
7,500	263	403	687	365	556	934	610	911	1,480
10,000	265	408	703	370	566	964	622	939	1,556
20,000	269	417	729	377	583	1,013	642	986	1,688
30,000	270	419	738	379	588	1,030	649	1,002	1,737
40,000	270	421	742	381	591	1,039	653	1,011	1,762
50,000	271	422	745	381	593	1,045	655	1,016	1,778
100,000	272	424	751	383	597	1,056	659	1,026	1,810
150,000	272	424	752	383	598	1,060	661	1,030	1,821
200,000	272	424	753	383	598	1,061	661	1,031	1,826
250,000	272	425	754	384	599	1,063	662	1,033	1,830
500,000	272	425	755	384	600	1,065	663	1,035	1,837
1,000,000	272	425	756	384	600	1,066	663	1,036	1,840

	<i>Population</i>	<i>Sample</i>
Chinese	100	80
Spanish	50	44
English	800	260
American	50	44
Total	1000	428

Our original sample size of 278 has now increased, very quickly, to 428. The message is very clear: the greater the number of strata (subgroups), the larger the sample will be. Much educational research concerns itself with strata rather than whole samples, so the issue is significant.



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 1-4, BLOK E-8  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-88846591  
Faks : 03-88846579

Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5/JLD.10 (81)  
Tarikh : 16 Oktober 2014

Woon Yoke Lan  
48-4 Kondo Faber Ria  
Jalan Desa Sentosa  
58100 Taman Desa  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan /puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**"Kajian Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Murid Tingkatan Empat dalam Subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur"** diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi dari Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan.**

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian/laporan dalam bentuk elektronik berformat Pdf di dalam CD bersama naskah *hardcopy* setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DR. URA A/P PIN @ CHUM)**

Ketua Unit  
Sektor Penyelidikan dan Penilaian  
b.p. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*mie/surat\_kelulusan/14*



**PERBANDINGAN TAHAP MINAT, PERSEPSI DAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK MURID TINGKATAN EMPAT BERDASARKAN  
BANGSA MELAYU DAN CINA DALAM SUBJEK PENDIDIKAN  
SENI VISUAL DI ZON BANGSAR KUALA LUMPUR**

Tahap minat dan pencarian persepsi yang mempengaruhi pencapaian akademik merupakan suatu isu yang penting di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan membanding tahap minat, persepsi dan pencapaian akademik murid tingkatan empat berdasarkan bangsa Melayu dan Cina dalam subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur.

Kami amat berterima kasih sekiranya anda dapat meluangkan masa beberapa minit untuk melengkapkan soal selidik ini. Penyertaan anda dalam soal selidik ini adalah secara sukarela dan semua maklumat yang anda berikan dalam soal selidik ini adalah SULIT serta hanya akan digunakan untuk tujuan akademik.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai kajian ini, sila hubungi:

**Pusat Kebudayaan**  
Tingkat 2, Bangunan Lama Canseleri, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
Tel : 603-7967 3456 Fax : 603-7967 3576

Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan. Semua maklumat yang diberikan adalah sulit.

**Bahagian 1 : Demografi**

- 1.1 Tingkatan : 4 \_\_\_\_\_  
 1.2 Jantina :  Lelaki  Perempuan  
 1.3 Bangsa :  Melayu  Cina  India  Lain-lain

**Soalan Bahagian 2 hingga 3**

Sila tandakan (✓) pada jawapan berdasarkan skala yang diberikan di bawah :

1	2	3	4	5
Amat Tidak Bersetuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Amat Bersetuju

**Bahagian 2 : Tahap Minat Murid Tingkatan Empat Terhadap Subjek Pendidikan Seni Visual**

**a) Mengenal Pasti Tahap Minat Murid Tingkatan Empat Dalam Subjek Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur**

		1	2	3	4	5
2.1	Anda bersyukur kerana diberi peluang untuk belajar subjek Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
2.2	Aktiviti pembelajaran Pendidikan Seni Visual memberi kepuasan kepada anda.	1	2	3	4	5
2.3	Anda amat gembira semasa mempelajari Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
2.4	Anda mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
2.5	Anda ingin mempelajari Pendidikan Seni Visual dengan lebih mendalam.	1	2	3	4	5
2.6	Anda akan berasa kesal jika anda tidak menghadiri kelas Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
2.7	Anda amat berminat mempelajari subjek Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
2.8	Anda sentiasa membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5

**Bahagian 3 : Persepsi yang mempengaruhi pencapaian akademik murid tingkatan empat dalam subjek Pendidikan Seni Visual**

<b>a) Persepsi murid tingkatan empat terhadap subjek Pendidikan Seni Visual</b>						
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
3.1	Pendidikan Seni Visual adalah subjek yang menarik.	1	2	3	4	5
3.2	Pendidikan Seni Visual adalah sama penting dengan subjek lain.	1	2	3	4	5
3.3	Anda berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang dalam Pendidikan Seni Visual.	1	2	3	4	5
3.4	Anda sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas yang diberi.	1	2	3	4	5
3.5	Pendidikan Seni Visual memberi kesan dalam kehidupan anda.	1	2	3	4	5
3.6	Pendidikan Seni Visual penting dalam prospek kerjaya masa depan anda.	1	2	3	4	5
<b>b) Persepsi terhadap penentuan pakej mata pelajaran sekolah</b>						
3.7	Pendidikan Seni Visual hanya ditawarkan kepada kelas sastera.	1	2	3	4	5
3.8	Anda mempelajari Pendidikan Seni Visual atas paksaan pakej mata pelajaran yang ditetapkan oleh sekolah.	1	2	3	4	5
3.9	Anda akan gugurkan subjek Pendidikan Seni Visual jika dibenarkan oleh pihak sekolah.	1	2	3	4	5
3.10	Pendidikan Seni Visual dicadangkan diambil oleh semua murid tingkatan empat.	1	2	3	4	5
<b>c) Persepsi terhadap buku teks PSV</b>						
3.11	Buku teks merupakan satu saluran penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat.	1	2	3	4	5
3.12	Buku teks boleh membantu murid dalam membuat persediaan belajar.	1	2	3	4	5
3.13	Buku teks merupakan pemangkin minat murid untuk membaca dengan ilustrasi yang menarik.	1	2	3	4	5
3.14	Buku teks sebagai bahan rujukan murid-murid di sekolah dan di rumah ketika membuat ulangkaji.	1	2	3	4	5
3.15	Buku teks merupakan panduan awal kepada murid dalam proses pembelajaran.	1	2	3	4	5

**Terima kasih di atas kesediaan anda untuk menjawab soalan kaji selidik ini.**

**Kerjasama anda amatlah kami hargai.**

Lampiran D Hasil Lukisan Responden Dalam Penilaian Kertas 2 Subjek PSV

